# TAFSIR **SURAH YAASIN** DARI PERSPEKTIF SAINS DAN SEJARAH

~ Zawawi Haji Ahmad ~

# KANDUNGAN

# UCAPAN ALUAN

## Pegawai Kebajikan Anak Kedah Mesir

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan terima kasih kepada Al-Fadhil Prof. Madya Dr. Zawawi Ahmad kerana mengizinkan pihak Al-Muttaqin menerbit semula buku ini di Mesir. Sesungguhnya keizinan ini memberikan seribu makna kepada kami untuk terus lipatgandakan usaha dalam merealisasikan matlamat penubuhan Al-Muttaqin.

Saya amat yakin bahawa segala pendedahan, kaedah serta corak kajian dan perbahasan yang ditunjukkan oleh pengarang di dalam buku ini boleh dijadikan contoh dan panduan oleh mahasiswa Azhar untuk mereka memulakan kajian-kajian ilmiah mereka.

Saya juga merasa amat gembira kerana Al-Muttaqin telah menunjukkan sikap proaktif dengan menceburi bidang penerbitan. Semoga semua pihak akan dapat manfaat dengan penerbitan buku ini.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,

**En. Zakaria Othman,**
**Pegawai Kebajikan Anak Kedah Mesir**

**Tarikh: 25 Rejab 1429**

# UCAPAN ALUAN
## Yang Dipertua Majlis Kebajikan Keluarga Kedah

Segala puji dan syukur kehadrat Allat s.w.t. di atas limpah kurnia-Nya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.,ahli keluarga serta para sahabat baginda.

Tugas menyeru umat ke arah Islam yang *syumul* telah bermula sejak kebangkitan Nabi Adam a.s. lagi. Umat yang ada masa kini hanyalah merupakan mata rantai penyambung kesinambungan para anbiya terdahulu. Pelbagai langkah dan cara dapat diketengahkan buat masyarakat bagi merealisasikan Islam mampu memberi kebaikan untuk semua.

Justeru dengan terbitan semula buku yang berjudul “Tafsir Surah Yasin dari Perspektif Sains dan Sejarah” adalah tepat pada masanya. Saya mewakili kepimpinan Majlis Kebajikan Keluarga Kedah Mesir serta rakan-rakan mengucapkan sekalung penghargaan terima kasih yang tidak terhingga buat Ayahanda Al-Fadhil Ustaz Zawawi Ahmad selaku penulis yang memberi keizinan cetakan semula buat sisipan ilmu bagi tatapan anak-anak Malaysia yang menuntut di Mesir. Tahniah juga buat krew Al-Muttaqin yang menguruskan penerbitan ini. Sesungguhnya penulisan ini amat berguna kerana boleh memberi percambahan minda kepada para penuntut ilmu agar mengkaji mukjizat yang telah ditinggalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kepada umatnya.

Semoga dengan koleksi penulisan tokoh ilmuan ini mampu memberi sesuatu yang bermanfaat buat seluruh warga penuntut di bumi Mesir. Segala budi dan jasa baik kalian bakal dilipatgandakan ganjaran oleh Allah s.w.t.

Siru A'la Barakatillah.

Sekian, terima kasih.

**Mohd Fadhil Ab. Rahman**
**Yang Dipertua,**
**Majlis Kebajikan Keluarga Kedah**
**Sesi 2007/2008**

# UCAPAN ALUAN
## Pengarah Urusan Al-Muttaqin

Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Allah Tuhan sekalian alam kerana dengan taufiq dan inayah-Nya buku "Tafsir Surah Yasin dari Perspektif Sains dan Sejarah" dapat diterbitkan.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga, para sahabat dan para ulama' yang sentiasa berusaha menyebarkan Islam ke seluruh alam.

Usaha menyebarkan agama Islam dengan menggabungkan Al-Quran dan sains sangat jarang-jarang sekali dilaksanakan. Ini kerana usaha seperti ini menuntut kepada usaha yang gigih dan mengambil masa yang panjang serta kajian yang mendalam. Justeru, buku-buku seperti ini wajar menjadi bahan bacaan penting kepada semua lapisan masyarakat terutama para pelajar agama sebagai bekal dalam usaha menyampaikan Islam kepada masyarakat umum.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Zawawi Ahmad di atas kesudian memberikan kebenaran kepada Al-Muttaqin menerbitkan buku beliau edisi Mesir.

Sekalung penghargaan kepada semua krew Al-Muttaqin atas kesungguhan menerbitkan buku-buku ilmiah seperti ini. Juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam usaha menerbitkan buku ini.

Semoga dengan usaha yang kecil ini mendapat perhatian daripada Allah dan dikira sebagai amalan kebajikan di akhirat kelak.

Sekian, terima kasih.

**Abdul Hadi Awang**
**Pengarah Urusan Al-Muttaqin**

# MUKADIMAH

**Dengan nama Allah**, Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji hanya layak bagi Allah, Tuhan yang mencipta dan mendidik sekalian alam. Selawat dan salam diucapkan ke atas nabi junjungan, Muhammad s.a.w. serta keluarga dan sahabat sekalian.

Surah Yasin merupakan surah yang ke-36 daripada 114 surah yang terdapat dalam al-Quranul-karim. Surah ini mengandungi 83 ayat, yang semuanya diturunkan ketika Nabi Muhammad s.a.w. berada di Mekah, kecuali ayat yang ke-12, yang diturunkan di Madinah selepas baginda berhijrah ke sana. Justeru itulah surah Yasin digolongkan dalam surah Makkiyah.

Antara tujuan Allah menurunkan surah Yasin adalah untuk menambahkan keyakinan dan semangat baginda Rasulullah s.a.w. terhadap perjuangannya yang suci itu, khususnya ketika keadaan menjadi semakin mencabar akibat halangan dan tentangan kaum Quraisy terhadapnya kian memuncak dan semakin ganas. Selain itu, tujuan surah ini diturunkan adalah untuk menambah ilmu pengetahuan umat

Islam sendiri tentang akidah tauhid, tentang sejarah perjuangan para anbiya' dan para pengikut mereka yang beriman dan taat, dan juga tentang fenomena alam semesta yang maha luas ini, khususnya alam ghaib yang amat kompleks itu. Ini penting kerana pada peringkat permulaan wahyu diturunkan, manusia sangat cetek dan dangkal sekali ilmu pengetahuannya terhadap agama, akhlak dan taqwa.

Surah ini mengandungi beberapa fasa. Fasa pertama terdiri daripada ayat pertama hingga ayat yang ke-12. Dalam fasa ini, Allah menegaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w ialah salah seorang rasul yang dilantik-Nya untuk menyebarkan Islam kepada seluruh umat manusia bagi memperbetulkan segala penyelewengan, khususnya penyelewengan akidah yang berlaku di kalangan mereka. Fasa kedua terdiri daripada ayat ke-13 hingga ayat yang ke-32. Dalam fasa ini, Allah menjelaskan kaedah berdialog yang terbaik kepada Nabi Muhammad s.a.w. kerana baginda sentiasa berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat, khususnya golongan yang bijak dan berpengaruh. Perlu diketahui bahawa ketika berhujah dengan golongan yang mahu berfikir, seseorang itu mestilah menggunakan logik dan mengemukakan fakta yang sebenar dengan tepat, kerana kedua-dua unsur ini boleh mendorong seseorang itu berfikir dengan lebih matang. Ini dapat menghindarkan sikap suka berpegang kepada mitos atau cerita dongeng yang disogok ke dalam kitab-kitab agama yang telah diubah isi kandungannya oleh para pendeta selepas kewafatan seseorang rasul.

Fasa ketiga terdiri daripada ayat ke-33 hingga ayat ke-40. Dalam surah ini, konsep sains hayat dan sains kosmos diterangkan dengan jelas. Tujuannya supaya manusia sedar bahawa itu adalah bukti yang menunjukkan Allah ialah pencipta yang Maha Bijaksana. Oleh itu manusia tidak boleh sama sekali daripada menyembah selain Allah dan tidak boleh mematuhi selain syariat-Nya. Fasa keempat terdiri daripada ayat ke-41 hingga ayat ke-44. Dalam fasa ini pula Allah memaparkan kisah tribulasi perjuangan Nabi Noh a.s untuk dibandingkan oleh Nabi

Muhammad s.a.w. dengan tribulasi perjuangannya sendiri. Walaupun tribulasi perjuangannya cukup getir, namun perjuangan Nabi Noh a.s lebih getir kerana selain sukar mendapat sokongan daripada kaumnya, perjuangan baginda terpaksa mengambil masa yang terlalu panjang. Fasa kelima terdiri daripada ayat ke-45 hingga ayat ke-68. Dalam fasa ini, Allah menceritakan kisah hari kiamat, kebangkitan semula manusia daripada kubur, mahsyar, syurga dan neraka, serta keadaan penghuni di dalamnya. Tujuannya supaya manusia sedar bahawa hakikat kehidupan yang mesti dilaluinya adalah dalam dua peringkat, iaitu di dunia dan di akhirat. Kehidupan di dunia adalah untuk beramal dan beribadat kepada Allah, manakala kehidupan di akhirat pula adalah untuk menerima balasan daripada setiap amalan yang dilakukan. Fasa keenam terdiri daripada ayat yang ke-69 dan ayat yang ke-70. Dalam fasa ini, Allah menafikan dakwaan para sasterawan Quraisy yang menyamakan al-Quran dengan syair disamping menafikan tuduhan mereka yang mengatakan Nabi Muhammad ialah seorang penyair yang pandai menggunakan ilmu sihir.

Fasa ketujuh terdiri daripada ayat yang ke-71 hingga ayat ke-81. Dalam fasa ini Allah memerintahkan manusia supaya sentiasa menggunakan kemahiran berfikir bagi mencari rahsia kejadian alam ciptaan-Nya agar mereka menjadi orang yang beriman dan berilmu pengetahuan tinggi. Ini penting kerana Allah tidak akan menerima iman seseorang secara ikut-ikutan sahaja kerana iman secara ikut-ikutan tidak dapat menjamin seseorang daripada penyelewengan akidah. Antara langkah yang perlu diambil oleh seseorang untuk meningkatkan keimanan dan ilmu pengetahuannya ialah berusaha membuat penyelidikan bagi mengetahui rahsia alam dan asal usul kejadian dirinya sendiri, asal usul kejadian haiwan ternakan dan juga tumbuh-tumbuhan yang ada di sekelilingnya. Dengan membuat penyelidikan yang mendalam terhadap kejadian alam, seseorang itu dapat menikmati kemanisan iman yang didukungnya. Sebagai contoh, jika seseorang itu membuat kajian yang mendalam terhadap tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekelilingnya, dia tentu boleh mengetahui rahsia

bagaimana tumbuh-tumbuhan tersebut dapat mengeluarkan tenaga yang boleh membantu kehidupan manusia, seterusnya berusaha menggunakannya sebagai nikmat yang dikurniakan Allah kepada mereka. Dengan kajian yang mendalam terhadap semua benda yang disebutkan dalam ayat-ayat tersebut, manusia bukan sahaja boleh menjadi orang yang beriman, malah mereka juga boleh menjadi orang yang berilmu pengetahuan tinggi. Hakikat ini penting kerana beriman tanpa ilmu adalah lemah dan berilmu tanpa iman adalah kufur. Allah tidak menyanjung orang jahil yang beriman dan begitulah juga ilmuan yang kufur kerana orang yang beriman dan berilmu pengetahuan tinggi sahaja yang dapat menjalankan tugas khalifah di muka buni ini dengan sempurna. Firman Allah:

﴿ يَرْفَعِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ دَرَجَٰتٍ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾ ﴾[1]

*"Nescaya Allah akan mengangkat orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ke beberapa darjat."*

Fasa kelapan atau fasa yang terakhir terdiri daripada ayat ke-82 dan ayat ke-83, iaitu ayat yang terakhir bagi surah ini. Dalam fasa ini, Allah membuat kesimpulan terhadap seluruh persoalan yang dibangkitkan dalam surah ini. Berasaskan kuasa mutlak yang ada pada-Nya, Allah mampu mencipta sesuatu dalam sekelip mata. Namun menurut fitrah, sunnah, qadak dan qadar-Nya, sesuatu itu tidak dijadikan secara tiba-tiba dalam sekelip mata, sebaliknya mengikut kaedah evolusi.

Segala persoalan dalam setiap fasa dihuraikan dengan terperinci dalam buku ini. Selamat membaca! Semoga buku ini memberi manfaat kepada semua.

---

[1] Surah al-Mujadalah 58: 11

# BAB 1

## Amalan Membaca Surah Yasin: Antara Syari'at dan Budaya

Kitab suci al-Quran mengandungi 114 surah. Setiap surah mempunyai fadhilat atau kelebihan. Surah Yasin ialah salah satu surah yang mempunyai banyak fadhilatnya. Menurut riwayat yang dikeluarkan oleh al-Tarmizi, Abu Hurairah r.a telah menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

« إِنَّ لِكُلِّ شَّيْءٍ قَلْبًا وَقَلْبُ الْقُرْءَانِ يس وَدَدْتُ أَنَّهَا فِي قَلْبِ كُلِّ إِنْسَانٍ مِنْ أُمَّتِي » [1]

*"Bahawa sesungguhnya bagi tiap-tiap sesuatu itu ada hatinya. Hati al-Quran ialah surah Yasin. Sesungguhnya aku berasa amat sukacita jika surah ini berada di dalam hati setiap umatku."* (al-Tarmizi)

---

[1] أخرجه البزار

« اقْرَءُوْا عَلَى مَوْتَاكُمْ يس »

رواه أحمد وأبو داود وابن ماجه ابن حبان والحاكم عن معقل بن يسار. حديث حسن

*"Bacalah surah Yasin untuk kalangan kamu yang meninggal dunia (agar dengan berkatnya mereka dicucuri rahmat oleh Allah)."*
**(Ahmad, Abu Daud, ibnu Majah, ibnu Hibban)**

## Penerapan Nafas Islam ke dalam Budaya Melayu Melalui Tahlil dan Bacaan Surah Yasin

Menurut sejarah Melayu, agama Islam mula datang ke Alam Melayu pada akhir abad ke-11 masihi atau awal abad ke-12 masihi. Kedatangan Islam ke Alam Melayu banyak mempengaruhi budaya hidup orang Melayu. Pelbagai amalan hidup orang Melayu yang berasaskan kepercayaan Hindu dan Animisme seperti percaya kepada kekuasaan roh orang mati, kekuasaan hantu dan semangat telah dapat digantikan dengan kepercayaan yang sebenar berteraskan ajaran Islam. Walaupun kesan kepercayaan lama itu sedikit sebanyak masih lagi wujud hingga ke hari ini, namun semuanya telah diberi nafas Islam. Contohnya, amalan kenduri arwah yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada hari ini, sebelum kedatangan Islam dikenali sebagai majlis memuja roh orang mati, yang dibuat oleh kaum keluarga si mati pada malam pertama, kedua dan ketiga, kemudian pada malam ketujuh, malam keempat puluh dan seterusnya pada malam keseratus selepas kematian seseorang ahli keluarga. Menurut kepercayaan mereka, roh si mati akan kembali ke pangkuan keluarganya pada hari-hari tersebut untuk menagih simpati. Oleh itu ahli keluarga si mati harus melakukan sesuatu untuk membantunya. JIka tidak berbuat demikian, roh si mati akan terus menderita dan kecewa. Roh tersebut akan terus pergi dengan perasaan hampa ataupun akan kembali semula dengan bertindak ganas terhadap ahli keluarga semata-mata untuk membalas dendam.

Bagi menunaikan tanggungjawab terhadap si mati, ahli keluarganya mengadakan kenduri untuk memuja rohnya pada hari-hari tersebut. Pelbagai upacara dilakukan dalam majlis itu, antaranya upacara menjamu dan memuja. Jamuan tersebut mestilah terdiri daripada daging binatang yang disembelih, sama ada ayam, itik, kambing, lembu, kerbau dan sebagainya. Pemujaan pula mestilah dilakukan oleh orang yang dipercayai mempunyai kekuatan batin yang boleh menangkis segala anasir jahat yang boleh mengganggu ketenteraman roh berkenaan atau ahli keluarganya.

Biasanya orang yang mempunyai kekuatan batin itu ialah dukun atau bomoh. Mereka memulakan upacara pemujaan dengan gaya dan cara yang tersendiri. Pada akhir upacara, mereka membaca jampi mentera bagi memohon kepada kuasa yang lebih tinggi agar membahagiakan roh si mati dan meletakkannya di tempat yang selamat. Mereka juga memohon agar kaum keluarga si mati terpelihara daripada sebarang gangguan semangat jahat.

Budaya yang berasaskan kepercayaan Hindu dan Animisme itu telah menjadi budaya hidup orang Melayu sejak berkurun lamanya. Walaupun mereka telah memeluk agama Islam setelah kedatangan Islam ke nusantara, namun mereka tetap mengamalkan sebahagian daripada budaya tersebut dengan yakin kerana mereka percaya bahawa itu adalah satu budaya warisan nenek moyang yang mesti dipatuhi dan dipelihara. Untuk mengubah sesuatu amalan yang telah menjadi budaya hidup yang diwarisi sejak turun-temurun itu bukanlah suatu perkara yang mudah. Para pendakwah Islam yang datang ke nusantara dan Tanah Melayu pada peringkat awal dahulu telah mengambil langkah bijak menerima konsep kenduri arwah dengan menerapkan nafas Islam ke dalamnya. Konsep kenduri arwah diterima oleh Islam kerana ia adalah sama dengan konsep menjamu makan fakir miskin, anak-anak yatim, orang yang baru dibebaskan dari penjara, ataupun kaum keluarga dan jiran untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan kejiranan.

﴿ وَيُطۡعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسۡكِينٗا وَيَتِيمٗا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾ إِنَّمَا نُطۡعِمُكُمۡ لِوَجۡهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمۡ جَزَآءٗ وَلَا شُكُورًا ﴿٩﴾ ﴾[1]

*"Dan mereka memberikab makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim, dan orang yang ditawan. Sesungguhnya kami memberikan makanan kepadamu hanyalah untuk mengharapkan keredaan Allah, kami tidak menghendaki balasan daripada kamu dan tidak pula mengharapkan (ucapan) terima kasih."*

Berasaskan ayat ini, para pendakwah Islam telah menerima konsep kenduri arwah sebagai suatu budaya masyarakat setempat dengan menerapkan nafas Islam melalui kaedah pendidikan bersepadu. Penerapan nafas Islam dapat dilihat daripada amalan membaca surah Yasin dan wirid-wirid yang ma'thurat atau bacaan yang diajar oleh Rasulullah s.a.w selepas solat. Amalan membaca surah Yasin dan wirid ini adalah bagi menggantikan ayat jampi serapah yang merupakan amalan syirik kerana mengandungi kata-kata memuja roh dan hantu syaitan. Bacaan surah Yasin dan wirid ini diiringi pula dengan tahlil dan doa yang mengandungi permohonan agar Allah mencucuri rahmat ke atas roh si mati, mengampunkan segala dosanya dan memasukkannya ke dalam syurga. Tujuan utama para pendakwah Islam menerima konsep kenduri arwah dan amalan membaca surah Yasin serta beberapa ayat al-Quran yang lain adalah supaya tidak berlaku kekosongan budaya setelah budaya hidup yang sedia ada dihapuskan.

Bagi umat Islam di nusantara, khususnya orang Melayu, membaca surah Yasin bukan sahaja diamalkan dalam majlis kenduri arwah, malah diamalkan juga secara beramai-ramai di surau dan masjid pada setiap malam Jumaat, dengan tujuan untuk menolak bala, mengubat orang sakit atau memohon

---

[1] Surah al-Insan 76: 8-9

sesuatu hajat. Kini, telah lahir satu budaya di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia, iaitu membaca surah Yasin beramai-ramai di sekolah, terutamanya sekolah berasrama, yang melibatkan warga sekolah dan ibu bapa. Ini dilakukan ketika hampir musim peperiksaan dengan tujuan untuk memohon agar pelajar di sekolah berkenaan memperoleh kejayaan yang cemerlng dalam peperiksaan.

### Peraturan dan Kaifiat Membaca Surah Yasin

Terdapat beberapa peraturan dan kaifiat atau tatacara yang biasa diikuti oleh masyarakat Melayu dalam amalan membaca surah Yasin. Antaranya ialah:

1. Hendaklah dalam keadaan berwudhuk.
2. Hendaklah dibaca dengan tartil serta meraikan segala alamat waqaf dan wasal yang terdapat.
3. Hendaklah dibaca dengan cermat tanpa tergopoh-gapah sambil cuba memahami maksud ayat yang dibaca.
4. Tidak boleh bercakap sebelum bacaan selesai.

Majlis membaca surah Yasin dimulai dengan:

1. Membaca surah al-Fatihah.
2. Berselawat ke atas nabi sebanyak 10 kali.
3. Membaca surah Yasin.
4. Membaca surah al-Insyirah.
5. Membaca surah al-Qadr.
6. Membaca surah al-Fiel.
7. Membaca surah al-Kafirun.
8. Membaca surah al-Ikhlas sebanyak tiga kali atau lima kali, atau tujuh kali, atau seberapa banyak bilangan yang dipilih oleh khalifah tahlil.
9. Membaca surah al-Falaq.
10. Membaca surah al-Nass.
11. Membaca kembali surah al-Fatihah.
12. Membaca doa berikut:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَمِينَ، حَمْدًا يُوَافِيْ نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيْدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ الحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِيْ لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيْمِ سُلْطَانِكَ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اَللَّهُمَّ بِحَقِّ يس وَالقُرْآنِ الحَكِيْمِ، وَبِمَنِ اخْتَرْتَهُ لِلْرِسَالَةِ وَالنُّبُوَّةِ وَالْوِلَايَةِ وَالهِدَايَةِ إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيْمِ، وَبِجَمِيْعِ مَا جَاءَ بِهِ مِنْكَ جِبْرِيلُ، تَنْزِيْلَ العَزِيْزِ الرَّحِيْمِ، وَبِخَوَاصِ الحُرُوْفِ وَالأَسْمَاءِ التَّآمَاتِ وَبِمَا أَظْهَرْتَ فِي الوُجُوْدِ لِكُلِّ مَوْجُوْدٍ مِنَ الآيَاتِ البَيِّنَاتِ، وَبِخَفِيِّ لُطْفِكَ الْمُفَرِّجِ عَنْ كُلِّ مَهْمُوْمٍ وَمَحْزُوْنٍ الْمُخَلِّصِ لِكُلِّ مَسْجُوْنٍ، يَا مُجْرِيَ البِحَارِ وَالعُيُوْنِ يَا مَنْ جَعَلَ خَزَائِنَهُ بَيْنَ الكَافِ وَالنُّوْنِ وَعَلِمَ بِمَا كَانَ قَبْلَ أَنْ يَكُوْنَ، نَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ أَنْ تَسْلُكَ بِنَا جَادَّةَ رِضَاكَ وَأَنْ تَجْعَلَنَا أَهْلًا وَمَحَلًّا لِسَعَادَتِكَ وَغِنَاكَ، وَأَنْ تُيَسِّرَلَنَا جَمِيْعَ الْمُرَادَاتِ وَالمَطَالِبِ، وَأَنْ تَجْعَلَ كُلَّ مِنَّا بَيْنَ عِبَادِكَ فِي كُلِّ حَالٍ الظَّافِرِ الغَالِبِ، وَأَنْ لَا تُحْوِجَ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ فِي أَمْرِ رِزْقِنَا، وَأَنْ تَرْبِطَ عَلَى أَلْسِنَةِ الْمُتَفَوِّهِيْنَ بِالمَكْرُوْهِ فِي حَقِّنَا، وَأَنْ تَقْتَرِنَ حَرَكَاتِنَا بِالتَّوْفِيْقِ، وَأَنْ تَجْعَلَ رِضَاكَ عَنَّا خَيْرَ مُصَاحِبٍ لَنَا وَرَفِيقٍ، وَأَنْ تُتْحِفَنَا بِالجَلَالَةِ وَالمَهَابَةِ، وَأَنْ تَمُنَّ عَلَيْنَا بِسُرْعَةِ الإِجَابَةِ، اسْتَجِبِ اللَّهُمَّ

دُعَاءَنَا وَحَقِّقْ فِيْكَ رَجَاءَنَا وَأَدْخِلْنَا فِي حِرْزِ لُطْفِكَ المَصُوْنِ وَبِسِرِّ قَوْلِكَ إِنَّمَا أَمْرُهُ أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُوْلَ لَهُ كُنْ فَيَكُوْنَ، فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوْتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُوْنَ، سُبْحَانَ الْمُنَفِّسِ عَنْ كُلِّ مَدْيُوْنٍ، سُبْحَانَكَ الْمُنَفِّسِ عَنْ كُلِّ مَحْزُوْنٍ، سُبْحَانَ مَنْ أَمْرُهُ بَيْنَ الكَافِ وَالنُّوْنِ، سُبْحَانَ مَنْ أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُوْلَ لَهُ كُنْ فَيَكُوْنَ، يَا مُفَرِّجَ الهُمُوْمِ فَرِّجْ (3 كالي) عَنَّا كَرْبَنَا وَهَمَّنَا يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَـمِينَ.

الفَاتِحَةُ.

آمِينَ (3 كالي) يَا رَبَّ العَالَـمِينَ، رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا دُعَاءَنَا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ العَلِيْمُ، وَتُبْ عَلَيْنَا يَا مَوْلَانَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيْمُ، دَعْوَاهُمْ فِيْهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيْهَا سَلَامٌ، وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَـمِيْنَ.

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Segala puji hanya layak bagi Allah, Tuhan yang mencipta dan mendidik alam ini. Kami memuji dengan pujian yang layak dipanjatkan ke hadrat-Nya untuk mensyukuri segala kemurahan-Nya mencucuri ni'mat dan rahmat yang tidak terhingga ke atas kami. Wahai Tuhan kami, hanya Engkaulah yang layak menerima segala pujian kerana Engkaulah Tuhan yang memiliki segala pangkat kebesaran serta mercu kekuasaan yang maha*

*tinggi. Ya Allah ya Tuhan kami! Cucurilah rahmat-Mu ke atas kami Nabi Muhammad serta ke atas sekalian keluarga dan sahabat baginda.*

*Ya Allah ya Tuhan kami! Atas kebenaran surah Yasin dan al-Quran yang berhikmah ini, atas kebenaran orang yang telah Engkau lantik sebagai pembawa risalah kenabian untuk memberi petunjuk ke jalan-Mu yang benar, atas kebenaran seluruh wahyu yang telah disampaikan oleh Jibril dalam bentuk sebuah kitab suci yang diturunkan oleh-Mu; Tuhan Yang Maha Gagah Perkasa lagi Maha Mengasihani, atas kekudusan semua huruf dalam kalimat-kalimat nama-Mu yang sempurna itu, atas kebenaran segala rahsia yang Engkau terangkan hakikatnya kepada setiap makhluk yang ada melalui ayat-ayat suci, atas kebenaran rahsia kehalusan budi-Mu yang menolong manusia menghilangkan segala kekusutan jiwa dan melangsaikan beban hutang mereka, kami memohon perkenan.*

*Ya Allah ya Tuhan kami! Engkaulah Tuhan yang mengalirkan sungai-sungai dan mata air. Engkaulah Tuhan yang berkuasa menciptakan sesuatu dengan sekelip mata dan Engkaulah Tuhan yamg mengetahui rahsia alam sebelum Engkau menjadikannya lagi. Kami memohon supaya Engkau mengurniakan sepenuh-penuh keredaan kepada kami bagi membolehkan kami mengecapi ni'mat kebahagiaan dan kesejahteraan yang Engkau redai. Kami memohon supaya Engkau memperkenankan segala permohonan dan tuntutan kami. Seterusnya kami memohon supaya Engkau sentiasa sudi mendampingi kami serta memperlihatkan kemantapan dan kehebatan kami kepada musuh. Kami juga memohon supaya Engkau segera memperkenankan segala doa kami.*

*Ya Allah ya Tuhan kami, perkenankanlah segala permohonan kami. Tunaikanlah segala hajat kami dan masukkanlah kami ke dalam golongan mereka yang segera mendapat simpati daripada-Mu. Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan Yang Maha Berkuasa, apabila hendak menjadikan*

*sesuatu, Engkau cuma berkata "jadilah" nescaya benda itu terus terjadi.*

*Maha Suci Allah, Tuhan yang berkuasa ke atas segala-galanya. Kepada-Nyalah jua semua kejadian akan kembali. Maha Suci Allah, Tuhan yang berkuasa menghilangkan segala kekusutan jiwa. Maha Suci Allah, Tuhan yang berkuasa menyelamatkan hamba-Nya daripada beban hutang. Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai kuasa mutlak yang boleh mencipta sesuatu yang dikendaki-Nya dengan sekelip mata.*

*Wahai Tuhan yang berkuasa menghilangkan segala keresahan jiwa, hilangkanlah segala keresahan jiwa kami dan hilangkanlah juga segala perasaan gundah-gulana dari jiwa kami. Engkaulah Tuhan yang hidup Maha Gagah Perkasa, Tuhan Yang Maha Berkuasa lagi Maha Pemurah. Cucurilah rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas sekalian keluarga serta sahabat-sahabatnya.*

## Tujuan Bacaan Surah Yasin

Menurut kepercayaan masyarakat Islam di nusantara, majlis membaca surah Yasin boleh dilakukan untuk pelbagai tujuan. Selain untuk tujuan beribadat kepada Allah, majlis membaca surah Yasin juga dilakukan untuk memohon keselamatan, misalnya bagi mereka yang akan menunaikan fardhu haji. Biasanya, sebelum berangkat ke Tanah Suci, kenduri diadakan dengan dihadiri oleh kaum keluarga dan jiran tetangga. Majlis membaca surah Yasin dilakukan secara beramai-ramai, diikuti dengan bertahlil dan berdoa, memohon semoga Allah memberi perlindungan kepada bakal haji semasa dalam perjalanan pergi, ketika berada di Tanah Suci Mekah, dapat menunaikan ibadat haji dengan sempurna, mendapat ganjaran pahala haji yang mabrur dan seterusnya selamat kembali ke pangkuan keluarga.

Surah ini juga dibaca untuk menolak bala dan menghilangkan kesedihan akibat sesuatu tragedi yang menimpa. Bagi tujuan itu, pihak yang terlibat dikehendaki membaca sendiri surah ini sebanyak 40 kali berturut-turut tanpa berhenti atau dibaca beramai-ramai oleh beberapa orang asalkan genap bilangan bacaannya sebanyak 40 kali.

Selain itu, surah ini juga dibaca untuk menguatkan semangat ketika berhadapan dengan musuh. Ini telah diamalkan oleh masyarakat Melayu ketika zaman penjajahan Jepun dahulu. Setelah tentera Jepun menyerah kalah kepada tentera Berikat pada tahun 1943, pengganas komunis telah bermaharajalela di beberapa kawasan di Tanah Melayu. Orang-orang Melayu ketika itu tidak mampu untuk melawan kerana mereka hanya mempunyai keris dan parang panjang sebagai senjata, sedangkan pangganas komunis mempunyai senjata api dan bom tangan. Mujurlah di kalangan orang Melayu terdapat alim ulama yang telah berjaya membangkitkan semula semangat orang Melayu melalui bacaan surah Yasin. Upacara membaca surah Yasin untuk tujuan itu diadakan di masjid dan surau pada tiap-tiap malam sehinggalah semangat mereka pulih dan terus membara semula. Ekoran daripada itu berlakulah beberapa peristiwa berdarah di Sungai Manik, Perak, di Baling, Kedah dan di beberapa tempat lain di Semenanjung Melayu.

## Amalan Membaca Surah Yasin: Suatu Bid'ah?

Sebenarnya amalan membaca surah Yasin seperti yang dinyatakan di atas telah dilakukan oleh orang Melayu sejak kedatangan Islam ke nusantara lagi, dan telah menjadi amalan tradisi turun-temurun dalam bentuk ritual. Namun ramai yang tidak memahami maksud yang terkandung dalam surah Yasin ini dan tujuan ia diturunkan. Adakah surah ini diturunkan hanya semata-mata untuk dibaca ataupun ada tujuan lain yang lebih utama? Sehingga kini belum ada satu kajian mendalam yang dibuat oleh mana-mana pihak di kalangan orang Melayu dan umat Islam di nusantara ini tentang falsafah yang terkandung di

sebalik hikmah bacaan yang dituntut ini. Semua pihak seolah-olah berasa sudah memadai dengan amalan tradisi itu. Namun begitu, ada pihak yang meragui amalan membaca surah Yasin dalam konteks budaya Melayu kerana ia tidak banyak memperlihatkan kesannya kepada umat Islam sama ada dari segi fizikal mahupun spiritual. Golongan ini berpendapat bahawa amalan tersebut adalah suatu amalan **bid'ah** atau satu amalan yang direka tanpa sandaran yang konkrit sama ada kepada hadith, amal sohabi, ataupun salaful-soleh (السلف الصالح) dan perkara ini tidak pernah diamalkan oleh umat Islam yang lain sama ada di Timur Tengah atau di Asia Barat.

Kita boleh menerima pendapat yang mengatakan bahawa al-quran diturunkan bukan sekadar untuk dibaca, malah kita berani mengatakan bahawa nasib umat Islam tidak akan berubah walaupun mereka beramal dengan membaca al-Quran tanpa menjadikannya sebagai sumber ilmu pengetahuan. Kita tidak boleh menjadikan al-Quran sebagai sumber ilmu pengetahuan sekiranya kita tidak memahami dengan jelas segala maksud yang terkandung di dalamnya. Contohnya, walaupun surah Yasin ini dibaca saban ketika sejak kedatangan Islam ke nusantara, namun umat Islam di negara ini dan di nusantara masih tidak banyak berubah baik dari segi ilmu pengetahuan, ekonomi mahupun dari segi moral yang menjadi tonggak kekuatan umat Islam itu sendiri.

Kini timbul persoalan adakah amalan membaca surah Yasin ini perlu dihapuskan semata-mata kerana dianggap sebagai bid'ah, ataupun perlu dipelihara dan diteruskan kerana sudah menjadi suatu budaya yang telah diberi nafas Islam. Perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam kerana usaha menghapuskan sesuatu tradisi yang sudah menjadi **'uruf** atau amalan sesebuah masyarakat pastinya akan menyumbang kepada perpecahan. Kita tidak seharusnya menimbulkan keraguan tentang perkara ini kerana walaupun amalan mambaca surah Yasin tidak mempunyai sandaran yang kuat sama ada kepada sunnah, amal sohabi dan salaful-soleh, namun amalan ini bukanlah merupakan suatu amalan yang

menyesatkan. Adalah lebih baik jika tradisi ini diteruskan tanpa sebarang pertikaian. Cuma kaedah amalannya sahaja yang perlu disesuaikan dengan kehendak alaf baru supaya umat Islam yang mengamalkannya dapat menghayati signifikan surah ini secara yang tersirat di sebalik apa yang telah tersurat.

Terdapat institusi, kumpulan dan individu yang berusaha mempertahankan tradisi ini dengan menerbitkan buku kecil (*booklet*) yang mengandungi surah Yasin berserta terjemahannya. Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri (kini JAKIM) telah menerbitkan buku kecil tersebut sejak tahun 1980-an lagi. Begitu juga agensi-agensi lain seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Jabatan Agama Islam negeri-negeri, jabatan-jabatan kerajaan dan juga penerbit-penerbit buku dan individu yang mahu mencari keuntungan, semuanya telah mengambil inisiatif yang serupa untuk menyebarkan buku surah Yasin kepada umat Islam di negara ini. Ini membolehkan setiap keluarga muslim di negara ini memiliki buku kecil tersebut dan mengamalkan bacaan surah Yasin pada masa-masa yang diperlukan.

Terdapat juga individu ataupun penerbit yang menerbitkan buku surah Yasin yang setiap kalimahnya dieja dengan huruf rumi. Tujuan individu atau penerbit ini barangkali untuk menggalakkan supaya orang yang tidak mahir membaca al-Quran dapat membaca surah Yasin. Langkah seumpama ini dianggap kurang bijak dan tidak wajar dilakukan oleh mana-mana pihak kerana ia boleh mencacatkan kesucian al-Quran. Kitab suci al-Quran telah diturunkan dalam bahasa arab. Banyak kalimahnya tidak dapat dieja dengan huruf-huruf lain selain huruf Arab. Sekiranya dilakukan juga, nescaya sebutan kalimah-kalimah itu akan berbeza daripada kalimah yang asal. Implikasi perbezaan sebutan kalimah yang dieja dengan huruf rumi daripada sebutan kalimah asalnya pasti membawa kepada perubahan makna dan maksud ayat. Antara contoh kalimah yang dieja dengan huruf rumi dalam buku surah Yasin yang terdapat di pasaran adalah seperti pada halaman berikut.

| Kalimah | Bil. Ayat | Maksud | Ejaan dan huruf rumi | Sebutan bunyi dalam bahasa Arab | Makna |
|---|---|---|---|---|---|
| لا يُبصِرُون | 9 | Tidak dapat melihat | Laayubsiruun | لا يبسرون | Mereka tidak terkena penyakit buasir |
| تطيرنا | 18 | Mendapat kecelakaan | Tatayyarna | تتيرنا | Dilanda arus deras |
| فطرني | 22 | Menciptakan diriku | Fatarani | فترني | Memanaskan (suam) |
| اصحاب | 55 | Penghuni | Ashaaba | اسحاب | Meleter |
| ظلال | 56 | Naungan | Zilaalin | زلالٍ | Gelongsor (gelincir) |

Berdasarkan contoh di atas, maka usaha menulis kalimah al-Quran dengan ejaan rumi tidak sewajarnya dilakukan, sekalipun bertujuan untuk menggalakkan orang yang tidak mahir membaca al-Quran dapat membaca surah Yasin. Dalam konteks ini, kita mesti berpegang kepada "matlamat tidak mengharuskan cara". Oleh itu setiap ibu bapa muslim wajib mengajar anak mereka membaca al-Quran dengan kaedah yang betul ataupun memberi pendidikan ilmu tajwid dari peringkat kanak-kanak lagi. Mereka juga mestilah mewujudkan budaya mencintai al-Quran di rumah dengan mengamalkan tradisi membaca al-Quran setiap hari. Rasulullah bersabda:

« زَيِّنُوا بُيُوتَكُم بِتِلاَوَةِ القُرْآنِ »

*"Hiasilah rumahmu dengan bacaan al-Quran."*

Amalan membaca surah Yasin secara individu di rumah juga amat digalakkan. Selain mendapat fadhilat, jika dihayati maknanya, seseorang itu akan mendapat ilmu yang amat berharga yang boleh mendorongnya untuk berfikir dan mengkaji kandungan surah Yasin dengan lebih mendalam. Umpamanya, jika dilihat dari perspektif sains, konsep kejadian alam seperti yang diceritakan dalam fasa ketiga surah Yasin, boleh

mendorong manusia berfikir tentang kekuasaan Allah dan seterusnya mengkaji alam yang maha luas ini. Begitu juga jika dilihat dari perspektif sejarah, banyak peristiwa yang boleh dijadikan iktibar dan pengajaran sekiranya seseorang itu benar-benar menghayatinya.

# BAB 2

## Tribulasi Perjuangan

### Muhammad s.a.w Rasul Terakhir

Allah mencipta manusia untuk menjalankan tugas khalifah di atas muka bumi ini. Bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas penting itu, mereka perlu memahami hakikat kejadian alam semesta ini dengan jelas. Alam semesta ialah suatu objek ciptaan Allah yang tertakluk di bawah satu hukum (قضاء قدر) atau sistem yang tetap dan tidak berubah.

Bagi menperjelaskan segala hukum atau sistem yang telah ditentukan itu, Allah telah mengutuskan para rasulnya yang terdiri daripada kalangan manusia sendiri. Mereka diberi wahyu yang mengandungi hikmah. Rasul terakhir yang diutus Allah ialah Nabi Muhammad s.a.w. Kepadanya diturunkan al-Quran, kitab suci yang terakhir. Kitab suci ini mengandungi 114 surah. 29 daripadanya terdiri daripada surah-surah yang dimulai dengan huruf hijaiyah. Antaranya ialah surah yang ke-36, iaitu surah Yasin.

﴿ يسٓ ۝١ وَٱلۡقُرۡءَانِ ٱلۡحَكِيمِ ۝٢ إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ۝٣ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ۝٤ تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ۝٥ ﴾ [1]

*"Yasin! Demi al-Quran yang penuh hikmah. Sesungguhnya engkau adalah salah seorang yang dilantik sebagai rasul. (yang berada) di atas jalan yang lurus. (al-Quran yang engkau terima itu adalah wahyu) yang diturunkan oleh Tuhan Yang Maha Gagah Perkasa lagi Maha Penyayang."*

## Penjelasan:

Menurut satu riwayat, perkataan Yasin (يس) dalam ayat pertama surah ini merujuk kepada diri Nabi Muhammad s.a.w. **Yasin** adalah antara nama timangan yang diberikan oleh Allah kepada baginda. Selain Yasin terdapat lima lagi nama timangan baginda, iaitu Toha (طه), al-Muzammil (المزمل), al-Muddathir (المدثر), Ahmad dan Abdullah.

Muhammad s.a.w ialah seorang rasul yang diutus oleh Allah s.w.t. bagi menerangkan dengan lebih lanjut tentang kedudukannya sebagai rasul, Allah menurunkan juga ayat yang lain dalam surah al-Ahzab:

﴿ مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٖ مِّن رِّجَالِكُمۡ وَلَٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَۗ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٗا ۝٤٠ ﴾ [2]

*"Muhammad itu sekali-kali bukanlah semata-mata bapa kepada seorang laki-laki dari kalangan kamu, tetapi dia ialah*

---

[1] Surah Yasin 36: 1-5

[2] Surah al-Ahzab 33: 40

*pesuruh Allah dan penutup nabi-nabi. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."*

Justeru, baginda digelar ***khatamunnabiyiin*** atau rasul yang terakhir. Ini bermakna tiada lagi rasul selepasnya.

Allah membelai baginda dengan nama timangan Yasin, kemudian bersumpah atas nama al-Quran untuk menguatkan lagi keyakinan baginda terhadap perjuangannya yang suci itu. Ini kerana baginda sering menghadapi rintangan dan tentangan yang berat semasa menjalankan tugas kerasulannya. Dalam beberapa peristiwa, baginda ditentang sehingga ke tahap yang boleh mengancam nyawanya sendiri, khususnya apabila bapa saudaranya Abu Talib dan isterinya Saiyidah Khadijah meninggal dunia. Pada masa itu orang Quraisy bertindak tanpa segan silu terhadap baginda dan para pengikutnya. Mereka bukan sahaja memulau baginda dan menyiksa pengikut-pengikutnya tanpa perikemanusiaan, malah mengancam untuk membunuh baginda sendiri.

Melihat keadaan yang semakin meruncing itu, baginda mengajak anak angkatnya, Zaid bin Harithah pergi ke Taif; suatu kawasan tanah datar tinggi yang terletak jauh dari Kota Mekah. Tujuan baginda adalah untuk mengajak penduduk Taif menyokong perjuangannya menegakkan Islam dan berharap agar mereka menerima seruannya yang suci itu. Malangnya, apabila baginda menyatakan hasratnya kepada mereka tentang maksud kedatangan Islam, baginda terus dihalang, diugut, dihina, dan dinista dengan kata-kata yang amat menyayatkan hati. Para penduduk telah mengumpulkan kanak-kanak dan mengarahkan mereka supaya menghalau baginda. Kanak-kanak tersebut telah bertindak lebih daripada itu, mereka bukan sahaja menghalau baginda, malah membalingnya dengan batu. Akibatnya baginda telah mengalami kecederaan di beberapa bahagian anggotanya.

Untuk menyelamatkan diri, baginda pun beredar dari situ dan berlindung di bawah sepohon kayu lalu merayu kepada Tuhan:

اَللَّهُمَّ إِلَيْكَ أَشْكُوْ ضَعْفَ قُوَّتِي، وَقِلَّةَ حِيْلَتِيْ، وَهَوَانِيْ عَلَى النَّاسِ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، أَنْتَ رَبُّ الْمُسْتَضْعَفِينَ، وَأَنْتَ رَبِّي، إِلَى مَنْ تَكِلُنِيْ؟ إِلَى بَعِيدٍ يَتَجَهَّمُنِيْ؟ أَوْ إِلَى عَدُوٍّ مَلَّكْتَهُ أَمْرِيْ؟ إِنْ لَمْ يَكُنْ بِكَ غَضَبٌ عَلَيَّ فَلَا أُبَالِيْ، وَلَكِنْ عَافِيَتَكَ هِيَ أَوْسَعُ لِي، أَعُوْذُ بِنُوْرِ وَجْهِكَ الَّذِي أَشْرَقَتْ بِهِ الظُّلُمَاتُ، وَصَلُحَ عَلَيْهِ أَمْرُ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ مِنْ أَنْ تُنْزِلَ بِيْ غَضَبَكَ، أَوْ تَحُلَّ عَلَيَّ سَخَطَكَ، لَكَ العُتْبَى حَتَّى تَرْضَى، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِكَ.

*"Ya Allah ya Tuhanku, hanyalah kepada-Mu aku mengadu tentang kelemahan diriku yang tidak berdaya menghadapi karenah manusia ini. Ya Allah! Tuhan Yang Maha Penyayang. Engkaulah Tuhan yang sentiasa menolong orang yang lemah dan sentiasa menolong hamba-Mu ini. Kepada siapakah akan Kau serahkan diriku ini? Adakah Engkau akan hanya melihat aku dari jauh dengan wajah yang masam atau akan Engkau biarkan sahaja aku diganyang musuh? Sekiranya Engkau tidak murka, nescaya aku akan membiarkan sahaja keadaan yang ada ini. Tetapi aku tetap yakin bahawa Engkau akan sentiasa menolong aku. Dengan cahaya wajah-Mu yang sentiasa menyinari alam nan gelap gelita dan sentiasa mententeramkan kegawatan di dunia dan akhirat, aku bermohon supaya Engkau tidak akan melemparkan kemurkaan terhadapku atau menggantikan keredaan dengan kemarahan. Hanya kepada-Mu sahaja aku menaruhkan harapan. Aku sedia menurut perintah-Mu sehingga ke akhir hayatku. Berikanlah aku daya dan kekuatan yang hanya ada pada-Mu itu."*

Apabila menjelang petang baginda mengajak Zaid pulang ke Mekah. Ketika dalam perjalanan mereka telah singgah di Nakhlah untuk menunaikan solat. Dalam solatnya itu, baginda membaca beberapa ayat al-Quran. Bacaan baginda didengar oleh sekumpulan jin yang kebetulan singgah di situ. Jin tersebut berasa terpesona lalu beriman kepada Allah. Setelah itu, baginda dan Zaid meneruskan perjalanan mereka menuju ke Mekah. Sementara kumpulan jin tersebut kembali ke tempat mereka di Nusaibin suatu kawasan yang terletak di bahagian tengah Semenanjung Tanah Arab.

Tidak lama kemudian, Allah mengutuskan malaikat Jibril untuk menyampaikan wahyunya berhubung dengan peristiwa di Nakhlah. Jibril menyampaikan wahyu tersebut,

﴿ قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾ ﴾ [1]

*"Katakanlah juga kepada mereka bahawa aku diberi wahyu oleh Allah (bagi menceritakan kepada kalian) bahawa sesungguhnya beberapa lembaga jin telah mendengar ayat-ayat al-Quran (yang aku bacakan). Mereka berkata, "kami sangat kagum mendengarnya kerana ayat-ayat tersebut merupakan petunjuk ke arah kebaikan .Oleh itu kami beriman dan berjanji tidak akan menyekutukan Tuhan kami dengan apa jua sekali pun."*

---

[1] Surah Al-Jin 72: 1-2

## Nabi Muhammad Pemimpin Umat

Mendengar berita tersebut, orang Quraisy menjadi semakin marah. Mereka mencemuh dan menghina Muhammad. Mereka juga menuduh baginda sebagai gila . Bayangkan betapa pilunya hati seorang insan menerima cemuhan demi cemuhan sedangkan apa yang dikatakan itu semuanya benar belaka. Untuk menenangkan hati baginda dan memperkuatkan lagi semangat baginda, Allah telah menegaskan,

﴿ إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٣ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٤ تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ
٥ لِتُنذِرَ قَوۡمٗا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمۡ فَهُمۡ غَٰفِلُونَ ٦ ﴾ [1]

*"Sesungguhnya engkau adalah salah seorang yang dilantik sebagai rasul (yang berada di atas jalan yang lurus. (al-Quran yang engkau terima itu adalah wahyu) yang diturunkan oleh Tuhan Yang maha Gagah Perkasa lagi Maha Penyayang. Tujuannya adalah supaya engkau memperingatkan kaum yang tidak pernah diperingatkan langsung oleh nenek moyang mereka disebabkan oleh keadaan mereka yang sentiasa berada dalam kelalaian itu."*

## Penjelasan:

Tugas Rasul adalah untuk memimpin umat manusia ke jalan yang benar dan memperbetulkan segala kesilapan dan penyelewengan akidah dalam sebuah masyarakat selepas kewafatan seseorang rasul yang diutus oleh Allah kepada mereka. Contohnya, kebangkitan Nabi Ismail a.s di Mekah kira-kira 2000 tahun S.M bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang beriman dan berakhlak mulia. Mereka diajar menunaikan ibadat solat dan haji mengikut cara yang diredai Allah. Malangnya beberapa lama selepas kewafatan baginda,

---

[1] Surah Yasin 36: 4-6

masyarakat Mekah telah melakukan banyak kesilapan dalam menunaikan ibadat solat dan haji, dan akhirnya mereka menyeleweng terus daripada ajaran agama yang dibawa oleh baginda Nabi Ibrahim dan Ismail a.s. Masjid dan kaabah yang telah dibina oleh baginda berdua sebagai tempat bersolat dan beribadat telah bertukar menjadi tempat menyimpan pelbagai jenis berhala yang dipuja sebagai tuhan. Ibadat haji yang difardukan oleh Allah kepada manusia untuk membersihkan segala dosa itu telah bertukar menjadi pesta tahunan untuk bersuka ria. Arafah, Mina dan Masy'aril-Haram yang menjadi tempat para jemaah haji menghabiskan masa untuk berdoa dan bermunajat kepada Allah, bertukar menjadi zon perniagaan dan pentas untuk memperagakan ratu cantik bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke sana untuk memuaskan nafsu syahwat.

Akibat daripada penyelewengan tersebut, berlaku pelbagai bentuk penindasan dan kezaliman dalam masyarakat berkenaan. Keadaan tersebut berterusan dari satu generasi kesatu generasi hinggalah kepada generasi ***jahiliah*** pada abad ke-6 Masihi yang disifatkan oleh Allah kepada ***syafahufratin minnannar*** atau masyarakat yang berada diambang kehancuran. Untuk menyelamatkan keadaan, Allah melantik Muhammad s.a.w sebagai rasul-Nya yang terakhir bagi menyambung semula risalah yang dibawa oleh rasul-rasul sebelumnya.

**Nabi Muhammad Sentiasa Dilindungi**

Berdasarkan apa yang pernah berlaku di Tanah Suci Mekah, maka sebagai peringatan kepada baginda Rasulullah s.a.w, Allah menjelaskan bahawa peringatan demi peringatan harus diberi kepada setiap orang agar mereka tidak mudah terperdaya dengan hasutan golongan yang suka mementingkan diri sendiri. Mereka sentiasa berusaha untuk menyelewengkan ajaran agama yang suci melalui aktiviti yang boleh melalaikan dan merangsangkan nafsu syahwat. Sikap memandang remeh

terhadap aktiviti seperti ini dianggap sebagai lalai menunaikan tanggungjawab agama.

﴿ لَقَدْ حَقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَىٰٓ أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ۝٧ ﴾ [1]

*"Demi sesungguhnya, telah tetap hukuman seksa atas kebanyakan mereka, kerana mereka tidak mahu beriman."*

Usaha memperbetulkan akidah dan akhlak dengan sentiasa memberi peringatan dan menyusun program pendidikan yang tersusun merupakan tugas penting yang sangat tinggi nilainya di sisi Allah. Namun begitu, tugas suci ini sangat berat untuk dilaksanakan. Selain sukar dilaksanakan, orang yang bertanggungjawab juga terpaksa menanggung risiko yang amat besar. Oleh itu Allah memberitahu baginda Rasulullah s.a.w bahawa Dia (Allah) akan sentiasa menjamin keselamatan diri baginda. Menurut satu riwayat, pada suatu ketika, Abu Lahab bersama rakan-rakannya masuk ke Masjidil Haram kerana hendak membunuh Nabi Muhammad s.a.w. Abu Lahab berjanji kepada rakan-rakannya bahawa dia akan menghempapkan seketul batu ke atas kepala Nabi Muhammad s.a.w ketika baginda sedang sujud kepada Allah. Rakan-rakannya menyambut baik cadangan tersebut dan berjanji akan melakukan dengan cara lain mengikut keupayaan masing-masing sekiranya Abu Lahab gagal. Tujuannya adalah semata-mata untuk membunuh Nabi Muhammad s.a.w. Ketika Abu Lahab hendak bertindak, tiba-tiba dia terasa tengkuknya dibelenggu dan kedua-dua belah tangannya pula terpasung erat ke dagunya sehingga menyebabkan mukanya terdongak ke atas. Begitu juga dengan rakan-rakannya. Justeru, mereka tidak dapat bergerak dan tidak dapat melihat Nabi Muhammad s.a.w. Dalam ayat yang ke-8 Allah memberitahu Nabi Muhammad s.a.w,

---

[1] Surah Yasin 36: 7

﴿ إِنَّا جَعَلۡنَا فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ أَغۡلَٰلٗا فَهِيَ إِلَى ٱلۡأَذۡقَانِ فَهُم مُّقۡمَحُونَ ﴾ [1]

*"Sesungguhnya Kami telah menjadikan belenggu yang memberkas kedua-dua belah tangan mereka ke batang leher masing-masing hingga dagu mereka menjadi terdongak ke atas."*

Satu lagi peristiwa berlaku ketika Nabi s.a.w hendak berhijrah ke Madinah. Pemuda-pemuda Quraisy bertindak mengepung rumah baginda dan bercadang akan membunuh baginda sewaktu baginda keluar dari rumah ketika hampir waktu subuh. Bagaimanapun, sewaktu baginda keluar meninggalkan rumahnya, tiada seorang pun daripada mereka yang melihat baginda.

﴿ وَجَعَلۡنَا مِنۢ بَيۡنِ أَيۡدِيهِمۡ سَدّٗا وَمِنۡ خَلۡفِهِمۡ سَدّٗا فَأَغۡشَيۡنَٰهُمۡ فَهُمۡ لَا يُبۡصِرُونَ ٩ ﴾ [2]

*"Dan Kami jadikan juga penghadang untuk menghalang penglihatan mereka dari segenap penjuru sama ada di sebelah hadapan mahupun di sebelah belakang mereka. Oleh sebab itulah mereka tidak dapat melihat engkau."*

## Tanggungjawab Seorang Rasul

Selain daripada makna hakiki yang tersurat dalam ayat ke-8 dan ke-9 di atas, terdapat juga makna majazi atau kiasan yang tersirat di sebaliknya. Makna yang tersirat itu ialah Allah menyifatkan orang-orang musyrikin dan orang-orang kafir itu sebagai orang yang buta hidayah. Mereka diumpamakan seperti orang yang telah terbelenggu tengkoknya oleh rantai besi yang kukuh

[1] Surah Yasin 36: 8
[2] Surah Yasin 36: 9

sehingga menyebabkan mereka sentiasa terdongak ke atas dan sentiasa terkurung di dalam tembok yang memagari mereka di segenap penjuru. Maksud belenggu dan tembok itu ialah kepentingan duniawi berupa pangkat, pengaruh, dan harta benda. Apabila seseorang itu dibelenggu oleh pengaruh kebendaan, mereka tidak lagi dapat melihat kebenaran dan sentiasa pula menentangnya dengan gaya bongkak dan sombong. Golongan ini amat sukar menerima nasihat dan seruan agama. Oleh itu Allah memberitahu Nabi Muhammad s.a.w,

﴿ وَسَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ ءَأَنذَرۡتَهُمۡ أَمۡ لَمۡ تُنذِرۡهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١٠﴾ إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكۡرَ وَخَشِيَ ٱلرَّحۡمَٰنَ بِٱلۡغَيۡبِۖ فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ ﴾ [1]

*"Mereka (orang yang tidak mahu beriman) akan mengambil sikap yang serupa sama ada engkau menasihati mereka atau pun tidak. Yang pasti mereka tidak akan beriman (10). Sesungguhnya nasihatmu akan hanya dituruti oleh orang yang mahu mengikut ajaran al-Quran dan juga oleh orang yang takutkan azab Tuhan Yang Maha Pengasih walaupun mereka tidak dapat melihat-Nya. Oleh itu berikanlah khabar gembira kepada mereka bahawa mereka akan memperoleh keampunan dan ganjaran yang besar kelak".*

## Penjelasan:

Walaupun dalam ayat ini Allah telah menyatakan bahawa dalam sesebuah masyarakat itu pasti tidak semua yang mahu menerima dakwah, namun para pendakwah tetap berkewajipan menunaikan tanggungjawab mereka terhadap semua orang.

﴿ فَإِنَّمَا عَلَيۡكَ ٱلۡبَلَٰغُ وَعَلَيۡنَا ٱلۡحِسَابُ ﴿٤٠﴾ ﴾ [2]

---

[1] Surah Yasin 36: 10-11
[2] Surah al-Ra'd 13: 40

*"Kewajipan kamu ialah menyampaikan dakwah. Kamilah yang akan menilainya".*

Dalam ayat ke-10 dan ayat ke-11, Allah menyatakan bahawa dalam masyarakat manusia terdapat dua golongan, iaitu golongan yang tidak mahu beriman dan golongan yang mahu beriman. Golongan yang tidak mahu beriman tetap akan menolak segala seruan Islam dan mereka tetap menganggapnya sebagai seruan biasa yang tidak mempunyai apa-apa keistimewaan. Justeru itu mereka pasti akan menolak segala hujah yang disampaikan kepada mereka. Allah menyatakan bahawa manusia tidak mempunyai keupayaan untuk memujuk golongan ini supaya beriman. Bagi golongan yang mahu beriman pula, mereka cuba memahami isi kandungan wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada para rasul. Allah menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. Dalam al-Quran diterangkan segala bentuk ganjaran yang akan diberi oleh Allah kepada orang yang beriman dan berbagai bentuk azab siksa yang akan dikenakan terhadap orang yang tidak mahu beriman. Mereka meneliti semua keterangan yang disebut Allah dalam kitab suci itu lalu berusaha untuk mendapatkan segala ganjaran baik di samping berusaha dengan gigih untuk menghindarkan diri daripada azab siksa Allah di akhirat walaupun mereka tidak pernah melihatnya dengan mata kasar segala bentuk siksaan itu di dunia ini.

**Semua Amalan Dinilai dengan Adil**

﴿ إِنَّا نَحْنُ نُحْيِ ٱلْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا۟ وَءَاثَـٰرَهُمْ ۚ وَكُلَّ شَىْءٍ أَحْصَيْنَـٰهُ فِىٓ إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾ ﴾

*"Dan (percayalah bahawa) Kami akan menghidupkan semula orang yang mati dan Kami mencatatkan segala amalan mereka*

[1] Surah Yasin 36: 12

*termasuk bilangan bekas tapak kaki mereka (yang melangkah ke masjid) dalam buku catatan amalan mereka."*

Penjelasan:

Ayat ke-12 ini diturunkan di Madinah. Jabir bin Abdullah r.a telah meriwayatkan bahawa kaum Bani Salamah tinggal di sebuah kampung yang jauh dari masjid. Mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk sampai ke masjid. Hasrat mereka mahu menunaikan solat berjemaah bersama-sama nabi tidak pernah luput walau satu waktu pun. Oleh itu mereka pergi mangadap Rasulullah s.a.w untuk meminta kebenaran tinggal di Madinah berhampiran Masjid Nabawi. Allah menurunkan ayat ini untuk memberitahu mereka bahawa usaha mereka setiap hari untuk datang ke Masjid Nabawi dari jauh itu amat dihargai-Nya. Apabila mereka bertemu Rasulullah s.a.w bagi menyatakan hasrat untuk meninggalkan kampung halaman mereka dan berpindah ke tempat yang berhampiran dengan masjid, Rasulullah dengan senyum bersabda,

« إِنَّهُ بَلَغَنِي أَنَّكُمْ تُرِيدُوْنَ أَنْ تَنْقُلُوْا قُرْبَ الْمَسْجِدِ. قَالُوْا نَعَمْ يَا رَسُوْلَ اللهِ قَدْ أَرَدْنَا ذَلِكَ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ: يَا بَنِي سَلَمَةَ دِيَارُكَمْ تُكْتَبُ آثَارَكُمْ دِيَارُكُمْ تُكْتَبُ آثَارَكُمْ »[1]

*"Sebenarnya saya mendapat tahu bahawa kamu semua berhasrat untuk berpindah ke tempat yang hampir dengan masjid. Adakah benar berita ini? Mereka menjawab, "Benar wahai Rasulullah." Mendengar itu Rasulullah pun bersabda, "Wahai Bani Salamah! Langkah kamu dari rumah ke masjid ini ditulis pahalanya."* **(Muslim)**

---

[1] وهكذا رواه مسلم

## Kisah Perjuangan Silam
## Menjadi Pendorong kepada Muhammad

﴿ وَٱضۡرِبۡ لَهُم مَّثَلًا أَصۡحَٰبَ ٱلۡقَرۡيَةِ إِذۡ جَآءَهَا ٱلۡمُرۡسَلُونَ ١٣ إِذۡ أَرۡسَلۡنَآ
إِلَيۡهِمُ ٱثۡنَيۡنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزۡنَا بِثَالِثٖ فَقَالُوٓاْ إِنَّآ إِلَيۡكُم مُّرۡسَلُونَ ١٤
قَالُواْ مَآ أَنتُمۡ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحۡمَٰنُ مِن شَيۡءٍ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا
تَكۡذِبُونَ ١٥ قَالُواْ رَبُّنَا يَعۡلَمُ إِنَّآ إِلَيۡكُمۡ لَمُرۡسَلُونَ ١٦ وَمَا عَلَيۡنَآ إِلَّا
ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ١٧ قَالُوٓاْ إِنَّا تَطَيَّرۡنَا بِكُمۡۖ لَئِن لَّمۡ تَنتَهُواْ لَنَرۡجُمَنَّكُمۡ
وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٞ ١٨ قَالُواْ طَٰٓئِرُكُم مَّعَكُمۡۚ أَئِن ذُكِّرۡتُمۚ بَلۡ
أَنتُمۡ قَوۡمٞ مُّسۡرِفُونَ ١٩ وَجَآءَ مِنۡ أَقۡصَا ٱلۡمَدِينَةِ رَجُلٞ يَسۡعَىٰ قَالَ
يَٰقَوۡمِ ٱتَّبِعُواْ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٢٠ ٱتَّبِعُواْ مَن لَّا يَسۡـَٔلُكُمۡ أَجۡرٗا وَهُم مُّهۡتَدُونَ
٢١ وَمَا لِيَ لَآ أَعۡبُدُ ٱلَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ٢٢ ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ
ءَالِهَةً إِن يُرِدۡنِ ٱلرَّحۡمَٰنُ بِضُرّٖ لَّا تُغۡنِ عَنِّي شَفَٰعَتُهُمۡ شَيۡـٔٗا وَلَا يُنقِذُونِ
٢٣ إِنِّيٓ إِذٗا لَّفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ٢٤ إِنِّيٓ ءَامَنتُ بِرَبِّكُمۡ فَٱسۡمَعُونِ ٢٥ ﴾[1]

*"Dan bentangkanlah satu kisah yang berhubung dengan nasib penduduk di sebuah negeri yang telah Kami utuskan rasul-rasul kepada mereka, sebagai satu teladan buat mereka (13). Pada mulanya Kami hanya mengutus kepada mereka dua orang rasul sahaja. Malangnya mereka mendustakan rasul-rasul itu. Kemudian Kami mengutuskan pula rasul yang ketiga lalu menyatakan kepada penduduk negeri itu, "Bahawa sesungguhnya kami ini adalah rasul-rasul utusan Tuhan kepada kalian" (14). (Semua penduduk di situ telah membantah)*

[1] Surah Yasin 36: 13-25

*mereka berkata, "Kamu semua cuma manusia biasa, masakan Tuhan Yang Maha Pemurah itu sudi melantik kamu semua sebagai rasul. Kamu semua pendusta" (15). Ketiga-tiga rasul itu menjawab, "Tuhan kitalah yang lebih mengetahui akan hakikat kerasulan. Sesungguhnya Dialah yang melantik kami sebagai rasul untuk kalian disini (16). Tugas kami hanyalah untuk menyampaikan seruan agama yang benar kepada kalian," (17). Mereka mencabar rasul-rasul itu lalu berkata "Kami tidak mahu ditimpa bala bencana akibat daripada perbuatan kalian. Andai kata kalian meneruskan juga seruan ini, kami pasti akan menangkap dan menyiksa kalian dengan seksaan yang teruk" (18). Rasul-rasul ini berkata pula kepada mereka, "Sebenarnya segala bala bencana yang akan menimpa kalian itu bukanlah disebabkan oleh kami. Sebaliknya disebabkan oleh perbuatan kalian sendiri. Adalah mustahil dengan disebabkan kalian diberi nasihat yang baik, kalian akan ditimpa bencana kerana bencana hanya akan menimpa orang-orang yang degil seperti kalian" (19). (Ketika mereka sedang berdialog) tiba-tiba muncullah seorang lelaki dari pinggir kota dengan keadaan yang tergesa-gesa lalu berkata, "Wahai kaumku! Ikutlah seruan rasul-rasul ini (20). Ikutlah seruan mereka yang jujur ini. Mereka tidak meminta apa-apa ganjaran pun daripada kalian. Mereka hanya sekadar mahu memberi bimbingan yang betul kepada kalian semua (12). Bagi diriku, aku berasa tiada sebarang halangan yang boleh menghalang aku daripada menyembah Tuhan yang telah menciptakan diriku ini. Percayalah bahawa kepada-Nyalah kalian semua akan dikembalikan (22). (Aku berfikir) adakah pantas aku mempertuhankan yang lain selain Allah? Padahal jika Allah Yang Maha Pemurah mahu membinasakan manusia, nescaya tiada sesiapa pun yang dapat menolong lalu mereka semua menjadi binasa (23). Aku percaya bahawa jika aku cuba mempertuhankan yang lain selain Allah, hidupku akan terus dalam kesesatan (24). Sesungguhnya aku beriman dengan Tuhan kamu (wahai rasul-rasul). Maka persaksikanlah " (25).*

Penjelasan:

Menurut kebanyakan ulama mufassirien, kawasan yang disebut Allah sebagai *al-Qaryah* dalam ayat yang ke-13 surah ini ialah **Anthokia,** iaitu sebuah kawasan yang terletak di utara negara Syiria. Dahulunya kawasan ini terletak di negara Turki, tetapi selepas tamat Perang Dunia Pertama, perubahan dari segi geografi telah menyebabkan wujudnya beberapa kawasan di Timur Tengah dan Asia Barat. Kebanyakan kawasan di daerah itu telah jatuh ke tangan orang Barat.

Pada zaman dahulu negeri Anthokia diperintah oleh seorang raja musyrik yang kejam. Untuk menyelamatkan rakyatnya daripada kekejaman tersebut, Allah telah mengutuskan dua orang rasul bernama Sama'an dan Yahaya *'alaihima-assalam* (a.s) ke sana untuk meyebarkan ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Isa a.s. Menurut ayat ini, kehadiran mereka ke negeri itu telah disanggah oleh penduduknya dengan kasar dan biadab sekali. Mereka telah diugut dengan ancaman siksa dan bunuh. Bagi menguatkan lagi kerja-kerja dakwah mereka, Allah telah mengutuskan seorang lagi rasul. Rasul yang ketiga ini tidak diketahui namanya kerana tidak dinyatakan dalam mana-mana kitab suci. Hakikatnya ketiga-tiga orang rasul ini telah didakwa kepada penduduk negeri tersebut sepertimana yang dilakukan oleh Nabi Isa a.s. Walaupun semua penduduk di negeri berkenaan terus mendustakan rasul-rasul tersebut, namun ada juga seorang hamba Allah yang datang untuk mandengar dakwah mereka. Lelaki tersebut bernama Habib al-Najjar. Beliau tinggal di pinggir kota negeri tu. Setelah mendengar semua para rasul tersebut, Habib al-Najjar pun merayu kaumnya supaya beriman. Walau bagaimanapun seruannya ditolak oleh kaumnya dan akhirnya beliau sendiri dibunuh dengan kejam. Kematian Habib al-Najjar disambut oleh para malaikat di pintu syurga dengan begitu meriah sambil mempersilakan masuk ke syurga dengan penuh sopan.

﴿ قِيلَ ٱدۡخُلِ ٱلۡجَنَّةَۖ قَالَ يَٰلَيۡتَ قَوۡمِي يَعۡلَمُونَ ٢٦ بِمَا غَفَرَ لِي رَبِّي
وَجَعَلَنِي مِنَ ٱلۡمُكۡرَمِينَ ٢٧ ۞ وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ مِنۢ بَعۡدِهِۦ مِن
جُندٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَمَا كُنَّا مُنزِلِينَ ٢٨ إِن كَانَتۡ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ
فَإِذَا هُمۡ خَٰمِدُونَ ٢٩ ﴾ [1]

*"Dia disambut dengan ucapan, "Masuklah ke syurga!". (Dan apabila al-Najjar melihat segala ni'mat syurga yang tidak terbayang olehnya, Dia pun berkata), "Alangkah baiknya sekiranya kaumku mengetahui (26) apa yang menyebabkan tuhanku memberi ampun kepadaku dan menjadikan aku termasuk orang-orang yang dimuliakan" (27). Selepas mereka membunuhnya, Kami tidak pun menurunkan bala tentera dari langit atau menurunkan apa-apa yang lain untuk menghancurkan mereka (yang zalim itu) (28). Mamadai dengan hanya satu tempikan malaikat sahaja, mereka semua hancur binasa" (29).*

## Penjelasan:

Ayat-ayat di atas menjelaskan tribulasi perjuangan yang terpaksa ditempuh oleh para rasul sepanjang zaman ketika menjalankan tugas untuk menegakkan agama suci di atas muka bumi ini. Ayat tersebut juga menggambarkan segala episod perjalanan menuju Islam sepanjang zaman. Dalam ayat-ayat di atas, Allah mengabadikan kisah-kisah keberanian para rasul-Nya serta ketegasan dan kecekalan semangat mereka ketika menghadapi musuh. Walau apa pun yang terjadi, mereka tetap tabah dan tidak menyerah kalah. Ini menunjukkan bahawa perjalanan menuju Islam adalah satu perjalanan yang sangat jauh dan memerlukan banyak pengorbanan. Selain memaparkan kisah suka duka seseorang rasul melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya untuk mendaulatkan agama suci ini, Allah

[1] Surah Yasin 36: 26-29

juga mengumpamakan perjuangan ini sebagai suatu penjelajahan yang sukar. Dalam satu perumpamaan, Allah menyebut:

﴿ لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَّاتَّبَعُوكَ وَلَٰكِنۢ بَعُدَتْ عَلَيْهِمُ ٱلشُّقَّةُ ۚ ﴾ [1]

*"Andai kata ia suatu usaha yang mudah mendatangkan keuntungan atau jika ia diibaratkan sebagai suatu perjalanan yang dekat, sudah tentu mudah sahaja mereka mengikut kamu (memikul tanggungjawab itu). Tetapi sebenarnya ia bukanlah suatu perjalanan yang dekat. Sebaliknya ia adalah suatu perjalanan yang sangat jauh dan sukar ditempuhi".*

Sejak mula menerima wahyu terutamanya wahyu dalam bentuk ayat-ayat seperti ini, Rasulullah s.a.w tidak pernah berasa jemu untuk terus berjuang. Sikap yang ditunjukkan oleh baginda itu menjadi ikutan para sahabat serta umatnya yang yakin dengan perintah dan janji Allah. Mereka berasa bahawa jika mereka tidak melibatkan diri dalam wadah perjuangan Islam, mereka akan mendapat kerugian yang besar di akhirat kelak.

﴿ يَٰحَسْرَةً عَلَى ٱلْعِبَادِ ۚ مَا يَأْتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٣٠﴾ أَلَمْ يَرَوْا۟ كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ ٱلْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴿٣١﴾ وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٣٢﴾ ﴾ [2]

*"Alangkah ruginya para hamba Allah yang merperolok-olokkan setiap seruan yang disampaikan oleh rasul kepada mereka (30). Adakah mereka tidak melihat sudah berapa banyak umat*

[1] Surah al-Taubah 9: 42

[2] Surah Yasin 36: 30-32

*terdahulu yang telah dibinasakan oleh Allah akibat kezaliman mereka sendiri. Justeru, semua keturunan itu telah pupus (31). Namun semua mereka kelak akan dihimpunkan di tempat pengadilan Kami" (32).*

## Penjelasan:

Sesungguhnya kesan-kesan purba peninggalan umat manusia zaman lampau masih banyak terdapat di merata-rata tempat di dunia ini. Piramid di Mesir, Petra di Jordan, rumah-rumah di Madain Soleh, Kota Babilon di Rom, Itali dan beberapa lagi kesan purba yang lain, kini masih terpelihara dengan baik dan dapat dilihat dengan jelas oleh manusia. Semua itu boleh dijadikan iktibar oleh orang yang mahu berfikir.

Ketika ayat-ayat ini diturunkan, orang Quraisy yang terkenal sebagai ahli perniagaan yang sering menjelajah ke kota-kota besar disebelah utara semua Semenanjung Tanah Arab pada musim panas dan ke kota-kota besar di sebelah selatannya pada musim sejuk, sering melihat kesan-kesan purba itu semasa mereka dalam perjalanan menuju ke destinasi tersebut. Tetapi segala apa yang mereka lihat itu tidak sedikit pun mencuit hati mereka untuk berfikir. Oleh itu Allah mencemuh mereka melalui ayat di atas.

Petra di Jordan melambangkan kemegahan kerajaan Ashabul Hijr

Piramid di Mesir sebagai simbol kemegahan raja-raja Firaun

# BAB 3

## Bukti Saintifik

Bagi meyakinkan seseorang tentang sesuatu perkara, khususnya yang berkaitan dengan agama, bukti yang kukuh mengenai sesuatu perkara itu mestilah diberikan dengan jelas. Bagi membuktikan kebenaran Nabi Muhammad s.a.w dan agama Islam yang dibawanya, surah ini menampilkan banyak bukti yang sahih. Dalam bab yang lalu telah dipaparkan beberapa ayat, iaitu ayat ke-13 hingga ayat ke-25, yang menunjukkan bukti-bukti sejarah yang tidak boleh dipertikaikan. Sebelum ayat tersebut diturunkan, tiada siapa di kalangan ahli sejarah pada zaman itu yang dapat menerangkan keadaan masyarakat di negeri Anthokia (انطاكيه). Tetapi setelah ayat-ayat tersebut diturunkan, orang dapat mengetahui bahawa keadaan mereka amat tertekan kerana mereka dijajah oleh penguasa yang sangat zalim.

Dalam bab ini, dipaparkan pula bukti-bukti saintifik khususnya yang berhubung dengan alam kosmos. Bukti-bukti ini pasti dapat membuka minda orang yang berakal agar mereka berfikir dengan mendalam dan akhirnya mengakui kebenaran Nabi Muhammad dan wahyu itu sendiri.

## Kejadian Bumi Menurut al-Quran dan Ahli Sains

﴿ وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلْأَرْضُ ٱلْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَٰهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ ٣٣ ﴾[1]

*"Satu bukti lagi buat mereka ialah planet bumi (pada peringkat awal ia hanya merupakan sebuah planet yang mati). Kami menghidupkannya dan mengeluarkan bijirin daripada permukaannya. Antara bijirin-bijirin itu merekalah yang memakannya" (33).*

## Penjelasan:

Bumi boleh dilihat dari dua aspek. Pertama dari aspek global dan kedua dari aspek yang lebih khusus. Dari aspek global, Bumi dilihat sebagai sebuah planet yang sentiasa beredar dan mengelilingi Matahari yang menjadi induknya. Menurut beberapa teori yang dikemukakan oleh ahli sains moden berhubung dengan asal usul kejadian cakerawala, semua planet berasal daripada sekumpulan kumin-kumin debu yang halus yang sentiasa berputar di angkasa. Lama-kelamaan kumin-kumin tersebut bertukar menjadi pepejal yang berbentuk piring angkasa yang besar dan sentiasa berputar. Keadaannya semakin lama menjadi semakin panas dan putarannya pula semakin lama semakin laju. Akibatnya, bahagian-bahagian piring angkasa yang besar itu terpisah lalu membentuk kumpulan-kumpulan bahan berupa bebola gas besar yang terbakar. Lama-kelamaan api yang membakar bebola gas itu padam dan cecair yang larut di dalamnya mula menyejuk. Bumi, ialah sebahagian daripada kumpulan bahan tersebut. Pada peringkat awal, Bumi hanya merupakan sebuah bebola berbentuk batu induk yang tidak mempunyai apa-apa di atas permukaannya. Sebab itu ia dikatakan sebagai sebuah "planet

[1] Surah Yasin 36: 33

mati" (الأرض الميتة). Banyak lagi teori tentang kejadian planet dan cakerawala yang telah dikemukakan oleh ahli sains dan ahli kaji bintang atau ahli astronomi.

Rupa bentuk bumi dilihat dari angkasa lepas

Dalam al-Quran, Allah hanya menjelaskan konsep kejadian langit dan kandungannya secara umum sahaja. Contohnya, dalam surah al-Anbiya' 21: 30, Allah menjelaskan:

﴿ أَوَلَمْ يَرَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَـٰهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ٣٠ ﴾[1]

*"Adakah orang-orang kafir itu tidak berfikir (tentang kekuasaan Allah) yang menjadikan langit dan bumi itu pada mulanya kedua-duanya adalah sebati. Selepas itu Kami (Allah) memisahkannya".*

---

[1] Surah al-Anbiya' 21: 30

Ini bermakna bahawa pada asalnya langit dan bumi adalah satu unsur, tetapi kemudiannya dipisahkan antara satu dengan lain. Proses pemisahan daripada satu unsur kepada unsur yang berbeza mengambil masa yang lama. Selepas proses tersebut, berlaku pula proses perubahan bentuk muka bumi daripada "planet mati" kepada "planet hidup" yang mempunyai pelbagai unsur yang terdiri daripada benda bukan hidup dan benda hidup, seperti gunung-ganang, air dan tumbuh-tumbuhan. Firman Allah:

﴿ ۞ قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَرْضَ فِى يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ۝٩ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ مِن فَوْقِهَا وَبَٰرَكَ فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقْوَٰتَهَا فِىٓ أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَآءً لِّلسَّآئِلِينَ ۝١٠ ﴾ [1]

*Katakanlah kepada mereka (wahai Muhammad). "Adakah kamu sanggup mengkufuri Tuhan yang mencipta bumi ini hanya dalam masa dua hari sahaja dan adakah kamu sanggup mempersekutukan-Nya pula dengan yang lain sedangkan Dia sahaja Tuhan yang layak disembah oleh semua makhluk-Nya. Dialah yang menciptakan gunung-ganang di atas muka bumi ini dan Dialah juga yang menyediakan segala apa yang diperlukan oleh penduduk bumi ini, bagi menjamin rezeki mereka di mana-mana jua. Semuanya itu diciptakan-Nya selama empat hari sahaja. (Penjelasan itu sebagai jawapan) bagi orang-orang yang bertanya.*

Dalam surah al-Sajdah Allah berfirman:

---

[1] Surah Fussilat 41: 9-10

﴿ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ مَا لَكُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَلِىٍّ وَلَا شَفِيعٍ ۚ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٤﴾ ﴾ [1]

*Allah menjadikan langit dan bumi serta apa yang ada di dalam kedua-duanya hanya selama enam hari sahaja, kemudian Dia bersemayam di atas 'arasy. Tidak ada tuhan selain daripada-Nya yang layak kamu sembah dan yang layak kamu memohon syafa'at. Maka mengapakah kamu tidak cuba merenung?*

Menurut ayat ini, proses kejadian Bumi dari mula terbentuk hingga ke tahap planet air atau planet hidup mengambil masa Selama enam hari. Bilangan hari menurut kiraan Allah adalah berbeza daripada hari menurut kiraan manusia.

Firman-Nya:

﴿ وَإِنَّ يَوْمًا عِندَ رَبِّكَ كَأَلْفِ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٤٧﴾ ﴾ [2]

*"Dan sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu adalah sama dengan seribu tahun menurut bilangan hari di sisimu."*

Malah konsep tahun itu sendiri adalah relatif sifatnya kerana setahun menurut kiraan peredaran planet Bumi mengelilingi Matahari ialah 365 hari, sedangkan setahun menurut kiraan peredaran planet Neptun ialah 165 tahun Bumi, sementara setahun menurut kiraan galaksi ialah 225 juta tahun Bumi. Maka, adakah enam hari dalam ayat ini bermaksud 6000 juta tahun, iaitu 2000 juta tahun proses pembentukan daripada

[1] Surah al-Sajdah 32: 4

[2] Surah al-Hajj 22: 47

gas kepada bentuk planet dan proses 4000 juta tahun menyempurnakan planet mati kepada planet air atau planet hidup. Hanya Allah sahaja yang mengetahui hakikatnya. Tujuan Allah membentangkan konsep ini secara umum adalah untuk mendorong manusia membentuk kemahiran berfikir secara yang lebih aktif supaya dengan itu sedikit sebanyak mereka dapat membongkar rahsia kejadian Alam Semesta yang sangat menakjubkan itu.

﴿ إِنَّ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٠﴾ ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾ ﴾ [1]

*Sesungguhnya di dalam alam langit dan bumi terdapat terlalu banyak tanda kebesaran Allah yang boleh dibuktikan oleh orang yang celik akal. Mereka ialah orang yang sentiasa mengingati Allah ketika berdiri dan duduk malah ketika berbaring sekalipun. Sambil berfikir tentang rahsia kejadian langit dan bumi itu, mereka juga memuji dan berdoa dengan berkata: "Ya Allah ya Tuhan kami! Engkau pastinya tidak menjadikan alam ini sia-sia. Engkaulah Tuhan Yang Maha Suci. Maka jauhkanlah kami dari siksa neraka."*

Perkataan "bumi yang mati", dalam ayat ke-33 surah ini, jika ditinjau dari aspek yang khusus, merujuk kepada keadaan sesetengah kawasan yang gersang di gurun-gurun pasir atau di tempat-tempat yang dilanda kemarau. Di semua kawasan yang gersang itu tiada tumbuhan yang boleh tumbuh dengan subur.

[1] Surah Ali 'Imran 3: 190-191

﴿ وَٱلْبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَٱلَّذِى خَبُثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾ ﴾ [1]

*Dan tanah yang baik, tanam-tanamannya tumbuh subur dengan izin Allah; dan tanah yang tidak subur tanam-tanamannya hanya tumbuh merana. Demikianlah Kami mengulangi tanda-tanda kebesaran (Kami) bagi orang-orang yang bersyukur.*

Bumi dan sistemnya dicipta oleh Allah s.w.t. Oleh itu Dia lebih mengetahui kepentingan tanah gersang dan tanah subur. Dia juga lebih mengetahui bagaimana hendak menukarkan tanah-tanah gersang itu menjadi tanah yang subur. Sebab itu, kita dapati di atas muka bumi ini banyak sekali tanah yang subur dan sesuai untuk digunakan sebagai kawasan pertanian. Kawasan subur ini terdapat di lembah-lembah, di dataran bukit dan di kawasan-kawasan rendah.

**Ladang Kurma dan Anggur**

﴿ وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّٰتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَٰبٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ ٱلْعُيُونِ ﴿٣٤﴾ لِيَأْكُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾ ﴾ [2]

*Kami menjadikan (di atas muka bumi ini tempat yang sesuai untuk dibuat) ladang-ladang kurma dan anggur. Kami pancarkan banyak mata air (di situ) ( 34 ). Tujuannya supaya mereka boleh mendapat rezeki daripada hasil tanaman tersebut dan tanam-tanaman lain yang mereka usahakan. Adakah mereka berasa tidak perlu bersyukur? ( 35).*

---

1 Surah al-A'raf 7: 58

2 Surah Yasin 36: 34-35

Penjelasan:

Dalam ayat ke-34, Allah menyebut perkataan (نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ), iaitu ladang-ladang kurma dan anggur. Ini tentu ada hikmahnya.

Kurma atau nama saintifiknya *Phoenix dactylifera* ialah tumbuhan asli Benua Asia dan Afrika. Kira-kira 40 000 tahun dahulu, pokok kurma hanya ditanam di lembah Sungai Furat (Euphrates) dan Sungai Dajlah (Tigris). Tetapi pada hari ini ia ditanam di beberapa kawasan bergurun di Amerika Syarikat seperti di lembah Coachella, di California Selatan, Colorado dan di bahagian tertentu di Arizona. Selain Amerika Syarikat, pokok kurma juga ditanam di negeri China, Perancis, dan Sepanyol. Walaubagaimanapun, negara pengeksport buah kurma terbesar di dunia kini ialah Iran, Algeria dan juga Iraq (sebelum Perang Teluk 1992).

Pokok kurma ialah sejenis pokok palma dan mempunyai batang yang tegak dan boleh mencapai ketinggian sehingga 24 meter. Pokok ini mempunyai buah yang melekat pada tandan-tandan yang keluar dari pelepah daunnya. Setiap tandan mengandungi lebih daripada 1000 biji buah dan beratnya lebih kurang 9 kilogram.

Pokok kurma boleh ditanam daripada biji benih ataupun daripada tunas yang tumbuh daripada batang pokok yang berumur tiga hingga enam tahun. Pokok yang ditanam daripada biji mungkin mengeluarkan buah yang berbeza daripada buah yang dihasilkan oleh pokok asal. Tetapi pokok yang ditanam daripada tunas akan mengeluarkan buah yang sama dengan pokok asal. Oleh sebab itu para penanam lebih suka menanam pokok kurma dengan menggunakan tunas. Pokok kurma mengeluarkan buah ketika berumur empat hingga lapan tahun selepas ditanam. Setiap pokok boleh mengeluarkan buah yang banyak pada umur 9 hingga 15 tahun, namun ia boleh menghasilkan buah sebanyak 27 hingga 270 kg setahun selama

100 tahun dan selepas itu hasilnya akan berkurangan. Pokok kurma boleh hidup selama 150 tahun.

Pokok kurma terdiri daripada pokok jantan dan pokok betina. Hanya pokok betina yang mengeluarkan buah. Menurut proses tabii, pendebungaannya dilakukan oleh angin.

﴿ وَأَرْسَلْنَا ٱلرِّيَـٰحَ لَوَٰقِحَ فَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَسْقَيْنَـٰكُمُوهُ وَمَآ أَنتُمْ لَهُۥ بِخَـٰزِنِينَ ﴿٢٢﴾ ﴾[1]

*Kami mengutuskan angin untuk pendebungaan.*

Namun, dalam tradisi penanaman kurma, pendebungaan dilakukan dengan tangan. Apabila debunga jantan yang dihasilkan oleh pokok jantan matang, penanam akan memotong sejambak bunga dari pokok itu dan menggantungkannya di atas cepu debunga bunga betina. Apabila debunga jantan jatuh ke dalamnya, maka berlakulah proses pendebungaan. Pada suatu ketika, Rasulullah s.a.w menegur seorang lelaki yang berbuat demikian kerana menurutnya pendebungaan tabii melalui angin sudah memadai. Lelaki tersebut memberhentikan proses pendebungaan seperti yang biasa dilakukannya itu. Malangnya hasil buah kurma yang diperolehnya pada tahun tersebut sangat merosot lalu dia pun pergi mengadap baginda Rasulullah untuk mengadukan hal tersebut. Mendengar aduan itu Rasulullah berkata kepadanya, (أَنْتُمْ أَعَلَمُ بِأُمُورِ دُنْيَاكُمْ) ***"Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu daripada saya."*** Baginda kemudian menyuruh lelaki itu meneruskan proses pendebungaan seperti yang biasa dilakukannya.

Untuk membolehkan buah-buah kurma masak dengan sempurna, Allah menyediakan musim yang panjang tanpa

[1] Surah al-Hijr 15: 22

sebarang hujan atau kelembapan, sebaliknya terdapat tiupan angin samum yang cukup membahang.

Perkataan al-Nakhl (النخل), al-Nakhlah (النخلة) dan al-Nakhiel (النخيل) atau Nakhiel (نخيل) yang merujuk kepada makna kurma, disebut dalam al-Quran tidak kurang daripada 20 kali. Ini bermakna bahawa ia mempunyai banyak kelebihan jika dibandingkan dengan pokok buah-buahan yang lain. Melihat kepada ciri fizikalnya sahaja didapati setiap bahagiannya mempunyai nilai yang tersendiri. Orang-orang Arab pada zaman dahulu menggunakan batang kurma untuk membuat rumah. Daunnya dijadikan bumbung, kipas, tikar dan raga. Tulang-tulang daun dibuat perkakas rumah atau penyapu, manakala tangkai buahnya dijadikan tali. Pangkal daunnya yang cuma digunakan sebagai kayu api itu boleh menghasilkan minyak. Lantaran itulah juga barangkali terdapat banyak cerita dongeng yang dikaitkan dengan pokok ini. Antaranya ialah pokok ini merupakan pokok di taman syurga kerana ia adalah pokok suci. Sehingga hari ini pun cerita ini masih dipercayai. Sebab itu orang-orang Yahudi dan Kristian masih menggunakan daun-daun kurma dalam perayaan keagamaan mereka.

Selain pokok kurma, muka bumi yang subur ini juga ditanami dengan pokok anggur. Sesetengah orang percaya bahawa anggur adalah antara pokok buah-buahan yang tertua sekali ditanam oleh manusia. Ia mula ditanam oleh orang-orang Mesir Purba sejak 6000 tahun yang lalu. Ini berdasarkan penemuan biji benihnya di beberapa tempat di Mesir termasuk di dalam makam-makam mumia. Orang-orang Mesir Purba menggunakan air anggur bagi mengawet mayat untuk dijadikan mumia.

Pokok anggur tergolong dalam jenis tumbuhan menjalar yang diistilahkan Allah dalam al-Quran sebagai ***al-ma'rusyaat*** (المعروشات). Ia juga merupakan tumbuhan daun luruh kerana daun-daunnya gugur pada musim dingin. Seperti kurma, anggur

juga jarang ditanam daripada biji benihnya. Sebaliknya ia ditanam daripada keratan batang ataupun bahagian-bahagian cabang pokok yang telah membesar. Anggur juga boleh ditanam secara tut lentur, iaitu dengan melenturkan cabang bahagian bawahnya ke dalam tanah dan membiarkannya tumbuh sehingga akarnya keluar kemudian baru dipotong dan ditanam. Pokok anggur mengeluarkan buah bergugus yang sangat cantik. Warna buahnya ada yang hitam keungu-unguan, hijau luntur dan merah. Untuk memastikan pokok anggur terus mengeluarkan buah yang baik, ranting-rantingnya perlu dipangkas. Cara membajanya juga haruslah diurus dengan sempurna. Pokok anggur yang dijaga dengan baik boleh mengeluarkan buah dengan baik selama 300 hingga 400 tahun. Pokok anggur yang terdapat di Hampton Court, England, telah ditanam sejak tahun 1786 Masihi. Sehingga ke hari ini pokok tersebut masih mengeluarkan buah yang subur dan mungkin akan terus subur dan berbuah hingga berpuluh-puluh tahun, malah mungkin beratus-ratus tahun lagi jika ia terus dijaga dengan sempurna.

Pokok kurma mengeluarkan buah daripada tandan

Pokok anggur mengeluarkan buah bergugus yang cantik

## Hujan dan Mata Air Menyuburkan Tanah Gersang

Terdapat pelbagai cara Allah menghidupkan tanah-tanah gersang. Salah satu caranya adalah dengan mengeluarkan mata air daripada perut bumi yang gersang itu.

﴿ ... وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ ٱلْعُيُونِ ﴿٣٤﴾ ﴾ [1]

*… (kerana) Kami pancarkan banyak mata air (di situ).*

Punca mata air ialah hujan. Hujan terjadi hasil daripada proses sejatan yang sentiasa terjadi di merata-rata tempat di bumi ini. Akibat daripada sinaran cahaya matahari, semua air yang terdapat di permukaan bumi menyejat dan terapung di udara dalam bentuk wap, iaitu unsur yang sangat ringan. Kemampuan udara menampung wap air bergantung pada kadar kepanasannya. Semakin panas udara, maka semakin banyaklah wap air yang boleh ditampungnya. Apabila semakin banyak wap air berkumpul di dalamnya, suhu udara menjadi semakin sejuk dan akhirnya turun ke paras yang sangat rendah. Keadaan ini menyebabkan udara tidak boleh menampung semua wap air itu, lalu sebahagiannya memeluwap dan membentuk titisan-titisan air yang halus. Titisan air tersebut berkumpul membentuk awan dan kemudian turun semua ke bumi sebagai hujan.

﴿ أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُزْجِى سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُۥ ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ رُكَامًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَٰلِهِۦ ﴾ [2]

*Adakah kamu tidak pernah memerhati sistem sejatan yang dicipta Allah untuk mengumpulkan awan di udara? Selepas terkumpul, ia bertaut antara satu dengan yang lain sehinggalah membentuk awan mega. Akhirnya kamu ternampak seolah-olah air itu menitis dari celah-celahnya.*

Air hujan yang turun dari langit itu mengalir ke tasik-tasik dan sungai-sungai, seterusnya mengalir ke laut sambil memeluap ke udara. Sebahagian air hujan meresap ke dalam tanah lalu membentuk mata air.

---

[1] Surah Yasin 36: 34

[2] Surah an-Nur 24: 43

Proses pembentukan hujan

Firman Allah s.w.t,

﴿ وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءًۢ بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّٰهُ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍۭ بِهِۦ لَقَٰدِرُونَ ﴿١٨﴾ ﴾[1]

*Kami menurunkan air dari langit kemudian Kami menyimpannya di dalam tanah. Sesungguhnya Kami mampu mengitarkan semula air yang tersimpan di dalam tanah itu.*

﴿ أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَلَكَهُۥ يَنَٰبِيعَ فِى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِۦ زَرْعًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهُۥ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ حُطَٰمًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٢١﴾ ﴾[2]

[1] Surah al-Mu'minun 23: 18
[2] Surah al-Zumar 39: 21

*Adakah kamu tidak pernah memikirkan bagaimana Allah menurunkan hujan dari langit lalu air itu mengalirkan banyak mata air (di dalam perut bumi).*

Sebahagian daripada mata air itu mengalir sepanjang masa sementara sebahagian yang lain mengalir pada musim hujan sahaja. Mata air yang mengalir sepanjang masa itu disebut **mata air tetap** dan mata air yang mengalir pada musim hujan sahaja disebut **mata air terputus-putus**. Mata air tetap mendapat bekalan airnya jauh dari dalam perut bumi dan tidak bergantung pada hujan untuk mendapatkan bekalannya, lantaran itu ia terus mengalir sepanjang masa.

Demikian antara sistem tabii yang dicipta oleh Allah untuk menghidupkan bumi yang gersang sehingga ia boleh bertukar menjadi bumi yang subur, yang boleh dijadikan kebun buah-buahan dan taman-taman yang indah.

### Galakan Menyelidik Rahsia Alam

﴿ سُبۡحَـٰنَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلۡأَزۡوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلۡأَرۡضُ وَمِنۡ أَنفُسِهِمۡ وَمِمَّا لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٣٦﴾ ﴾

*"Maha Suci Allah, Tuhan yang menciptakan semua benda berpasang-pasangan. Tidak kira sama ada benda-benda itu terdiri daripada tumbuhan yang tumbuh di bumi mahupun yang lahir daripada diri mereka (manusia) sendiri. Begitulah juga benda-benda lain yang mereka tidak mengetahui akan hakikatnya".*

### Penjelasan:

Firman Allah dalam ayat yang ke-36 ini bukanlah semata-mata bertujuan untuk menunjukkan keagungan dan kekuasaan-Nya kepada kita, kerana apa yang terdapat di sekeliling kita ini

[1] Surah Yasin 36: 36

sudah cukup untuk menunjukkan bukti yang kukuh tentang keagungan dan kekuasaan-Nya. Tujuan utama ayat ini difirmankan adalah untuk menggerakkan rasa ingin tahu manusia supaya memberi tumpuan yang lebih terhadap usaha penyelidikan terhadap sistem kejadian alam semesta ini. Melalui ayat ini manusia digesa mengkaji konsep berpasangan itu dengan lebih mendalam supaya kita dapat mengetahui dengan jelas akan hakikatnya. Kita harus mengambil tahu tentang konsep regu (الأزواج) itu sendiri. Adakah ia hanya tertumpu kepada benda-benda hidup sahaja ataupun meliputi benda bukan hidup. Setiap yang berpasangan ialah sesuatu yang mempunyai regu. Misalnya jantan dan betina pada benda hidup, ataupun positif dan negatif pada benda bukan hidup. Pasangan atau regu adalah suatu fitrah Allah terhadap benda. Bagi benda hidup, tujuan diwujudkannya adalah supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Sementara bagi benda bukan hidup pula adalah supaya ia menghasilkan tindak balas. Antara pasangan itu ada yang dapat diketahui hakikatnya oleh manusia dan ada pula yang belum diketahui malah ada pula yang tidak diketahui langsung. Namun begitu jika mereka sentiasa menyelidik, mereka tentu akan dapat mengetahui dengan jelas akan hakikat pasangan sesuatu benda itu. Contohnya, dahulu orang tidak mengetahui bahawa di permukaan matahari atau fotosfera terdapat tompok-tompok gelap dengan tepinya yang agak terang. Tompok-tompok itu disebut tompok matahari. Setelah dikaji dan diselidiki dengan teliti, ternyata bahawa tompok matahari itu sentiasa wujud dalam bentuk berpasangan. Bagi membolehkan kita mengetahui lebih banyak hakikat pasangan atau regu bagi benda-benda yang belum kita ketahui, kita mestilah sentiasa membuat kajian dan penyelidikan terhadap apa juga yang kita rasa perlu. Setiap kajian hendaklah dibuat dengan bersungguh-sungguh sehingga sampai kepada natijahnya. Semakin banyak kajian dan penyelidikan yang dibuat dengan teliti, maka semakin banyak rahsia alam yang dapat kita ketahui.

﴿ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٩﴾ ﴾ [1]

*Katakanlah! Adakah sama martabat orang yang mengetahui dengan orang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang sedar tentang perkara ini adalah orang yang celik akal.*

﴿ قُلِ ٱنظُرُوا۟ مَاذَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ ﴾ [2]

*(Oleh itu) Katakanlah wahai Muhammad (kepada umatmu), "Hendaklah kamu sentiasa memerhati (menyelidik) akan apa sahaja yang terdapat di langit dan di bumi ini."*

Ini bermakna bahawa bidang penyelidikan sangat penting khususnya untuk memartabatkan umat Islam menjadi خير أمة atau umat yang terpilih. Bagi membolehkan sesuatu perkataan (انظروا) dalam al-Quran sebanyak tidak kurang daripada 35 kali. Maksud memerhati dalam ayat-ayat yang disebut itu tentulah mengkaji dan menyelidik dengan mendalam terhadap sesuatu bagi mencari rahsia kejadiannya. Sesungguhnya setiap benda yang dicipta oleh Allah itu merupakan fakulti yang menawarkan pelbagai bidang ilmu kepada manusia yang berakal.

## Malam dan Siang: Dikawal oleh Sistem yang Unik

﴿ وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ ٱلنَّهَارَ فَإِذَا هُم مُّظْلِمُونَ ﴿٣٧﴾ ﴾ [3]

---

[1] Surah al-Zumar 39: 9

[2] Surah Yunus 10: 101

[3] Surah Yasin 36: 37

*"Dan antara tandanya yang lain ialah malam, apabila Kami melenyapkan siang daripada muka bumi ini lantas kamu pun diselubungi kegelapan".*

## Penjelasan:

Pada zaman dahulu kala, terdapat pelbagai kepercayaan terhadap kejadian malam dan siang. Orang Yunani Purba mempercayai bahawa siang dan malam berlaku kerana perbuatan dewa matahari yang bernama Phoebus Appolo. Mereka mendakwa setiap pagi dewa tersebut menaiki kereta yang ditarik oleh kuda-kuda emasnya menyeberangi alam maya ini dengan membawa undang atau obor yang bernyala-nyala untuk menerangi dunia. Setelah berjalan sehari suntuk, dia pun menghentikan perjalanannya untuk merehatkan kuda-kuda kesayangannya itu, supaya dia dapat meneruskan perjalanannya dengan lebih selesa. Sebaik sahaja dewa itu berhenti berjalan, dunia ini pun menjadi gelap gelita, dan keadaan itu didakwa oleh mereka sebagai malam. Ada juga golongan lain yang mempercayai bahawa siang berlaku kerana matahari jaga dan malam pula berlaku kerana matahari tidur.

Ramai manusia di dunia ini, termasuk orang-orang Arab pada zaman jahiliyah, mempercayai dongeng orang Yunani Purba itu. Begitu juga dengan dongeng matahari tidur dan jaga. Untuk memperbetulkan kepercayaan karut dan menghapuskan fahaman syirik di kalangan manusia, Allah s.w.t talah menurunkan ayat tersebut. Dalam ayat tersebut terkandung maksud bahawa kejadian siang dan malam itu bukanlah akibat perbuatan dewa Phoebus Appolo yang sememangnya tidak wujud, ataupun kerana matahari tidur dan jaga seperti yang didakwa. Melalui ayat tersebut Allah memberitahu manusia:

 [1]

[1] Surah Yasin 36: 37

*Kami melenyapkan siang daripada muka bumi ini lantas kamu pun terus diselubungi kegelapan.*

Allah melenyapkan siang daripada muka bumi bukannya dengan cara memadamkan cahaya daripada matahari atau menidurkannya tetapi dengan mewujudkan sistem cakerawala yang sangat unik dan rapi. Allah menyuruh kita mengkaji dan menyelidik sistem tersebut agar kita dapat mengetahui hakikat keunikannya. Firman-Nya:

﴿ أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيْلِ ﴾ [1]

*Mengapakah kamu tidak mahu mengkaji dan menyelidik sistem yang dicipta Allah untuk memasukkan malam ke dalam siang dan siang ke dalam malam.*

Saranan yang sama terdapat dalam beberapa ayat yang lain, antaranya surah Ali I'mran 3: 27, surah al-Hajj 22: 61, surah Fatir 35: 13, surah al-Zumar 39: 5 dan surah al-Hadid 57: 6.

Dalam semua ayat di atas, Allah menyatakan bahawa kejadian siang dan malam disebabkan oleh suatu sistem yang diatur oleh-Nya sendiri. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh ahli sains dan ahli astronomi, ternyata bahawa Bumi ini sentiasa berputar pada paksinya. Untuk melengkapkan satu pusingan, ia mengambil masa selama 24 jam. Semasa membuat pusingan tersebut, ada kawasan di atas muka bumi yang menghadap ke arah Matahari dan ada pula kawasan yang membelakanginya. Kawasan yang menghadap ke arah Matahari akan mengalami siang dan kawasan yang membelakanginya pula akan mengalami malam. Apa yang menakjubkan ialah kedudukan paksi Bumi itu sendiri. Kedudukannya condong pada sudut 66.50 darjah. Mengapakah Allah tidak menjadikannya

---

[1] Surah Luqman 31: 29

tegak? Sekiranya kedudukan paksi tegak, nescaya seluruh dunia akan mengalami waktu malam dan siang yang sama panjang. Adakah itu bermanfaat kepada kehidupan, khususnya manusia? Dengan kedudukannya yang condong itu, menyebabkan Hemisfera Utara dan Hemisfera Selatan mengalami waktu malam dan siang yang panjang. Ini menunjukkan tanda kebijaksanaan dan kebesaran Allah s.w.t.

﴿ إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ١٠٧ ﴾[1]

*Sesungguhnya Tuhanmu mencipta sesuatu menurut apa yang dikehendaki-Nya.*

Di samping berputar pada paksinya, Bumi juga beredar mengeliling matahari mengikut orbitnya. Orbit Bumi sangat luas. Untuk menghabiskan satu pusingan pada orbitnya, Bumi terpaksa mengambil masa selama 365 hari berbanding dengan pusingan pada paksi yang hanya mengambil masa selama 24 jam. Peredaran Bumi mengelilingi Matahari menyebabkan berlakunya musim yang berlainan dalam setahun, iaitu musim bunga, musim panas, musim luruh dan musim dingin. Keempat-empat musim ini dialami oleh kawasan-kawasan tertentu di muka bumi ini

**Keajaiban Matahari**

Terlalu banyak dongeng tentang Matahari yang dipercayai oleh manusia. Sesetengahnya menganggap Matahari beredar mengelilingi bumi seperti yang kita lihat, iaitu dari timur ke barat. Mereka mempercayai bahawa Matahari bergerak dari timur dan merentasi langit lalu tenggelam di barat. Sesetengahnya pula menganggap Matahari sebagai suatu objek yang mempunyai kuasa, yang boleh menentukan hidup mati seseorang atau sesuatu benda. Tanpa Matahari, semua benda di atas muka

---

[1] Surah al-Hud 11: 107

Bumi ini tidak boleh hidup. Sebab itulah ada golongan yang menyembah Matahari.

﴿ وَٱلشَّمۡسُ تَجۡرِي لِمُسۡتَقَرّٖ لَّهَاۚ ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ٣٨ ﴾ [1]

*Dan matahari itu sentiasa berputar dengan ligat pada paksinya. Itu adalah suatu hukum yang ditetapkan oleh Tuhan Yang Maha Gagah lagi Maha Mengetahui.*

**Penjelasan:**

Ayat di atas menjelaskan bahawa Matahari tidak mengelilingi Bumi, sebaliknya ia berputar di atas paksinya sendiri. Matahari ialah sebuah sfera besar yang mengandungi gas yang sangat panas dan sentiasa bernyala-nyala. Hampir semua kawasan di permukaannya diliputi gas hidrogen. Terdapat juga helium dan gas-gas lain yang dianggarkan tidak kurang daripada 60 unsur di dalamnya. Semua unsur yang terdapat di dalamnya cukup untuk menjadikannya sebagai punca tenaga. Sungguhpun demikian, matahari tidak boleh disembah seperti tuhan kerana ia hanya sebuah bintang, yang akhirnya akan binasa sebagaimana makhluk lain. Matahari hanyalah satu daripada berjuta-juta bintang yang terdapat dalam galaksi Bima Sakti dan satu daripada berbilion-bilion bintang di cakerawala.

Oleh sebab matahari merupakan unsur yang sangat penting bagi kehidupan, kajian mengenainya telah dibuat sejak lama dahulu lagi. Menerusi penyelidikan yang lebih tersusun dan berterusan, manusia kini, terutama para ahli astronomi telah dapat mempelajari banyak perkara mengenai bintang ini. Antaranya ialah tentang saiznya. Garis pusatnya dianggarkan kira-kira 1,300,000 km, iaitu kira-kira 109 kali ganda garis pusat Bumi. Ini menunjukkan bahawa Matahari ialah sebuah bintang yang sangat besar. Namun, jika dibandingkan dengan sesetengah bintang lain yang terdapat di langit, Matahari masih

[1] Surah Yasin 36: 38

dianggap sebagai bintang yang sederhana besar, kerana terdapat banyak lagi bintang yang lebih besar.

Matahari terletak dalam galaksi Bima Sakti iaitu salah sebuah daripada sekian banyak galaksi yang terdapat di maya pada. Permukaannya sentiasa mengeluarkan haba dan cahaya. Keadaan inilah yang menyebabkan suhu di kawasan permukaannya terlalu tinggi dan dianggarkan tidak kurang daripada 5,500°C. Sekiranya kita melihat fotosfera atau permukaan Matahari dengan alat yang direka khas untuk tujuan itu nescaya kita akan nampak sekali biji-bijian yang berselerak di atasnya. Ahli astronomi menamakan sebagai ***bijian fotosfera.*** Ia adalah gabungan kawasan terang dan kawasan gelap pada permukaan Matahari. Walaupun kelihatan kecil, namun pada hakikatnya kawasan tersebut sangat luas, mungkin sehingga beratus-ratus kilometer. Selain bijian fotosfera, kita juga akan dapat melihat tompok-tompok yang lebarnya antara 800 hingga 80,000 kilometer. Tompok-tompok tersebut dinamakan ***tompok matahari.*** Kedudukannya sentiasa berubah-ubah di sepanjang tahun. Kadang-kadang kita hanya dapat melihat 5 hingga 6 tompok sahaja dan adakalanya kita dapat melihat sehingga beratus-ratus tompok. Apa yang menakjubkan ialah kewujudannya secara berpasangan.

﴿ سُبۡحَـٰنَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلۡأَزۡوَٰجَ كُلَّهَا ﴾ [1]

*Maha suci Allah, Tuhan yang menjadikan semua makhluk-Nya berpasangan.*

Semua tompok matahari itu kelihatan gelap. Namun pada hakikatnya ia adalah kawasan yang amat terang. Tompok tersebut kelihatan gelap kerana dikelilingi oleh kawasan-kawasan lain yang lebih terang. Sebenarnya rahsia tentang Matahari terlalu banyak. Ahli astronomi dan ahli sains telah mencipta pelbagai jenis alat canggih yang khusus untuk

[1] Surah Yasin 36: 36

mengesan lebih banyak maklumat tentang matahari. Berasaskan kajian yang dibuat melalui alat-alat canggih yang direka khas itu, mereka telah menemui banyak lagi perkara dipermukaannya. Antaranya ialah tompok-tompok terang yang dinamakan *faculae* atau suluh-suluh kecil. Tompok-tompok itu terhasil apabila sebahagian daripada gas yang panas dalam Matahari meletup keluar ke permukaannya. Mereka juga menemui beberapa lapisan gas kurang padat setebal kira-kira 14,500 km berwarna merah terang. Mereka menamakannya **kromosfera.** Selain itu mereka juga menemui gas-gas utama seperti hidrogen dan helium. Mereka percaya bahawa gas-gas utama inilah yang menyebabkan suhu dipermukaan Matahari meningkat sehingga 20,000°C. Terdapat juga kumim-kumin elektrik atau ion daripada besi, nikel, dan kalsium yang membentuk gegelang berwarna-warni. Di bahagian dalamnya berwarna kuning dan di bahagian luarnya pula berwarna putih seperti mutiara yang terletak di atmosfera. Oleh kerana ia kelihatan tersangat cantik dan indah, mereka menamakan gegelang tersebut sebagai *korona* atau makhota.

Menurut ayat ke 38 surah ini, matahari sentiasa berputar dengan ligat pada paksinya dan beredar pada orbitnya sendiri. Banyak kajian telah dibuat untuk menentukan bentuk putarannya. Setakat ini ahli astronomi dan ahli sains berpendapat bahawa putarannya adalah dari barat ke timur. Oleh sebab Matahari bukan benda jamad seperti Bumi, putarannya tidak berlaku secara serentak bagi semua bahagiannya. Putaran di kawasan khatulistiwa berbeza dengan putaran di kawasan hemisfera utara, hemisfera selatan dan kutub. Satu putaran lengkap di kawasan khatulistiwa mengambil masa selama 25 hari. Untuk melengkapkan putaran di kawasan hemisfera utara dan selatan memerlukan masa yang lebih lama kerana putaran di kawasan-kawasan tersebut lebih perlahan daripada putaran yang berlaku di kawasan khatulistiwa. Untuk melengkapkan putaran di kawasan kutub pula memerlukan masa selama 34 hari. Demikianlah perbezaan putaran Matahari pada paksinya itu.

﴿ وَٱلشَّمۡسُ تَجۡرِي لِمُسۡتَقَرّٖ لَّهَاۚ ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ﴿٣٨﴾ ﴾ [1]

*Dan matahari itu sentiasa berputar dengan ligat pada paksinya. Itu adalah suatu hukum yang ditetapkan oleh Tuhan Yang Maha Gagah lagi Maha Mengetahui.*

## Matahari Sebagai Punca Tenaga

Matahari mempunyai tenaga yang sangat kuat kerana suhu dibahagian tengahnya terlalu tinggi sehingga mencapai 15 juta °C. Suhu yang terlalu tinggi ini menyebabkan berlakunya tindak balas campuran nukleus. Tindak balas ini pula mengakibatkan pembentukan nukleus helium yang menjadi punca pengeluaran haba dan tenaga cahaya yang sangat kuat. Daripada sedemikian banyak tenaga yang dikeluarkan, Bumi hanya menerima kira-kira satu perseribu juta atau dua perseribu juta tenaga sahaja. Sebahagiannya diserap oleh Bumi, sebahagian lagi dibalikkan ke angkasa dan sebahagian yang lain diserap oleh atmosfera Bumi. Sesungguhnya matahari ialah suatu benda ajaib kurnian Allah kepada sekalian makhluk-Nya. Tanpa Matahari, Bumi tidak akan menjadi planet yang boleh didiami oleh benda-benda hidup.

## Teori Tentang Kejadian Bulan

﴿ وَٱلۡقَمَرَ قَدَّرۡنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلۡعُرۡجُونِ ٱلۡقَدِيمِ ﴿٣٩﴾ ﴾

*"Dan untuk bulan pula Kami telah menentukan tempat-tempat perjalanannya supaya ia dapat kembali ke tempat ia mula beredar dalam keadaan seperti bentuk tangkai mayang kurma yang sudah kering (bulan sabit)".*

---

[1] Surah Yasin 36: 38

[2] Surah Yasin 36: 39

Penjelasan:

Seperti Matahari dan Bumi, pelbagai teori telah dibuat oleh ahli astronomi dan ahli sains bagi menerangkan kejadian bulan. Terdapat teori yang mengatakan bahawa bulan pada asalnya adalah sebahagian daripada Bumi. Semasa Bumi berputar dengan ligatnya (ketika itu masih dalam bentuk cecair), suatu bonjolan telah terbentuk dan lama kelamaan bonjolan itu terhumban keluar lalu mengelilingi Bumi sebagai bulan. Terdapat teori lain yang mengatakan bahawa Bumi dan bulan terjadi pada masa yang berlainan dan mengelilingi Matahari dalam perjalanan yang berbeza. Lantaran Bumi mempunyai tarikan graviti yang lebih kuat, ia dapat menarik bulan menjadi satelitnya yang kekal.

Satu teori lagi mengatakan bahawa berbilion tahun dahulu, cakerasuria ini hanya merupakan satu kelompok zarah yang sejuk. Lama kelamaan zarah-zarah itu berkumpul lalu membentuk sebuah pepiring yang besar yang sentiasa berputar di angkasa. Oleh sebab putarannya terlalu ligat, lama-kelamaan sebahagian daripada pepiring itu terpisah lalu terbentuklah beberapa planet. Bumi dan bulan adalah antara bahagian-bahagian yang terpisah itu.

Dalam membincangkan perkara ini, pelbagai soalan mungkin timbul dalam fikiran kita. Antaranya ialah sejauh manakah kebenaran teori yang telah dikemukakan itu? Adakah teori tersebut boleh dipercayai dan apakah kesannya terhadap akidah seseorang sekiranya teori tersebut bercanggah dengan hakikat kejadian bulan yang sebenar?

Bagi menjawab soalan di atas, kita harus sedar bahawa kita dikurniakan Allah sesuatu yang sangat berharga, iaitu akal. Fungsi akal adalah untuk berfikir bagi mencari jawapan terhadap sesuatu persoalan yang belum jelas kepada kita. Para teoris yang menghasilkan teori seperti di atas ingin mendapat jawapan terhadap kedudukan suatu benda di langit, iaitu benda

yang disebut **bulan** itu. Untuk mengetahui hakikatnya, mereka membuat pelbagai penyelidikan dan kajian. Berasaskan penyelidikan dan kajian tersebut, mereka telah menghasilkan teori seperti di atas. Tidaklah menjadi kesalahan kepada kita jika mempercayai atau menolak mana-mana teori yang dikemukakan itu kerana ia hanyalah perkara zanni (ظنّي) atau perkara yang boleh diandaikan. Sesuatu yang boleh diandaikan itu kadang-kadang tepat dan kadang-kadang sebaliknya.

Dalam apa jua persoalan, kita harus mencari jawapannya. Selepas mendapat jawapan, kita perlu pula membuat analisis dalam bentuk ilmiah supaya kita dapat berpegang dengannya sebagai asas pengetahuan yang kukuh. Langkah ini penting kerana ia boleh membantu perkembangan minda seseorang. Pastinya Allah tidak akan mempersiakan usaha orang yang mahu mengembangkan mindanya supaya dia dapat berfikir dengan lebih waras dan lebih matang.

## Bulan: Sebuah Satelit Bumi

Ketika bulan purnama, bentuknya kelihatan bulat seperti sebuah piring yang bercahaya. Cuba fikirkan adakah bentuk bulan benar-benar bulat seperti yang dilihat itu? Sebenarnya, bulan tidak berbentuk betul-betul bulat. Ia membonjol sedikit pada bahagian menghadap ke bumi. Bentuk ini hanya dapat dikesan oleh ahli astronomi dengan menggunakan alat khusus. Menurut mereka bonjolan tersebut berlaku akibat tarikan graviti bumi.

Bulan ialah satelit bumi. Ia jauh lebih kecil daripada bumi. Garis pusatnya berukuran 3476 km, iaitu kira-kira ¼ ukuran garis pusat bumi. Dalam cakerasuria terdapat 32 buah bulan yang menjadi satelit kepada beberapa buah planet. Bumi mempunyai sebuah bulan sahaja, Marikh dan Zuhrah masing-masing mempunyai dua buah bulan, Uranus mempunyai lima buah bulan, Zuhal mempunyai 10 buah bulan, manakala Musytari mempunyai 12 buah bulan. Semua bulan tersebut adalah bercahaya.

﴿ هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ ٱلشَّمْسَ ضِيَآءً وَٱلْقَمَرَ نُورًا ﴾ [1]

*Dan Allah menciptakan matahari (sebagai bintang yang) bersinar dan bulan pula (sebagai satelit yang) bercahaya.*

Cahaya yang terdapat pada bulan sebenarnya bukanlah cahayanya sendiri. Sebaliknya ia adalah cahaya yang dipantulkan oleh Matahari. Pada hakikatnya bulan tidak bercahaya sama sekali kerana ia adalah satelit dan bukannya bintang sebagaimana Matahari. Suatu keanehan pada bulan ialah suhunya yang berlawanan pada waktu siang dan malam. Pada waktu siang, suhu bulan terlalu tinggi sehingga mencecah ke paras 100°C, pada waktu malam pula suhunya terlalu rendah sehingga ke takat -150°C. Keadaan suhu yang jauh berbeza itu menyebabkan permukaan bulan sentiasa mengembang dan menguncup. Ini menyebabkan pada permukaannya terdapat kawasan yang merekah atau berlurah, di samping terdapat 'ray' atau deretan batu-batan panjang yang berwarna-warni menjajari kawah-kawah yang terdapat di permukaannya.

Sebagai satelit Bumi, bulan sentiasa mengelilingi Bumi pada orbitnya yang berbentuk bujur. Sebab itu kedudukannya dengan bumi pada masa-masa tertentu sejauh 375,000 km dan pada masa yang lain pula sejauh 407,000 km. Sambil mengelilingi Bumi, bulan juga berputar pada paksinya. Apa yang

Bulan ialah satelit bumi

[1] Surah Yunus 10: 5

aneh bulan mengambil masa yang sama untuk melengkapkan putaran pada paksi dan peredaran mengelilingi Bumi, iaitu selama 27 hari 7 jam 43 minit. Masa peredaran bulan mengelilingi Bumi dan putaran pada paksinya itu membantu kita menentukan takwim bulan hijriyah.

﴿ هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ ٱلشَّمْسَ ضِيَآءً وَٱلْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُۥ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۝٥ ﴾ [1]

*Allah menciptakan matahari (sebagai bintang yang) bersinar dan bulan (sebagai satelit yang ) bercahaya. Selain itu Dia juga menentukan peredaran masing-masing bagi membolehkan kamu mengetahui cara menentukan kalendar serta bilangan masa.*

Seperti yang telah diketahui, Matahari, Bumi dan bulan sentiasa beredar mengikut orbit dan berputar pada paksinya. Pada masa-masa tertentu, dalam tempoh peredarannya, kedudukan Matahari, Bumi dan bulan berada dalam barisan yang sama. Apabila bulan terletak di antara Bumi dengan Matahari dan ketiga-tiganya terletak dalam satu barisan, kita tidak dapat melihat bulan kerana bahagian yang menghadap Bumi tidak diterangi oleh cahaya matahari akibat dilindungi oleh Bumi. Namun, apabila sebahagian kecil daripada bulan terlepas daripada lindungan Bumi, cahaya matahari dapat meneranginya. Ketika itu kita dapat melihat bulan sebagai satu garis lengkung nipis yang disebut anak **bulan *(hilal)*** atau ***"bulan sabit"***

﴿ ۞ يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَهِلَّةِ ۖ قُلْ هِىَ مَوَٰقِيتُ لِلنَّاسِ وَٱلْحَجِّ ۗ ﴾ [2]

---

[1] Surah Yunus 10: 5

[2] Surah al-Baqarah 2: 189

*Mereka bertanya kepadamu tentang (kepentingan) anak-anak bulan. Katakanlah kepada mereka bahawa ia adalah merupakan penentuan waktu-waktu beribadat khususnya ibadat haji.*

Dari semasa ke semasa bahagian yang diterangi cahaya matahari itu kelihatan semakin besar sehingga separuh bulatan. Ketika itu bulan disebut sebagai **"suku pertama".** Bahagian berkenaan kelihatan terus membesar sehingga seluruh permukaannya diterangi cahaya. Ketika itu bulan dikenali sebagai **"bulan purnama".**

Selepas bulan purnama, bahagian yang diterangi cahaya itu kelihatan semakin kecil semula sedikit demi sedikit dan kemudian kembali kepada bentuk separuh bulatan. Ketika bulan dalam bentuk demikian, ia disebut **"suku terakhir".** Ia terus kelihatan mengecil dan akhirnya menjadi bulan sabit dan kemudian akan menjadi bulan baru semula. Masa yang diambil oleh bulan untuk menghabiskan sesuatu peredarannya ialah 29 hari. Tempoh tersebut bermakna sebulan dan itulah maksud ayat ke-39 surah Yasin ini.

Fasa peredaran bulan menunjukkan peringkat suku pertama, bulan purnama dan suku terakhir

﴿ وَٱلْقَمَرَ قَدَّرْنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلْعُرْجُونِ ٱلْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾ ﴾[1]

[1] Surah Yasin 36: 39

*Dan untuk bulan pula Kami menentukan tempat-tempat perjalanannya supaya ia dapat kembali ke tempat mula ia beredar dalam keadaan seperti bentuk tangkai mayang kurma yang sudah kering (bulan sabit).*

## Tarikan Graviti Bulan: Mengawal Pasang Surut Air Laut

Selain peredarannya yang tetap dan unik itu, bulan juga mempunyai tarikan graviti yang menakjubkan. Graviti bulan walaupun hanya kira-kira 1/6 graviti bumi, namun ia cukup kuat untuk mengawal pasang surut air laut. Pasang surut air laut yang dikawal oleh graviti bulan itu terjadi dalam dua keadaan, iaitu **pasang dalam** atau **pasang perbani** dan **pasang anak**. Air pasang dalam atau pasang perbani berlaku apabila bulan, Matahari dan Bumi berada dalam barisan yang sama. Sementara air pasang anak pula berlaku apabila bulan berada pada peringkat suku pertama dan terakhir. Yang jelas semua keadaan tersebut berlaku akibat tarikan graviti bulan.

﴿ لَا ٱلشَّمۡسُ يَنۢبَغِي لَهَآ أَن تُدۡرِكَ ٱلۡقَمَرَ وَلَا ٱلَّيۡلُ سَابِقُ ٱلنَّهَارِۚ وَكُلّٞ فِي فَلَكٖ يَسۡبَحُونَ ٤٠ ﴾ [1]

*Matahari tidak pernah bertembung dengan bulan dan malam tidak pernah mendahului siang sedangkan semuanya sentiasa beredar dengan pantas sambil berpusing dengan ligatnya di angkasa raya.*

### Penjelasan:

Ayat ini menjelaskan secara am tentang kebijaksanaan Allah mencipta langit. Langit ialah fenomena alam yang tersangat luas dan tidak bertepi. Di dalamnya terdapat sistem kosmos yang sangat menakjubkan. Di langit juga terdapat galaksi yang tidak terkira banyaknya. Di dalam setiap galaksi terdapat

[1] Surah Yasin 36: 40

bintang yang begitu banyak jumlahnya. Setiap bintang pula mempunyai keluarga yang terdiri daripada planet berserta satelitnya. Selain itu terdapat juga komet-komet dan bintang-bintang siarah kecil yang bertaburan di angkasa. Setiap satunya berputar sambil beredar mengelilingi induk masing-masing dengan pantas tanpa berhenti.

Kita berada di dalam galaksi Bima Sakti. Di dalam galaksi ini sahaja terdapat gugusan bintang yang terlalu banyak jumlahnya. Bintang kita ialah Matahari. Matahari mempunyai keluarga yang terdiri daripada pelbagai jenis planet, bulan dan komet-komet yang sentiasa berputar dan beredar dengan kelajuan yang amat pantas. Namun semuanya tidak pernah bertembung antara satu dengan yang lain kerana semuanya berada dalam sistem yang disusun rapi.

﴿ بَدِيعُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾ ﴾ [1]

*Allah menyusun sistem langit dan bumi dengan serapi-rapinya. Oleh itu, apabila Dia memutuskan untuk menentukan sesuatu hukum ke atas kedua-dua perkara tersebut, Dia cuma berkata "jadilah!" maka hukum tersebut terus terlaksana.*

﴿ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا

[1] Surah al-Baqarah 2: 117

شَآءَۚ وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥ [1]

*Allah (Tuhan yang Maha Esa) tiada Tuhan melainkan Dia. Setiap apa yang berada di langit dan di bumi ini semuanya menjadi milik-Nya belaka. Siapakah yang berupaya memberikan pertolongan kalau tidak dengan izin-Nya? Dia mengetahui akan segala apa yang berada di hadapan mereka atau di belakang mereka. Tiada apa yang boleh disembunyikan oleh mereka daripada pengetahuan-Nya, melainkan semuanya itu diketahui oleh-Nya jua. Alam al-Kursyi ciptaan-Nya adalah terlalu luas sehingga dapat memuatkan segala apa yang ada di langit dan di bumi ini. Namun tidak menjadi masalah sedikit pun bagi-Nya untuk menguruskan perjalanan kedua-dua alam yang maha luas itu kerana Dia adalah Tuhan Yang Maha Tinggi darjat-Nya lagi Maha Besar pangkat-Nya*.

---

[1] Surah al-Baqarah 2: 255

# BAB 4

## Bukti Sejarah

**Selain bukti-bukti ilmiah** yang berbentuk saintifik yang dapat dijelaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w berasaskan beberapa ayat yang diturunkan kepada baginda, terdapat juga bukti-bukti sejarah yang mampu ditonjolkannya.

### Kisah Nabi Noh dan Umatnya

﴿ وَءَايَةٞ لَّهُمۡ أَنَّا حَمَلۡنَا ذُرِّيَّتَهُمۡ فِي ٱلۡفُلۡكِ ٱلۡمَشۡحُونِ ٤١ ﴾ [1]

*Dan di antara bukti kerasulannya ialah (dia mampu menceritakan) bahawa sesungguhnya Kamilah (Allah) yang telah menyelamatkan zuriat mereka yang berada di dalam bahtera yang sarat dengan muatan itu.*

[1] Surah Yasin 36: 39

## Penjelasan:

Ayat di atas menjelaskan tentang sejarah Nabi Noh a.s. Sebelum ayat ini diturunkan, sejarah tersebut telah banyak disulam dengan berbagai-bagai mitos atau dongeng. Dengan pertolongan wahyu yang diturunkan oleh Allah, Nabi Muhammad s.a.w dapat menghuraikan sejarah tersebut dengan jelas dan tepat walaupun baginda seorang yang buta huruf.

Ayat yang diterimanya ini merupakan rangkaian daripada beberapa ayat lain yang mengisahkan hakikat kehidupan dan perjuangan Nabi Noh a.s. Baginda ialah salah seorang daripada 25 orang rasul yang disebut dalam kitab-kitab suci yang diturunkan dari langit termasuk al-Quran. Menurut keterangan kitab-kitab suci itu, Nabi Noh a.s terpaksa mengambil masa yang terlalu lama untuk menunaikan tugas kerasulannya. Baginda telah menyeru kaumnya selama 950 tahun, iaitu jangka masa yang terpanjang dalam sejarah perjuangan para rasul. Sepanjang sejarahnya, baginda telah menggunakan pelbagai kaedah dan cara untuk menarik perhatian umatnya supaya beriman kepada Allah, namun hasil yang dicapainya tidak sepadan dengan usaha gigih yang dilakukannya itu. Umat baginda bukan sahaja tidak menerima seruannya, sebaliknya mereka mengejek, menghina dan memperlekehkannya dengan kata-kata nista dan maki hamun yang sangat memedihkan hati. Ayat berikut menceritakan tentang peristiwa pahit yang dialami oleh Nabi Noh a.s.

﴿ قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾ فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَآءِيٓ إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾ وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوٓا۟ أَصَٰبِعَهُمْ فِيٓ ءَاذَانِهِمْ وَٱسْتَغْشَوْا۟ ثِيَابَهُمْ وَأَصَرُّوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟ ٱسْتِكْبَارًا ﴿٧﴾ ﴾[1]

[1] Surah Noh 71: 5-7

*Noh merayu kepada Allah, katanya, "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah berdakwah kepada kaumku malam dan siang. Namun mereka tetap menolak dan menjauhkan diri. Sesungguhnya pada setiap kali aku berdakwah kepada mereka, (dan berdoa) agar Engkau mengampunkan dosa mereka, tetapi mereka tetap memekakkan telinga dan menyelubungi muka dengan baju mereka semata-mata untuk menunjukkan kedegilan dengan bongkak dan sombongnya*.

Setelah sekian lama bersabar, akhirnya Nabi Noh a.s pun berdoa kepada Allah agar kaumnya yang ingkar itu dimusnahkan sahaja.

﴿ وَقَالَ نُوحٌ رَّبِّ لَا تَذَرْ عَلَى ٱلْأَرْضِ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾ إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا۟ عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوٓا۟ إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا ﴿٢٧﴾ ﴾ [1]

*Noh berdoa, katanya, "Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun lagi daripada orang-orang kafir itu hidup di negeri ini kerana sesungguhnya jika Engkau membiarkan mereka hidup, nescaya mereka akan menyesatkan hamba-Mu yang lain. Selain itu, mereka juga tidak akan melahirkan zuriat kecuali yang menderhaka dan kufur."*

Allah telah memakbulkan doa baginda lalu berfirman:

﴿ وَٱصْنَعِ ٱلْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَٰطِبْنِى فِى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ ۚ إِنَّهُم مُّغْرَقُونَ ﴿٣٧﴾ ﴾ [2]

*Oleh itu binalah sebuah bahtera menurut spesifikasi Kami dan tak usahlah lagi engkau mengadu tentang perihal orang-orang zalim itu kerana mereka akan ditenggelamkan*.

---

[1] Surah Noh 71: 26-27

[2] Surah Hud 11: 37

Nabi Noh a.a segera menjalankan perintah Allah itu lalu membina sebuah bahtera.

﴿ وَيَصۡنَعُ ٱلۡفُلۡكَ ﴾ [1]

*Lalu Noh pun membinalah akan bahtera itu.*

Kerja membina sesebuah kapal, apa lagi kapal yang besar atau bahtera, bukannya mudah kerana ia memerlukan kepakaran dan penelitian yang rapi. Sesebuah kapal memerlukan udara yang ketumpatan puratanya kurang daripada ketumpatan air. Ini bagi membolehkannya membuang isi padu air yang sama dengan beratnya supaya ia dapat terapung dan berfungsi dengan baik ketika pelayaran. Selain itu kapal juga mestilah mempunyai petunjuk untuk menentukan setakat manakah kapal itu boleh terapung apabila muatannya penuh. Untuk mengumpul bahan, mengukur, mengatur jadual kerja, menentukan lokasi dan sebagainya, semuanya memerlukan pengetahuan, pengalaman dan sistem atau disiplin kerja yang rapi. Segala-galanya ini dimiliki oleh Nabi Noh a.s. Hal itu menunjukkan bahawa sesungguhnya baginda bukan sahaja seorang rasul dan pendakwah yang cekal, tetapi juga seorang jurutera yang handal. Adalah dipercayai bahawa bagindalah manusia pertama yang membina bahtera. Apa yang peliknya ialah bahtera yang dibinanya itu terletak di daratan yang jauh dari dermaga. Melihat itu, ramai pula orang termasuk anak isterinya sendiri yang mempertikaikan kewarasannya.

﴿ وَكُلَّمَا مَرَّ عَلَيۡهِ مَلَأٞ مِّن قَوۡمِهِۦ سَخِرُواْ مِنۡهُۚ قَالَ إِن تَسۡخَرُواْ مِنَّا فَإِنَّا نَسۡخَرُ مِنكُمۡ كَمَا تَسۡخَرُونَ ٣٨ فَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَ مَن يَأۡتِيهِ عَذَابٞ يُخۡزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيۡهِ عَذَابٞ مُّقِيمٌ ٣٩ ﴾ [2]

---

[1] Surah Hud 11: 38

[2] Surah Hud 11: 38-39

*Justeru, setiap kali para pembesar negara lalu di tempat pembinaan tersebut, mereka mengejek-ejeknya. (Melihat itu) Noh Cuma berkata, "Kalau sekarang kalian boleh mengejek kami, apabila tiba masanya nanti kami pula yang akan mengejek kalian sepertimana kalian mengejek kami sekarang. Lambat-laun kalian akan mengetahui betapa malangnya nasib kalian kerana kalian akan ditimpa bencana yang mengerikan dan selepas itu pula kalian akan menghadapi siksa yang berkekalan daripada Allah."*

Selepas kerja pembinaan selesai dijalankan, Allah memerintahkan baginda supaya sentiasa memerhati suatu isyarat yang akan ditunjukkan-Nya apabila sampai waktunya kelak.

﴿ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَمۡرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ قُلۡنَا ٱحۡمِلۡ فِيهَا مِن كُلٍّ زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِ وَأَهۡلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيۡهِ ٱلۡقَوۡلُ وَمَنۡ ءَامَنَۚ وَمَآ ءَامَنَ مَعَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلٞ ﴿٤٠﴾ ﴾ [1]

*(Tunggulah ) sehingga datang isyarat Kami yang merupakan suatu pancutan air yang membuak-buak dari perut bumi. Apabila datang isyarat tersebut, maka pada ketika itu bermakna bahawa kami telah menyuruh engkau memuatkan ke dalam bahtera akan setiap benda secara berpasang-pasangan kerana semua yang lain akan binasa, kecuali benda-benda yang berpasangan itu sahaja yang akan terselamat. Mereka akan terselamat bersama orang-orang yang beriman. Tiada siapa yang beriman dengan Noh kecuali sebilangan kecil sahaja.*

Setiap perintah Allah dipatuhi oleh nabi Noh a.s. Baginda memuatkan berbagai-bagai jenis haiwan berpasang-pasangan ke dalam bahteranya. Kemudian baginda meyuruh semua pengikutnya yang setia itu menaiki bahtera tersebut.

---

[1] Surah Hud 11: 40

﴿۞ وَقَالَ ٱرۡكَبُواْ﴾ [1]

*Kata Noh kepada para pengikutnya yang setia itu, "Naiklah segera ke atas bahtera!"*

Tanpa berlengah lalu mereka pun naik ke dalam bahtera. Selepas itu hujan turun mencurah-curah tanpa berhenti dan air pula membuak-buak dari segenap penjuru bumi. Ketika itu tiada apa yang kelihatan kecuali air dan sebuah bahtera yang sarat dengan muatan.

﴿بِسۡمِ ٱللَّهِ مَجۡرٜىٰهَا وَمُرۡسَىٰهَآۚ إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٞ رَّحِيمٞ ٤١﴾ [2]

*"Dengan nama Allah bahtera ini bergerak dan berhenti. Sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.*

Demikian ucap Nabi Noh a.s ketika hendak memulakan pelayarannya. Tidak lama kemudian ribut dan taufan melanda dari segenap penjuru mata angin sehingga menjadikan bahtera yang dilayarinya itu amat sukar dikawal.

﴿وَهِيَ تَجۡرِي بِهِمۡ فِي مَوۡجٖ كَٱلۡجِبَالِ وَنَادَىٰ نُوحٌ ٱبۡنَهُۥ وَكَانَ فِي مَعۡزِلٖ يَٰبُنَيَّ ٱرۡكَب مَّعَنَا وَلَا تَكُن مَّعَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٤٢ قَالَ سَـَٔاوِيٓ إِلَىٰ جَبَلٖ يَعۡصِمُنِي مِنَ ٱلۡمَآءِۚ قَالَ لَا عَاصِمَ ٱلۡيَوۡمَ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِ إِلَّا مَن رَّحِمَۚ وَحَالَ بَيۡنَهُمَا ٱلۡمَوۡجُ فَكَانَ مِنَ ٱلۡمُغۡرَقِينَ ٤٣﴾ [3]

---

[1] Surah Hud 11: 41
[2] Surah Hud 11: 41
[3] Surah Hud 11: 42-43

*Bahtera itu bergerak merempuh badai yang tinggi menggunung. Ketika Noh sedang mengemudikan bahtera itu, dia tiba-tiba terlihat anaknya hampir tenggelam, lalu dia pun berkata kepada anaknya itu, "Wahai anakku! Marilah naik ke atas bahtera ini bersama-sama kami dan janganlah engkau mengikut orang-orang yang kafir itu." Anaknya menjawab, "Aku tidak mahu. Aku akan naik ke atas bukit. Di sana aku akan terselamat daripada ditenggelami air." Noh berkata lagi, "Pada hari ini tiada siapa yang akan terselamat daripada bencana yang ditentukan Allah ini kecuali mereka yang dilindungi-Nya sahaja." Selepas itu perhubungan antara mereka berdua terputus kerana dihalang oleh ombak. Lalu anaknya pun tenggelam bersama-sama orang-orang kafir itu.*

Sebenarnya bahtera itu sendiri pun boleh tenggelam dan lenyap ditelan ombak yang besar itu seperti yang lainnya juga jika ia tidak diselamatkan oleh Allah. Bayangkan apa yang akan berlaku sekiranya bahtera itu karam. Sudah tentu makhluk di muka bumi ini akan pupus semuanya. Melalui ayat ini Allah memberitahu Nabi Muhammad s.a.w bahawa Dialah yang menyelamatkan mereka yang berada di dalam bahtera tersebut dan sekaligus dialah juga yang menyelamatkan zuriat manusia dan semua makhluk lain daripada kepupusan. Menurut ayat ke-41 surah Yasin, kelahiran makhluk yang ada pada masa ini mahupun yang akan datang, pada hakikatnya adalah berasal daripada mereka yang diselamatkan Allah di dalam bahtera tersebut.

﴿ وَءَايَةٌ لَّهُمْ أَنَّا حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ فِى ٱلْفُلْكِ ٱلْمَشْحُونِ ﴿٤١﴾ ﴾ [1]

*Sesungguhnya Kamilah yang menyelamatkan zuriat mereka yang berada di dalam bahtera yang sarat dengan muatan.*

Jika kita membaca ayat ke-41 ini dengan menggunakan kemahiran berfikir yang ada pada diri kita, kita tentu dapat

[1] Surah Yasin 36: 41

mengetahui bahawa antara mesej yang hendak disampaikan oleh Allah ialah:

1. Sejarah yang dipaparkan oleh Allah dalam al-Quran merupakan salah satu sumber yang boleh dijadikan bukti tentang kebenaran Islam itu sendiri. Oleh itu kita mestilah membezakan konsep sejarah Islam dengan sejarah biasa kerana sejarah Islam mempunyai landasan yang kukuh dalam memperkatakan watak sejarahnya. Ini kerana tujuan ia dipaparkan bukan semata-mata untuk mendokumentasikan sesuatu peristiwa atau sesuatu kejadian, tetapi sebaliknya adalah untuk membina peribadi manusia itu sendiri melalui sejarahnya.

2. Ayat ini merupakan salah satu kenyataan sejarah yang menunjukkan bahawa Nabi Noh a.s seorang nabi dan rasul yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai bidang termasuk bidang kejuruteraan dan pelayaran di samping bidang agamanya yang amat tinggi. Tujuan peristiwa itu dipaparkan semula sebagai bukti sejarah dalam kitab suci yang terakhir ini adalah supaya kita sedar bahawa para pendakwah tidak boleh berasa selesa dan memadai dengan ilmu setakat yang ada sahaja. Sebaliknya mereka perlu menguasai pelbagai bidang ilmu yang lain. Oleh itu mereka mestilah tidak berhenti menuntut ilmu.

3. Cabaran terhadap dakwah adalah sangat berat dan mereka yang melibatkan diri dalam gerakan dakwah tidak dapat tidak mesti bersabar ketika menerima ujian getir daripada Allah. Sekiranya mereka sanggup menghadapi ujian-ujian getir itu nescaya perjuangan mereka akan berjaya dan umat akan selamat.

﴿ وَخَلَقۡنَا لَهُم مِّن مِّثۡلِهِۦ مَا يَرۡكَبُونَ ﴿٤٢﴾ ﴾ [1]

*Dan Kami jadikan pula untuk mereka (daripada baka haiwan yang telah dibawa bersama itu) haiwan-haiwan yang dapat mereka tunggangi.*

**Penjelasan :**

Allah menjadikan berbagai-bagai jenis haiwan untuk kepentingan manusia.

﴿ وَٱلۡأَنۡعَٰمَ خَلَقَهَاۗ لَكُمۡ فِيهَا دِفۡءٞ وَمَنَٰفِعُ وَمِنۡهَا تَأۡكُلُونَ ﴾ [2]

*Dan Kami menjadikan berbagai-bagai jenis haiwan untuk kepentingan kamu. Padanya terdapat bulu yang boleh memanaskan badan dan berbagai manfaat yang lain dan sesetengahnya pula boleh dimakan dagingnya.*

Sebelum Allah menenggelamkan dunia pada zaman Nabi Noh a.s bagi menghancurkan umatnya yang derhaka itu, Dia telah memerintahkan Nabi Noh memuatkan haiwan ke dalam bahteranya atas tujuan untuk memelihara baka haiwan tersebut.

﴿ قُلۡنَا ٱحۡمِلۡ فِيهَا مِن كُلٍّ زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِ ﴾ [3]

*Dan Kami berkata kepada Noh, "Muatkanlah ke dalam bahtera itu setiap benda secara berpasangan".*

---

[1] Surah Yasin 36: 42

[2] Surah al-Nahl 16: 5

[3] Surah Hud 11: 40

Antara haiwan yang dimuatkan oleh Nabi Noh ke dalam bahteranya ialah haiwan ternakan. Terdapat juga pelbagai spesies haiwan yang boleh digunakan oleh manusia sebagai tunggangan. Haiwan yang dimuatkan oleh Nabi Noh ke dalam bahteranya itu dapat membiak semula dengan cepatnya selepas bahteranya mendarat.

﴿ وَإِن نَّشَأْ نُغْرِقْهُمْ فَلَا صَرِيخَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يُنقَذُونَ ﴿٤٣﴾ إِلَّا رَحْمَةً مِّنَّا وَمَتَاعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٤٤﴾ ﴾[1]

*Dan jika Kami hendak menenggelamkan mereka nescaya tiada siapa pun yang dapat memberikan pertolongan kepada mereka. (Jika itu berlaku) maka sudah pasti tiada siapa daripada mereka yang dapat diselamatkan (43). Hanya kerana rahmat yang Kami berikan sahajalah mereka (orang yang berada di dalam bahtera Nabi Noh) terselamat (lalu zuriat mereka) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna hingga ke suatu ketika (44).*

## Penjelasan :

Dengan rahmat Allah, akhirnya bahtera Nabi Noh yang telah mengharungi pelayaran sukar kerana merempuh ombak dan gelombang yang tinggi menggunung itu dapat berlabuh dengan selamat dan dengan rahmat Allah jugalah semua yang ada di dalamnya dapat meneruskan kehidupan mereka dengan sempurna dan seterusnya dapat pula beribadat kepada Allah tanpa sebarang gangguan daripada orang-orang kafir kerana mereka kesemuanya telah binasa.

Sebenarnya ayat ini bukan hanya ditujukan khusus kepada mangsa tragedi taufan Nabi Noh semata-mata. Tetapi ia ditujukan juga kepada seluruh umat manusia sepanjang zaman. Oleh itu kita harus ingat bahawa nasib seseorang dalam pelayaran sama ada di laut atau di udara bukan tertakluk kepada kecanggihan kenderaan atau pesawat yang dinaiki, sebaliknya tertakluk kepada ketentuan Allah s.w.t.

---

[1] Surah Yasin 36: 43-44

# BAB 5

## Hari Kiamat dan Kebangkitan Semula Manusia

﴿ وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّقُواْ مَا بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَمَا خَلْفَكُمْ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٤٥﴾ وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ مِّنْ ءَايَٰتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُواْ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤٦﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنفِقُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنُطْعِمُ مَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطْعَمَهُۥٓ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٤٧﴾ ﴾ [1]

*Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Berwaspadalah terhadap apa yang telah berlaku kepada umat yang terdahulu itu, juga berwaspadalah agar apa yang akan menimpa orang (yang tidak beriman di akhirat kelak) tidak akan menimpa mereka semoga mereka di rahmati Allah." (45), (malangnya) apa jua arahan dan suruhan yang diberikan oleh rasul, semuanya ditolak dan ditentang oleh mereka (46), dan juga apabila mereka disuruh mengeluarkan zakat daripada harta yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka, mereka berkata pula kepada rasul-rasul itu, "Adakah perlu kami menyara hidup orang yang mampu disara oleh Allah sendiri? Inilah bukti yang menunjukkan bahawa kamu adalah orang yang membawa ajaran sesat" (47).*

---

[1] Surah Yasin 36: 45-47

## Penjelasan:

Dalam ayat di atas, Allah memberitahu Nabi Muhammad s.a.w tentang sikap orang- orang kafir pada zaman dahulu. Mereka sentiasa dinasihati oleh rasul supaya mengambil iktibar daripada peristiwa yang telah menimpa umat yang terdahulu daripada mereka. Semua golongan yang menentang seruan para rasul akhirnya hancur binasa. Oleh itu mereka mestilah berwaspada terhadap apa juga tindakan mereka supaya mereka tidak menerima nasib yang sama dengan umat yang terdahulu itu. Mereka juga perlu berwaspada bagi mengelakkan diri daripada bala bencana yang akan menimpa mereka di akhirat kelak sekiranya mereka tidak mahu beriman.

Dalam usaha menyampaikan suruhan Tuhan, semua para rasul, termasuk Rasulullah s.a.w sendiri telah menunjukkan berbagai-bagai bukti yang diminta oleh orang-orang yang menolak suruhan mereka. Antara yang dijelaskan oleh Rasulullah kepada orang Quraisy ialah kisah taufan yang menimpa umat Nabi Noh a.s, angin puting beliung yang menimpa kaum A'ad, peristiwa bumi terbalik yang menimpa kaum Lut, peristiwa tenggelamnya Raja Firaun pada zaman Nabi Musa dan berbagai-bagai peristiwa ngeri lain yang dapat dilihat oleh mereka melalui kesan-kesan sejarah yang wujud di sepanjang jalan di antara Mekah dan Syam dan di antara Mekah dan Yaman. Semua kesan sejarah itu dapat dilihat dengan jelas ketika mereka melalui jalan-jalan menuju ke kedua-dua bandar tersebut.

﴿ قُلۡ سِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ ثُمَّ ٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ﴾ [1]

*Katakanlah kepada mereka, "Berjalanlah kemana jua tempat di atas muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana buruknya akibat yang telah menimpa orang-orang yang mendustakan seruan para rasul Tuhan itu!"*

---

[1] Surah al-An'am 6: 11

Namun semua bukti yang ditunjukkan oleh para rasul itu diperlekehkan sahaja oleh mereka. Justeru mereka menolak semua seruan serta nasihat yang diberikan dan mereka juga tidak mempercayai akan wujudnya hari kiamat. Akibatnya mereka tidak berasa takut segala ancamannya. Lantaran itu mereka menolak sama sekali seruan membayar zakat, malah memperlekehkannya dengan mengatakan:

﴿ أَنُطۡعِمُ مَن لَّوۡ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطۡعَمَهُۥٓ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ﴾ [1]

*"Adakah perlu kami menyara hidup orang yang mampu disara oleh Allah sendiri? Inilah butki yang menunjukkan bahawa kamu adalah orang yang membawa ajaran sesat."*

Sebab itulah mereka berani mencabar para rasul dan mendesak mereka supaya memperlihatkan akibat yang akan menimpa orang yang ingkar itu dengan segera.

## Peringatan Allah Tentang Hari Kiamat

Semua cabaran yang dihadapi oleh para rasul, terutama sekali perkara yang berkaitan dengan hari akhirat, amat sukar di atasi kerana ia merupakan perkara ghaib. Bagi membantu Nabi Muhammad s.a.w menyahut cabaran orang Quraisy yang bertanya kepada baginda,

﴿ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾ ﴾ [2]

*"Bilakah hari kiamat itu akan tiba? Sekiranya kamu benar-benar sebagai rasul nyatakanlah kepada kami." (48)*

Allah menurunkan ayat :

---

[1] Surah Yasin 36: 48

[2] Surah Yasin 36: 47

﴿ مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَآ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾ ﴾ [1]

*"Mereka tidak perlu menunggu lebih lama. Cuma dengan satu semboyan sahaja mereka boleh lenyap. Walaupun ketika itu mereka sedang leka berurusan mengenai dunia mereka (49). Andai kata pada waktu itu mereka sedang berada di luar rumah nescaya mereka tidak akan sempat kembali untuk berpesan kepada keluarga masing-masing." (50).*

## Penjelasan:

Percaya kepada hari kiamat ialah satu daripada rukun iman. Melalui ayat-ayat ini Allah memberitahu Nabi Muhammad s.a.w bahawa rasul-rasul yang terdahulu telah menghadapi banyak masalah untuk menarik umat mereka supaya mempercayai adanya hari kiamat kerana segala penjelasan yang diberi oleh mereka mengenai perkara tersebut semuanya berasaskan kepercayaan kepada yang ghaib. Justeru itu ramai yang menolaknya. Sebagai contoh, apabila para rasul membacakan ayat-ayat yang berkaitan dengan perkara tersebut, orang-orang kafir meminta mereka menyatakan pula tarikh berlakunya hari tersebut. Mereka mengatakan bahawa mereka perlu tahu tarikh berlakunya hari kiamat supaya mereka dapat melihat sendiri sejauh manakah kegawatan pada hari tersebut atau sekurang-kurangnya mereka dapat membuat persediaan lebih awal untuk menghadapinya. Sebagai jawapan kepada soalan mereka, Allah menyatakan bahawa kiamat boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja jika dikehendaki-Nya. Dalam ayat ini Allah menegaskan bahawa kiamat akan berlaku apabila semboyan kiamat dibunyikan atau apabila sangkakala ditiupkan. Sesiapa pun tidak dapat mengetahui hakikat semboyan atau sangkakala yang dinyatakan itu kecuali Allah s.w.t sahaja. Manusia harus

[1] Surah Yasin 36: 47

ingat bahawa kiamat akan berlaku tanpa sebarang amaran. Apabila hari kiamat berlaku, sesiapa pun tidak akan sempat untuk bersedia kerana mereka akan binasa dalam sekelip mata sahaja bersama-sama semua makhluk lain yang berada di dalam alam ini. Yang akan kekal ketika itu hanya Allah s.w.t.

Rahsia:

Allah sengaja tidak memberitahu tarikh berlakunya hari kiamat kepada sesiapa juga kerana ia adalah suatu sunnah-Nya yang tidak mungkin difahami oleh manusia, khususnya tentang konsep masa. Masa mengikut tafsiran Allah berbeza dengan masa mengikut tafsiran manusia. Jika Allah menyatakan tarikhnya mengikut tafsiran-Nya, sementara manusia cuba menentukannya menurut tafsiran mereka, sudah pasti masa tersebut menjadi tidak tepat. Sehari menurut tafsiran Allah adalah sama dengan seribu tahun menurut tafsiran manusia.

﴿ وَإِنَّ يَوْمًا عِندَ رَبِّكَ كَأَلْفِ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ٤٧ ﴾ [1]

*Dan sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu adalah sama dengan seribu tahun menurut bilangan hari disisi kamu.*

Setahun menurut hitungan hari di planet Bumi ialah 365 hari dan setahun di planet Musytari ialah 11 tahun di Bumi, sementara setahun di planet Zuhal pula ialah 29 ½ tahun di Bumi. Oleh itu manusia tidak perlu berusaha untuk mengetahui perkara ini. Memadailah dengan mempercayai segala keterangan yang diberi oleh Allah secara umum sahaja bahawa hari kiamat tetap akan berlaku.

 [2]

[1] Surah al-Haj 22: 47

[2] Surah Taha 20: 15

*Sesungguhnya hari kiamat itu pasti akan tiba. Aku sengaja menyembunyikan masanya (daripada pengetahuan semua makhluk ) supaya Aku dapat memberi balasan yang adil kepada setiap orang menurut apa jua amalan yang dilakukannya*.

Menurut ayat ini, seseorang itu tidak dianggap beriman sekiranya dia tidak mempercayai wujudnya hari kiamat. Masalah besar yang dihadapi oleh semua rasul yang telah dibangkitkan oleh Allah adalah ramai manusia yang tidak mahu mempercayai keterangan mereka berhubung dengan perkara ini. Mereka menerimanya secara sinis dengan pertanyaan seperti, "Bilakah hari yang dijanjikan itu akan tiba?" Malah mereka meminta supaya hari kiamat itu disegerakan. Semua itu menunjukkan sikap tidak mempercayai hari kiamat yang terbit dari hati orang kafir yang bongkak dan sombong.

Bagi kepentingan orang yang beriman, Allah menurunkan beberapa ayat lain berhubung dengan berita gegaran hari kiamat yang maha dahsyat itu dengan tujuan supaya mereka sentiasa berwaspada dan membuat persediaan secukupnya sebelum menghadapi hari tersebut. Firman-Nya:

﴿ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمْ ۚ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَىْءٌ عَظِيمٌ ﴿١﴾ يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى ٱلنَّاسَ سُكَـٰرَىٰ وَمَا هُم بِسُكَـٰرَىٰ وَلَـٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾ ﴾ [1]

*" Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu kerana sesungguhnya gegaran hari kiamat itu amatlah dahsyat sekali (1). Pada hari tersebut ibu akan mencampakkan anak yang sedang disusuinya. Ibu yang mengandung pula akan*

[1] Surah al-Haj 22: 1-2

*keguguran. Semua manusia menjadi tidak keruan lagi. Mereka bukannya mabuk tetapi kerana tidak tahan menghadapi azab Allah yang maha dahsyat itu (2).*

﴿ فَإِذَا بَرِقَ ٱلۡبَصَرُ ٧ وَخَسَفَ ٱلۡقَمَرُ ٨ وَجُمِعَ ٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُ ٩ يَقُولُ ٱلۡإِنسَٰنُ يَوۡمَئِذٍ أَيۡنَ ٱلۡمَفَرُّ ١٠ ﴾ [1]

*Apabila mata terbeliak (akibat terlalu terkejut melihat gegaran yang maha dahsyat itu) (7), dan apabila bulan menjadi gelap gelita (8), malah bulan dan matahari semuanya hancur (9), berkatalah manusia pada hari itu, "Di manakah tempat kami hendak menyelamatkan diri?" (10).*

﴿ يَوۡمَ يَكُونُ ٱلنَّاسُ كَٱلۡفَرَاشِ ٱلۡمَبۡثُوثِ ٤ ﴾ [2]

*Pada hari tersebut manusia kelihatan persis seperti kupu-kupu menghurungi cahaya lampu.*

Menurut keterangan semua ayat yang diturunkan melalui kitab-kitab suci, kiamat menyebabkan semua mahluk menjadi hancur binasa tanpa bersisa. Yang tetap ada hanyalah Tuhan, iaitu Allah s.w.t  sahaja. Dialah yang akan menentukan segala-galanya selepas berlakunya hari tersebut. Mengikut ketentuan-Nya, malaikat, manusia dan jin akan dibangkitkan semula. Manusia dan jin dibangkitkan untuk menjalani suatu perbicaraan di Mahsyar sebelum mereka ditentukan tempat tinggal masing-masing sama ada disyurga atau di neraka.

---

[1] Surah al-Qiamah 75: 7-10

[2] Surah al-Qari'ah 101: 4

﴿ وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَإِذَا هُم مِّنَ ٱلۡأَجۡدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمۡ يَنسِلُونَ ٥١ قَالُواْ يَٰوَيۡلَنَا مَنۢ بَعَثَنَا مِن مَّرۡقَدِنَاۜۗ هَٰذَا مَا وَعَدَ ٱلرَّحۡمَٰنُ وَصَدَقَ ٱلۡمُرۡسَلُونَ ٥٢ ﴾[1]

*Dan apabila sangkakala ditiupkan semula, manusia akan dibangkitkan dari kubur mereka untuk menghadap Tuhan (51). Mereka akan mengeluh lalu bersungut, katanya, "Malangnya kami! Siapakah yang membangkitkan semula kami dari tempat persemadian kami ini. Barangkali inilah apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan Yang Maha Pemurah itu. Kini sedarlah kami bahawa rupa-rupanya apa yang telah dikatakan oleh para rasul pada masa dahulu itu semuanya adalah benar belaka." (52)*

**Penjelasan:**

Tiupan sangkakala yang kedua menyebabkan semua malaikat, manusia dan jin dihidupkan semula. Manusia dibangkitkan dari kubur masing-masing. Keadaan manusia ketika dibangkitkan dari kuburnya bergantung kepada kedudukan amalannya di dunia. Sekiranya seseorang itu beriman dan beramal soleh nescaya dia akan berada dalam keadaan sempurna dan baik, aman dan tenteram hidupnya tanpa sebarang masalah yang dihadapi.

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَٱلَّذِينَ هَادُواْ وَٱلصَّٰبِـُٔونَ وَٱلنَّصَٰرَىٰ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ٦٩ ﴾[2]

---

[1] Surah Yasin 36: 51-52

[2] Surah al-Maidah 5: 69

*Sesungguhnya orang yang beriman dan orang-orang yahudi, orang-orang Sabein juga orang-orang Nasrani yang beriman kepada Allah dan kepada hari kiamat serta melakukan amalan soleh (seperti yang disarankan oleh al-Quran) maka mereka tidaklah perlu takut dan tidak perlu bimbang.*

Sebaliknya jika seseorang itu kufur dan tidak beramal soleh menurut yang disarankan oleh al-Quran, dia pasti akan menghadapi berbagai masalah yang sangat berat dan akan terus menderita selama-lamanya.

﴿ وَيَقُولُ ٱلْكَافِرُ يَـٰلَيْتَنِى كُنتُ تُرَٰبًۢا ﴿٤٠﴾ ﴾ [1]

*Dan (oleh sebab itulah) orang kafir akan sentiasa mengeluh, lalu berkata, "Alangkah baiknya jika aku menjadi tanah sahaja."*

Tidaklah diketahui berapa lama manusia harus berada di tempat mereka dibangkitkan semula sementara menunggu perintah Allah untuk ke Mahsyar, dan tidaklah dapat dinyatakan bentuk penderitaan yang akan ditanggung oleh seseorang itu semasa dia berada di tempat itu sekiranya dia tidak mempunyai catatan amalan yang baik semasa di dunia. Bagi menghindari segala penderitaan semasa hari kebangkitan nanti, Allah telah mengingatkan kita supaya sentiasa berwaspada dengan menyediakan bekalan yang mencukupi untuk menghadapi hari berkenaan. Firman-Nya:

﴿ وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿١٩٧﴾ ﴾ [2]

*"Oleh itu sediakanlah bekalan (secukupnya). Sesungguhnya bekalan yang paling baik (untuk perjalanan ke akhirat) ialah taqwa. Maka hendaklah kamu bertaqwa kepada-Ku wahai sekalian hamba-Ku yang berakal!"*

---

[1] Surah al-Naba' 78: 40

[2] Surah al-Baqarah 2: 197

Antara amalan yang boleh mempertingkatkan taqwa kepada Allah yang dapat menjadi bekalan kita pada hari kebangkitan kelak ialah solat **tahajjud**, iaitu solat yang dilakukan pada tengah malam sebelum menjelang waktu subuh. Solat ini adalah sebahagian daripada sunat nawafil yang dikategorikan sebagai sunat muakad; iaitu amalan yang sangat-sangat disukai oleh Allah dan kita dituntut melakukan. Allah berjanji akan memberikan nilai yang sangat tinggi dan ganjaran yang sangat besar kepada orang yang melakukan solat ini. Selain itu Allah juga berjanji akan melindungi mereka daripada bala bencana pada hari kebangkitan kelak. Akuan tersebut terkandung dalam firman-Nya:

﴿ وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَتَهَجَّدۡ بِهِۦ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰٓ أَن يَبۡعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحۡمُودًا ﴿٧٩﴾ وَقُل رَّبِّ أَدۡخِلۡنِي مُدۡخَلَ صِدۡقٍ وَأَخۡرِجۡنِي مُخۡرَجَ صِدۡقٍ وَٱجۡعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلۡطَٰنًا نَّصِيرًا ﴿٨٠﴾ ﴾[1]

*Dan oleh yang demikian pada ketika tengah malam (hendaklah kamu bangun untuk) bertahajud bagi menyempurnakan amalan nafilah (tambahan) kamu, semoga kelak kamu dibangkitkan dalam keadaan terpuji. Selepas itu hendaklah kamu berdoa kepada-Ku dengan berkata, "Wahai Tuhanku! Masukkanlah aku ke dalam kubur sebagai orang yang beriman dan bangkitkanlah aku daripada kubur sebagai orang yang beriman dan berikanlah kepadaku kekuatan daripada sisi-Mu supaya (aku dapat menghadapi segala kesulitan pada hari kebangkitan kelak)."*

Dalam doanya selepas solat tahajud, Rasulullah s.a.w menambah dengan rayuan yang penuh syahdu seperti yang berikut:

1 Surah al-Isra' 17: 79-80

اَللّٰهُمَّ لَكَ الحَمْدُ أَنْتَ قَيِّمُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ وَلَكَ الحَمْدُ أَنْتَ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الحَمْدُ أَنْتَ نُوْرُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الحَمْدُ أَنْتَ الحَقُّ، وَوَعْدُكَ حَقٌّ، وَلِقَاءُكَ حَقٌّ، وَقَوْلُكَ حَقٌّ، وَالجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ حَقٌّ، وَالنَّبِيُّوْنَ حَقٌّ، وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ، وَالسَّاعَةُ حَقٌّ، اَللّٰهُمَ لَكَ أَسْلَمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ، وَإِلَيْكَ أَنَبْتُ، وَبِكَ خَاصَمْتُ، وَإِلَيكَ حَاكَمْتُ، فَاغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّيْ، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

*"Ya Allah ya Tuhanku! Puji-pujian hanyalah layak untuk-Mu sahaja kerana Engkaulah yang menciptakan langit dan bumi ini serta sekalian makhluk yang berada di dalam kedua-duanya. Ya Allah ya Tuhanku! Puji-pujian hanyalah layak untuk-Mu sahaja kerana Engkaulah yang menerangi langit dan bumi ini serta sekalian makhluk yang berada di dalam kedua-duanya. Engkaulah Tuhan yang Maha Terpuji. Engkaulah Tuhan yang Yang Maha Benar. Janji-Mu adalah benar. Pertemuan dengan-Mu adalah benar. Firman-Mu adalah benar. Syurga dan neraka adalah benar. Nabi-nabi yang Engkau utuskan adalah benar dan Muhammad s.a.w juga adalah benar. Ya Allah ya Tuhanku! Kepada-Mu aku berserah dan beriman. Kepada-Mu juga aku bertawakal dan dengan pertolongan-Mu jua aku bergelut menentang hawa nafsu. Maka ampunkanlah segala dosaku sama ada yang terdahulu mahupun yang terkini. Sama ada yang nyata mahupun yang tersembunyi dan ampunkanlah juga akan apa sahaja kesalahanku yang Engkau ketahui. Engkaulah*

*Tuhan yang terawal dan terakhir. Tiada Tuhan kecuali Engkau. Engkaulah Tuhan Yang Maha Suci dan sesungguhnya aku adalah orang yang selalu menzalimi diri sendiri"*

﴿ إِن كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٥٣﴾ فَالْيَوْمَ لَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴾ [1]

*Setelah ditiup satu lagi tiupan sangkakala maka mereka semua akan hadir ke sisi Kami (Allah) (53). Pada hari itu tidak ada sesiapa pun di antara kamu yang dizalimi kerana balasan tidak diberi kecuali mengikut apa yang kamu usahakan (54).*

**Penjelasan:**

Menurut ayat ke-53 di atas, setelah manusia di bangkitkan dari kubur, mereka akan terus berada di tempat mereka dibangkitkan sehingga tiupan sangkakala kali kedua. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, bahawa tiada siapa yang mengetahui berapa lama seseorang itu harus berada di tempat tersebut dan bagaimana keadaan mereka pada waktu itu. Setelah sangkakala yang ketiga dibunyikan, barulah manusia diarah untuk bergerak menuju ke Mahsyar; suatu tempat yang tidak diketahui berapa jauhnya dari tempat mereka dibangkitkan itu. Tiada siapa yang mengetahui berapa lama mereka harus berjalan dan bagaimana pula keadaan mereka semasa dalam perjalanan itu. Setelah sampai, mereka harus menunggu beberapa lama lagi bagi menghadiri suatu perbicaraan yang akan diadili sendiri oleh Allah Azzawajalla. Perbicaraan itu suatu perbicaraan yang paling adil dan tiada siapa yang akan dizalimi. Hukuman akan dijatuhkan menurut amalan yang dilakukan oleh seseorang ketika hidupnya di dunia. Orang yang beriman dan melakukan amalan yang soleh sangat beruntung. Allah s.w.t berfirman:

---

[1] Surah Yasin 36: 53-54

﴿ إِنَّ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ ٱلْيَوْمَ فِى شُغُلٍ فَٰكِهُونَ ﴿٥٥﴾ هُمْ وَأَزْوَٰجُهُمْ فِى ظِلَٰلٍ عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ مُتَّكِـُٔونَ ﴿٥٦﴾ لَهُمْ فِيهَا فَٰكِهَةٌ وَلَهُم مَّا يَدَّعُونَ ﴿٥٧﴾ سَلَٰمٌ قَوْلًا مِّن رَّبٍّ رَّحِيمٍ ﴿٥٨﴾ ﴾ [1]

*Sesungguhnya ahli-ahli syurga pada hari itu menanti keputusan perbicaraan mereka sambil menikmati segala kesenangan yang disediakan khusus untuk mereka (55). Mereka bersama pasangan mereka di tempatkan di tempat yang teduh sambil duduk di atas singgahsana yang indah (56). Untuk mereka, disediakan hidangan yang lazat yang terdiri daripada pelbagai jenis buah-buahan malah apa sahaja yang mereka ingini (57). Mereka juga sentiasa dilayan oleh para malaikat yang ditugaskan untuk menyampaikan salam mesra Allah Yang Maha Mengasihani (58).*

*Rasulullah s.a.w bersabda:*

« بَيْنَا أَهْلُ الجَنَّةِ فِي نَعِيْمِهِمْ إِذْ سَطَعَ عَلَيْهِمْ نُوْرٌ فَرَفَعُوْا رُؤُسَهُمْ فَإِذَا الرَّبُّ تَعَالَى قَدْ أَشْرَفَ عَلَيْهِمْ مِنْ فَوْقِهِمْ فَقَالَ: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الجَنَّةِ! فَذَلِكَ قَوْلُهُ تَعَالَى: سَلَامٌ قَوْلًا مِنْ رَبٍّ الرَّحِيْمِ. قَالَ : فَيَنْظُرُ إِلَيْهِمْ وَيَنْظُرُوْنَ إِلَيْهِ حَتَّى يَحْتَجِبَ عَنْهُمْ ، وَيَبْقَى نُوْرُهُ وَبَرَكَتُهُ عَلَيْهِمْ وَفِي دِيَارِهِمْ » [2]

*"Pada ketika ahli syurga sedang menunggu keputusan perbicaraan di hadapan Allah Azza-Wajalla di Mahsyar, sambil*

---

[1] Surah Yasin 36: 55-58

[2] رواه ابن أبي حاتم، وابن ماجه في سننه

*mereka menikmati pelbagai kelazatan yang diberi, tiba-tiba suatu cahaya memancar ke atas mereka lalu mereka pun mengangkat kepala untuk menatapinya lantas mereka bersua dengan zat Tuhan yang Maha Indah itu. Tuhan memberikan ucapan salam kepada mereka dengan firman-Nya, "Selamat sejahtera wahai ahli syurga!" itulah maksud ucapan salam sejahtera dari Tuhan Yang Maha Mengasihani. Semua ahli syurga itu memandang-Nya dan dia (Tuhan) memandang mereka. Mereka menatapi-Nya dengan penuh asyik tanpa mempedulikan lagi segala nikmat yang dirasai mereka sebelumnya. Mereka terus menatapi-Nya dengan asyik sehinggalah mereka dilindung. Dan mereka akan dapat menatapi cahaya Ilahi itu setelah mereka di masukkan ke syurga kelak.* (Ibnu Abi Hatim dan Ibnu Majah)

﴿ وَٱمۡتَٰزُواْ ٱلۡيَوۡمَ أَيُّهَا ٱلۡمُجۡرِمُونَ ۝٥٩ ۞ أَلَمۡ أَعۡهَدۡ إِلَيۡكُمۡ يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ أَن لَّا تَعۡبُدُواْ ٱلشَّيۡطَٰنَۖ إِنَّهُۥ لَكُمۡ عَدُوّٞ مُّبِينٞ ۝٦٠ وَأَنِ ٱعۡبُدُونِيۚ هَٰذَا صِرَٰطٞ مُّسۡتَقِيمٞ ۝٦١ ﴾ [1]

*Dan berpisahlah kamu pada hari ini wahai orang yang bersalah (59). Wahai keturunan Adam! (yang bersalah), bukankah aku telah memperingatkan kamu agar kamu tidak menyembah syaitan kerana sesungguhnya dia adalah musuh ketat kamu (60). Aku juga telah memerintahkan kamu supaya menyembah aku. Inilah agama yang benar (61).*

## Penjelasan:

Menurut ayat di atas, orang-orang kafir akan sentiasa diseksa oleh Allah, baik ketika di dalam kubur mahupun ketika berada di Mahsyar sementara menunggu perbicaraan. Mereka menjerit, meraung dan merintih sambil memohon supaya Allah

[1] Surah Yasin 36: 59-61

mempercepatkan perbicaraan dan menjatuhkan hukuman seperti yang dilakukan terhadap golongan yang beriman. Mendengar itu, Allah memberitahu mereka, "Kedudukan kamu berbeza dengan kedudukan orang yang beriman. Ketika di dunia Aku telah memperingatkan kamu melalui para rasul yang Aku utuskan supaya kamu tidak menyembah syaitan. Aku juga telah menunjukkan banyak bukti tentang kebenaran ajaran agamaKu yang dibawa oleh para rasul, tetapi kamu tetap berdegil tanpa sedikit pun memperdulikan segala peringatan-Ku itu, kamu tidak mahu menurut ajaran agama-Ku yang benar itu, kamu mempermainkan para rasul dan menolak ajaran mereka, sebaliknya kamu telah menerima seruan syaitan."

﴿ وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا ۖ أَفَلَمْ تَكُونُوا۟ تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾ هَٰذِهِۦ جَهَنَّمُ ٱلَّتِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٦٣﴾ ٱصْلَوْهَا ٱلْيَوْمَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٦٤﴾ ٱلْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰٓ أَفْوَٰهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَآ أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾ ﴾ [1]

*Padahal sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan terlalu ramai orang dari kalangan kamu. Maka mengapakah kamu tidak cuba berfikir! (62). Inilah neraka yang dijanjikan untuk kamu dahulu itu (63). Saksikanlah sendiri pada hari ini. Itulah balasan terhadap kekufuran kamu dahulu (64). Pada hari ini Kami membisukan mulut mereka dan membiarkan kaki dan tangan mereka bercakap bagi menerangkan segala apa yang telah mereka lakukan (65).*

**Penjelasan:**

Allah Azzawajalla, Tuhan Yang Maha Adil, Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Dalam perbicaraan di Mahsyar kelak semua orang akan diberi hak untuk membela diri. Rasulullah s.a.w ada

---

[1] Surah Yasin 36: 62-65

menyebut bahawa ketika sedang diadili, ada yang meminta supaya mereka diberi peluang untuk membela diri. Permintaan mereka dikabulkan oleh Allah. Sabda baginda:

قَالَ يَا رَبِّ أَلَمْ تُجِرْنِيْ مِنْ الظُّلْمِ؟ قَالَ: يَقُوْلُ بَلَىْ. فَيَقُوْلُ: فَإِنِّيْ لَا أُجِيْزُ عَلَىْ نَفْسِيْ إِلَّا شَاهِدًا مِنِّيْ. قَالَ: فَيَقُوْلُ: كَفَىْ بِنَفْسِكَ اليَوْمَ عَلَيْكَ شَهِيْدًا وَبِالكِرَامِ الكَاتِبِيْنَ شُهُوْدًا. قَالَ فَيُخْتَمُ عَلَى فِيْهِ فَيُقَال لِأَرْكَانِهِ أَنْطِقِيْ فَتَنْطِقُ بِأَعْمَالِهِ.

*Berkatalah orang-orang itu, "Wahai Tuhanku! Bolehkah Engkau melindungi aku daripada kezaliman?" Allah menjawab, "Sudah pasti." Mendengar jawapan tersebut orang itu lalu berkata lagi, "Aku tidak rela menerima saksi selain diriku sendiri." Allah berkata, "Boleh, engkau boleh menjadi saksi untuk dirimu sendiri disamping malaikat Kiraman Kaatibien." Selepas itu Allah pun membisukan mulut mereka dan memerintahkan seluruh anggota mereka supaya bercakap dengan saksi, lalu semua anggota mereka pun bercakaplah dengan sejelas-jelasnya.* **(Muslim)**

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah s.a.w juga menyebut bahawa ada di kalangan orang kafir dan orang munafik yang cuba membantah segala catatan yang dibuat oleh malaikat Kiraman Kaatibien ketika mereka sedang diadili. Baginda bersabda:

وَيُدْعَىْ الكَافِرُ وَالْمُنَافِقُ لِلْحِسَابِ فَيُعْرَضُ عَلَيْهِ رَبُّهُ عَمَلَهُ فَيَجْحِدُ وَيَقُوْلُ أَى رَبِّ وَعِزَّتُكَ لَقَدْ كَتَبَ عَلَيَّ هَذَا الْمَلَكُ مَا لَمْ أَعْمَلُ فَيَقُوْلُ لَهُ الْمَلَكُ أَمَّا عَمِلْتَ كَذَا فِي يَوْمِ كَذَا فِي مَكَانِ كَذَا؟ فَيَقُوْلُ لَا وَعِزَّتُكَ أَىْ

رَبَّ مَا عَمِلْتُهُ فَإِذَا فَعَلَ ذَلِكَ خَتَمَ اللهُ تَعَالَى عَلَى فِيهِ، قَالَ: أَبُوْ مُوْسَى الأَشْعَرِيْ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: فَإِنِّي أَحْسَبُ أَوَّلَ مَا يَنْطِقُ مِنْهُ الفَخْذُ ثُمَّ تَلَا "اليَوْمَ نَخْتِمَ عَلَى أَفْوَاهِهِمْ".

*"Dan apabila orang kafir dan munafiq dipanggil untuk dibicarakan, Tuhan terlebih dahulu membentangkan segala catatan amalannya yang dicatat oleh malaikat Kiraman Kaatibien dalam buku catatan itu di hadapannya. Apabila dia melihat segala yang tercatat lalu dia pun cuba membantah. Katanya, " Wahai Tuhanku, demi keagungan-Mu, sesungguhnya malaikat mencatat apa yang tidak pernah aku lakukan. Mendengar itu malaikat bertanya kepadanya, "Tidakkah engkau melakukan perbuatan hari itu pada hari sekian di tempat sekian?" Orang itu menjawab, " Demi keagungan-Mu wahai Tuhanku, sesungguhnya aku tidak melakukannya." Apabila dia terus berdegil, Allah membisukan mulutnya lalu menjadikan semua anggotanya boleh bercakap.* **(Ibn Jarir al-Tabari dari Abi Musa al-'Asy'ari r.a)**

Menurut ayat ke-65, anggota badan akan memberitahu segala apa yang dilakukan oleh seseorang itu sama ada yang baik atau yang buruk, yang tersembunyi ataupun yang nyata. Setelah semua keterangan dibentangkan, Allah memerintahkan orang yang cuba mengingkari keterangan yang diberikan oleh anggotanya sendiri itu supaya membaca sendiri catatan amalannya yang telah dibuat oleh Malaikat Kiraman Kaatibien.

﴿ ٱقۡرَأۡ كِتَٰبَكَ كَفَىٰ بِنَفۡسِكَ ٱلۡيَوۡمَ عَلَيۡكَ حَسِيبٗا ﴿١٤﴾ ﴾ [1]

*Bacalah buku catatan amalanmu ini. Ia sudah memadai untuk engkau sendiri menentukan bentuk hukuman yang patut dijatuhi ke atas dirimu.*

[1] Surah al-Isra' 17: 14

# BAB 6

## Tiada Laluan Mudah Dalam Perjuangan

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, tujuan Allah s.w.t menurunkan surah Yasin adalah untuk memperkuatkan semangat Nabi Muhammad s.a.w di samping memperjelaskan hakikat ajaran agama Islam dan hakikat kerasulan Nabi Muhammad sendiri kepada seluruh umat manusia. Sebagai rasul yang diutus Allah, Nabi Muhammad s.a.w wajib menyampaikan segala yang diterimanya daripada Allah kepada umatnya.

﴿ ۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغۡ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَۖ وَإِن لَّمۡ تَفۡعَلۡ فَمَا بَلَّغۡتَ رِسَالَتَهُۥۚ وَٱللَّهُ يَعۡصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٦٧ ﴾ [1]

*Wahai rasul, sampaikanlah akan segala apa yang diturunkan kepadamu oleh Tuhanmu itu. Jika engkau tidak berbuat demikian, bererti engkau tidak menyampaikan risalah-Nya. Dan*

[1] Surah al-Maidah 5: 67

*(yakinlah bahawa) Allah pasti melindungi kamu daripada ancaman manusia. Sesungguhnya Allah tidak akan memberi hidayah kepada kaum yang mengingkari perintah-Nya.*

Walaupun baginda diberi jaminan oleh Allah bahawa usaha untuk mendaulatkan agama Islam akan mendapat kejayaan pada akhirnya, namun baginda tidak diberi laluan mudah. Sebaliknya Allah memerintahkan baginda supaya berjuang dan berjihad dengan segala yang ada bagi mencapai kemenangan yang telah dijanjikan-Nya itu. Bagi menjelaskan hakikat tersebut, Allah berfirman:

﴿ وَلَوْ نَشَآءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰٓ أَعْيُنِهِمْ فَٱسْتَبَقُوا۟ ٱلصِّرَٰطَ فَأَنَّىٰ يُبْصِرُونَ ﴿٦٦﴾ وَلَوْ نَشَآءُ لَمَسَخْنَٰهُمْ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمْ فَمَا ٱسْتَطَٰعُوا۟ مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ ﴿٦٧﴾ ﴾[1]

*Dan sekiranya Kami kehendaki, nescaya Kami menghapuskan sahaja daya penglihatan pada mata mereka. Sekiranya Kami berbuat demikian nescaya mereka akan terus meraba-raba untuk mencari jalan keluar, maka bagaimanakah agaknya mereka akan dapat melihat semula?(66). Dan sekiranya Kami kehendaki , Kami juga boleh menjadikan mereka kaku ditempat mereka, lantas mereka tidak dapat maju ke hadapan atau mundur ke belakang (67).*

**Penjelasan:**

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah boleh membantu rasul-Nya mencapai kemenangan dengan cara mudah seperti mengizinkan mereka menggunakan mu'jizat yang dikurniakan kepada mereka, dengan tujuan untuk melemahkan musuh sama ada dalam bentuk fizikal ataupun mental. Dengan itu semua musuh akan berasa lebih takut dan gerun untuk menentang

[1] Surah Yasin 36: 66-67

mereka. Kejayaan yang dicapai dengan cara itu tidak dianggap sebagai hasil perjuangan yang dituntut oleh Allah, sebaliknya sebagai kemenangan percuma yang tidak mempunyai nilai sama sekali disisi Allah.

﴿ وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَٰطِينَ ٱلْإِنسِ وَٱلْجِنِّ يُوحِى بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ ٱلْقَوْلِ غُرُورًا ۚ وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾ ﴾[1]

*Oleh yang demikian, Kami jadikan musuh yang menentang setiap nabi itu terdiri daripada manusia dan jin yang saling bantu-membantu menggodanya. (Tetapi yakinlah bahawa sekiranya Tuhanmu mahu terus menjagamu, nescaya mereka tidak mampu melakukan sesuatu terhadapmu. Oleh itu biarkanlah mereka melakukan apa yang mereka mahu.*

Apa pun jaminan yang diberi oleh Allah bagi memelihara agama-Nya , namun para rasul dan para dai'e wajib berjuang bagi mendaulatkan agama Allah. Mereka tetap diminta supaya mengorbankan fikiran, tenaga, harta benda, malah jiwa raga untuk agama kerana kemenangan tidak akan dapat dicapai dengan kuasa ghaib tanpa perjuangan.

﴿ وَجَٰهِدُوا۟ فِى ٱللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِۦ ۚ ﴾[2]

*Dan berjihadlah dengan bersungguh-sungguh demi untuk memelihara agama Allah.*

---

[1] Surah al-An'am 6: 112

[2] Surah al-Hajj 22: 78

﴿ قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾ ﴾ [1]

*Beritahu mereka bahawa sekiranya mereka lebih mencintai ibu bapa, anak-anak, saudara-mara, isteri dan keluarga mereka daripada Allah dan rasul-Nya, lalu menghalang mereka daripada berjihad bagi membela agama, atau sekiranya mereka takut harta benda yang telah terkumpul itu habis kerana berjihad, juga jika mereka berasa bahawa perniagaan yang banyak memberi keuntungan itu akan rugi kerana berjihad, maka biarkanlah mereka berkhayal sehingga Allah menentukan padahnya terhadap mereka. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang fasiq.*

Jihad tidak boleh dilengahkan. Seseorang muslim tidak boleh menunggu saat dan ketika yang difikirkan sesuai untuk berjihad. Malah, menangguhkan jihad untuk membela Islam adalah menjadi kesalahan di sisi agama. Jihad boleh dilakukan dengan apa juga cara yang termampu. Amalan jihad membela Islam wajib ditunaikan apabila seseorang itu mencapai umur baligh. Waktu yang paling sesuai untuk berjihad ialah ketika muda kerana seseorang itu mempunyai tenaga dan fikiran yang kuat. Kita tidak perlu menunggu sehingga mencapai usia tua untuk memulakan jihad, kerana tenaga dan fikiran sudah mula lemah.

[1] Surah al-Taubah 9: 24

﴿ وَمَن نُّعَمِّرْهُ نُنَكِّسْهُ فِي ٱلْخَلْقِ ۖ أَفَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٦٨﴾ ﴾ [1]

*Dan (hendaklah diingat bahawa) mereka yang Kami panjangkan umurnya, Kami boleh menjadikannya nyanyuk. Oleh itu mereka mestilah berwaspada (68).*

Kita diharuskan memohon doa agar dilanjutkan usia, tetapi janganlah hendaknya umur yang panjang itu disia-siakan tanpa menyumbang kepada kepentingan agama. Umur panjang yang dihabiskan hanya untuk mencari kemewahan duniawi tanpa menyumbang kepada kepentingan agama dianggap tidak bernilai, sebaliknya sia-sia sahaja. Apa lagi jika sampai ke tahap nyanyuk. Pada ketika itu semua yang ada pada diri seseorang itu sudah tidak berguna lagi. Justeru, Rasulullah s.a.w pernah berdoa :

« أَعُوْذُ بِكَ مِنْ أَنْ أُرِدَّ إِلَى أَرْذَلِ العُمُرِ »

*"Ya Allah! Aku memohon perlindungan daripada mencapai umur tua yang boleh menyebabkan nyanyuk."*

**Al-Quran Wahyu Allah yang Terakhir**

﴿ وَمَا عَلَّمْنَٰهُ ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِي لَهُۥٓ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾ لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٠﴾ ﴾

*Dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya. Malah dia tidak digalakkan sama sekali (untuk bersyair). Wahyu yang*

[1] Surah Yasin 36: 68
[2] Surah Yasin 36: 69-70

*diterimanya itu tidak lain melainkan sebuah kitab suci al-Quran yang mengandungi penerangan yang sangat jelas (69). (Tujuannya) supaya dia dapat memberikan bimbingan kepada mereka yang hidup (hatinya) di samping dapat menjelaskan dengan tepat akan akibat yang akan menimpa orang yang menolak al-Quran (70).*

Penjelasan:

Abad ke-7 Masihi merupakan kemuncak kemajuan peradaban Timur. Seiring dengan itu bidang-bidang lain seperti kebudayaan dan sastera turut berkembang maju dengan pesatnya. Perkembangan sastera Arab pada masa itu dikatakan setanding dengan perkembangan sastera di Parsi, Rom, India dan Cina. Perkembangan tersebut menyebabkan para sasterawan Arab disanjung tinggi dan didewa-dewakan sebagai jaguh ulung oleh masyarakat yang bertamadun pada waktu itu khususnya masyarakat Arab sendiri. Bagi membolehkan seseorang itu ditabal sebagai sasterawan ulung, para budayawan menganjurkan pelbagai pertandingan, termasuk pertandingan bersyair di Suq U'kaz pada musim haji. Para penyair yang ingin mengambil bahagian mestilah mempunyai kelayakan yang cukup dan berkemampuan untuk menampilkan seribu bait syair atau sajak dengan gaya bahasa yang teratur dan isi yang padat lagi menarik. Syair atau sajak tersebut mestilah diproklomasikan di khalayak ramai secara spontan. Karya penyair yang berjaya disebut **"al-Mua'llaqat"**, kemudian ditulis dengan air emas dan digantung di dinding Ka'bah sebagai bahan berharga yang perlu ditatapi dan dipelajari oleh orang ramai. Antara tokoh penyair yang terkenal ialah Imruulqis, al-Bukhturi, Ibn Zuhair. Syair mereka terkenal sehingga kini dan masih dipelajari oleh para pelajar dalam bidang sastera Arab di beberapa buah universiti terkenal di dunia.

Keindahan bahasa syair yang diagung-agungkan oleh masyarakat Arab ketika itu terhakis apabila Nabi Muhammad s.a.w membaca ayat-ayat al-Quran. Gaya bahasanya indah,

isinya padat dan analoginya tepat lagi menarik. Tiada siapa daripada kalangan penyair yang termasyhur di seluruh Semenanjung Tanah Arab yang mampu menyainginya. Oleh itu orang yang terbuka pintu hatinya ketika mendengar kalimah-kalimah al-Quran itu terus menerimanya sebagai kalam Tuhan sementara orang yang hatinya terus diselubungi kekufuran menggelar baginda Rasulullah s.a.w sebagai penyair yang menggunakan kuasa sihir untuk memukau para pendengar. Allah menyanggah tuduhan mereka yang mengatakan Nabi Muhammad sebagai penyair itu dengan sekeras-kerasnya. Firman-Nya:

﴿ وَمَا عَلَّمْنَـٰهُ ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴾ [1]

*Kami tidak sekali-kali mengajarnya syair. Malah Kami tidak mahu dia menjadi penyair. Sesungguhnya jelaslah apa yang dibacakannya itu adalah ayat-ayat peringatan yang disebut sebagai Quran (69).*

Watak nabi dengan watak penyair mempunyai perbezaan yang amat jauh sekali. Ada sesetengah penyair yang dianggap agung itu mempunyai watak ganjil seolah-olah seperti orang yang tidak siuman. Keunikannya hanya timbul ketika dia bermadah sahaja. Namun apa yang diketengahkan hanyalah khayalan dan cetusan rasa hatinya dalam gaya seni yang berasaskan perkara yang dilihat dan dirasainya sahaja. Lantaran itulah hujah-hujahnya kadangkala betul dan kadangkala salah.

﴿ وَٱلشُّعَرَآءُ يَتَّبِعُهُمُ ٱلْغَاوُۥنَ ﴿٢٢٤﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِى كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ ﴿٢٢٥﴾ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ﴿٢٢٦﴾ ﴾ [2]

---

[1] Surah Yasin 36: 69

[2] Surah al-Syu'ara 26: 224-226

*Para penyair itu terdiri daripada golongan yang suka mengelamun. Adakah kamu tidak pernah memerhati gelagat mereka yang suka mundar-mandir di tepi lembah-lembah sambil bermadah menyebut kata-kata yang mereka tidak pernah kotakan.*

Watak nabi lemah lembut, mulia dan suci. Baginda tidak berbicara kecuali yang benar. Saranannya adalah wahyu Tuhan. Oleh sebab itu, dalam ayat ke-69 di atas Allah menyanggah dengan sekeras-kerasnya dakwaan mereka yang cuba menyamakan Nabi Muhammad s.a.w dengan penyair-penyair yang cuba mencabar al-Quran itu. Nabi Muhammad terkenal sebagai seorang yang pintar dan mampu bertutur dengan pelbagai dialek suku kaum yang terdapat di Semenanjung Tanah Arab. Baginda memang mampu menandingi semua jaguh sastera melalui syair dan sajak. Namun begitu, dalam ayat di atas Allah menegaskan bahawa Dia tidak mengajarnya syair. Malah Dia tidak mahu Nabi Muhammad menjadi penyair.

# BAB 7

## Kejadian Alam dan Makhluk-Nya

### Rahsia Kejadian Haiwan

﴿ أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا خَلَقْنَا لَهُم مِّمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَآ أَنْعَـٰمًا فَهُمْ لَهَا مَـٰلِكُونَ ﴿٧١﴾ وَذَلَّلْنَـٰهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ ﴿٧٢﴾ وَلَهُمْ فِيهَا مَنَـٰفِعُ وَمَشَارِبُ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾ ﴾ [1]

*Tidakkah mereka pernah memikirkan bahawa sebahagian daripada nikmat yang Kami ciptakan untuk mereka itu ialah haiwan ternakan yang mereka miliki (71). Kami menjadikannya sebagai haiwan yang jinak, yang ada di antaranya boleh digunakan sebagai tunggangan dan yang lainnya pula dijadikan makanan (72). Selain itu mereka boleh mendapat berbagai-bagai manfaat lagi daripada haiwan tersebut seperti mendapat minuman (yang berkhasiat). Adakah (mereka berasa bahawa kalau sekadar itu sahaja) mereka tidak perlu bersyukur? (73).*

[1] Surah Yasin 36: 71-73

Penjelasan:

Antara haiwan yang dijadikan oleh Allah untuk tunggangan manusia ialah kuda, unta dan gajah. Kuda ialah sejenis haiwan yang cantik dan lampai. Kuda sangat cergas dan pintar, serta mempunyai deria yang tajam dan otak yang baik. Badannya licip, tengkuknya melengkung dan kepalanya meloncong ke muncungnya yang bulat. Hidungnya lembut seperti baldu dan tengkuknya mempunyai bulu yang lebat. Di antara kedua-dua belah telinganya yang runcung itu terdapat setompok jambul yang menarik. Daripada sifat fizikalnya itu, kuda memanglah haiwan yang cantik.

﴿ وَٱلۡخَيۡلَ وَٱلۡبِغَالَ وَٱلۡحَمِيرَ لِتَرۡكَبُوهَا وَزِينَةٗۚ وَيَخۡلُقُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴾[1]

*Kuda, baghal dan keldai dijadikan oleh Allah untuk ditunggang dan juga untuk dijadikan perhiasan.*

Kuda betina mengandungkan anaknya selama 11 bulan. Anak kuda mempunyai deria yang boleh bertindak dengan baik walaupun baru dilahirkan, malah ia boleh terus berdiri dan berjalan. Anak kuda yang baru lahir tidak mempunyai gigi kecuali gigi tengah yang tumbuh dua atau tiga hari selepas dilahirkan. Dalam tempoh 4 hingga 5 bulan, anak kuda bergantung sepenuhnya kepada susu ibunya. Apabila umurnya menjangkau 6 bulan, anak kuda sudah mempunyai satu set gigi susu yang lengkap dan selepas 3 tahun gigi susunya gugur dan 4 batang gigi kekalnya mula tumbuh menggantikan gigi susu itu. 4 batang lagi gigi kekal tumbuh apabila ia berumur 4 tahun. Ini bermakna kuda mempunyai 8 batang gigi kekal.

Kuda adalah hamba dan juga kawan kepada manusia. Pada zaman dahulu, tenaga kuda diperlukan sepenuhnya oleh manusia untuk dijadikan pengangkutan dan dalam peperangan. Manusia menggunakan tenaga kuda untuk menarik kereta,

[1] Surah al-Nahl 16: 8

mengangkut bekalan dan alat kelengkapan yang berat, dan yang paling penting ialah kegunaannya semasa peperangan. Kejayaan atau kekalahan dalam peperangan pada zaman dahulu kerap bergantung kepada kuda. Kejayaan Monggol mendirikan empayarnya hasil daripada kekuatan pasukan berkudanya yang handal adalah satu contoh yang jelas. Sebab itulah Allah menggesa umat Islam pada peringkat awal supaya sentiasa memperkemaskan pasukan berkuda bagi menjamin kemenangan dalam peperangan.

Kuda dicipta oleh Allah untuk ditunggang oleh manusia

﴿ وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ ... ﴾ [1]

*Dan hendaklah kamu menyediakan segala peralatan perang yang lengkap serta pasukan berkuda yang handal supaya kamu dapat menggerunkan musuh-Ku dan musuhmu.*

Kuda terdiri daripada pelbagai jenis. Kuda ***Shire*** boleh mencapai berat badan sehingga 1,000 kg dan boleh menarik muatan seberat 5,000 kg. Kuda Arab pula merupakan baka kuda jinak yang paling tua dan paling tulen. Kuda jenis ini

---

[1] Surah al-Anfal 8: 60

mempunyai tenaga yang kuat. Berdasarkan perintah Allah, orang-orang Islam pada abad ke-7 Masihi telah memajukan kuda jenis ini bagi tunggangan dan digunakan dalam peperangan. Walaupun saiznya agak kecil, namun ia lebih pintar dan pergerakannya lebih pantas, serta tahan lasak berbanding dengan kuda-kuda jenis lain.

Allah menjadikan kuda sebagai haiwan yang besar dan kuat. Haiwan ini tidak bersifat lemah lembut. Seseorang yang ingin menunggang kuda perlu menghampirinya dengan berhati-hati. Dia perlu bergerak dan bercakap perlahan-lahan. Jika tidak berbuat demikian, kemungkinan kuda akan lari, menendang atau melawan dengan menggunakan giginya.

Unta pula ialah sejenis haiwan yang unik. Haiwan ini mempunyai kaki dan tengkuk yang panjang. Mulutnya mempunyai tulang rawan. Lubang hidungnya luas, kelopak matanya pula menggelembung dengan bulu mata yang tebal dan biji mata yang besar berwarna perang. Yang anehnya unta mempunyai telinga yang kecil. Di belakangnya terdapat satu atau dua kelasa. Di kakinya terdapat dua batang jari sahaja. Pada setiap jari terdapat kulit khas yang lebar sebagai pengalas yang boleh mengembang. Tengkuknya yang panjang boleh membantu unta melihat pada jarak yang sangat jauh dan meragut tumbuh-tumbuhan yang tinggi. Kakinya yang mempunyai pengalas yang boleh mengembang itu boleh menghalangnya daripada terjerlus ke dalam pasir. Kelasa yang terdapat pada belakangnya mengandungi lemak. Anggota tersebut sangat penting bagi haiwan ini. Ketika ketiadaan makanan dan air atau ketika bekerja berat, lemak itu dicernakan semula ke dalam tisunya. Sebab itulah kadangkala kelasa unta kelihatan mengecil atau tidak kelihatan langsung.

[1]

[1] Surah al-Ghasyiah 88: 17

*Adakah mereka tidak pernah mengkaji bagaimanakah uniknya kejadian unta?*

Unta sesuai hidup di padang pasir

Jika dilihat pada sifat fizikalnya, unta kelihatan hodoh. Namun begitu, di sebalik kehodohan unta, terdapat sesuatu yang sangat menarik pada unta, iaitu matanya. Mata unta sungguh menawan terutamanya ketika menjeling. Jika anda hendak membuat jelingan yang menarik, tirulah jelingan seekor unta.

Unta boleh memakan daun pohon yang berduri tanpa mencederakan mulutnya. Unta juga boleh meminum sebarang jenis air dan kemudian menjadikannya susu yang sedap. Ia boleh minum sehingga 114 liter atau 25 gelen air pada satu-satu masa, dan dapat menahan lapar dan dahaga selama kira-kira 17 hari serta mampu membawa beban seberat 230 kg atau 500 paun, dalam keadaan lapar dan dahaga selama tiga hari.

Unta kelihatan seperti haiwan yang paling sabar, tetapi sebenarnya ia sangat sombong dan bengis. Apabila marah, ia akan menjerit sekuat-kuatnya sambil menendang, meludah atau menggigit sesiapa sahaja. Yang anehnya, unta betina sangat sayangkan anaknya. Selain menyusukannya, ia merangkul anaknya di sepanjang malam. Andaikata tuan unta hendak membawa ibu unta mengembara, mereka terpaksalah meletakkan anak unta di hadapan. Jika tidak berbuat demikian, ibu unta akan berpatah balik ke tempat anaknya diletakkan.

Gajah, walaupun pada asalnya merupakan binatang liar, namun ia boleh dijinakkan dan dijadikan binatang peliharaan yang diistilahkan sebagai **"an'aam"** (الأنعام). Haiwan ini dianggap sebagai haiwan yang terbesar di darat. Gajah mempunyai belalai yang panjang dan merupakan ciri penting bagi haiwan ini. Belalai berfungsi sebagai hidung dan tangan. Ia bernafas melalui belalai. Apabila hendak minum air, ia akan menggunakan belalainya untuk menyedut air kemudian menuangkannya ke dalam mulutnya. Begitu juga hendak makan, ia akan mengutip makanan dan menyuapkan ke dalam mulut dengan menggunakan belalai. Ketika cuaca panas, belalainya digunakan untuk menyedut air, lalu menyiramkan ke badannya. Belalai merupakan organ yang kuat dan sangat penting bagi gajah. Dengan belalai ia dapat mematahkan ranting-ranting kayu yang besar atau memungut sebiji kacang tanah yang kecil di atas tanah.

Malah dengan belalai juga gajah boleh menarik, mengangkut atau membawa sebarang benda dengan mudah. Menyedari pentingnya belalai, gajah sentiasa menjaga anggota tersebut dengan cermat dan sentiasa mengelakkannya daripada dipukul ketika berlawan. Ketika menerkam atau mempertahankan diri,belalainya dibengkokkan ke atas untuk mengelakkan daripada tercedera.

Gajah menggunakan belalainya untuk menyuap makanan ke dalam mulut

Di dunia ini terdapat tiga jenis gajah, iaitu gajah Asia, gajah Afrika dan gajah Afrika yang kecil. Gajah Asia didapati di hutan-hutan di India, Burma (sekarang Myanmar), Sri Lanka, Indo-China, Negara Thai, Malaysia dan Indonesia. Gajah ini mempunyai dahi yang menonjol keluar, belakang yang melengkung, telinga yang kecil dan kulit yang berwarna kelabu asap. Gajah Afrika mempunyai dahi menegak yang lebih tinggi, telinganya besar serta merebeh dan warnanya lebih gelap daripada gajah Asia. Saiz gajah Afrika lebih besar daripada gajah Asia. Ia boleh mencapai ketinggian sehingga 10 kaki dan mempunyai telinga selebar empat kaki. Beratnya pula antara lima hingga enam tan. Gajah Afrika yang kecil ialah gajah pigmi yang terdapat di Liberia dan Cameron. Tidak ada perbezaan antara gajah Afrika dari segi rupanya kecuali saiznya lebih kecil dan telinganya berbentuk bulat.

Melihat kepada saiznya yang besar, sudah tentu kita menyangka gajah boleh menggegarkan tanah dan meninggalkan lubang yang dalam dipermukaan tanah setiap kali ia memijak tanah. Namun begitu, perkara ini tidak berlaku kerana Allah menjadikan jari lembut yang terdiri daripada tisu yang kenyal. Dengan itu ia boleh berjalan dengan senyap tanpa membuat bising dan juga tidak meninggalkan lubang setiap kali ia memijak tanah kerana ia berjalan dengan hujung jarinya yang lembut itu.

Gajah merupakan haiwan yang sangat berguna kepada manusia kerana ia boleh melakukan pelbagai kerja yang diarahkan setelah ia dijinakkan. Pada zaman dahulu gajah digunakan sebagai senjata dalam peperangan. Dalam surah al-Fiel 105: 1-5, Allah menceritakan kisah raja Abrahah dari negeri Yaman yang menggunakan pasukan tentera bergajah untuk menyerang Mekah pada tahun 610 Masihi telah tewas kerana dibinasakan oleh burung-burung Ababiel. Sejarah juga telah mencatatkan bahawa salah seorang raja Mesir pernah menawan beberapa kawasan di Asia kecil dengan pertolongan gajah. Begitu juga dengan orang-orang Garthage yang menggunakan gajah untuk melawan orang Rom.

Sebenarnya gajah bukanlah haiwan yang berbahaya kepada manusia. Biasanya sekumpulan gajah akan melarikan diri jika bertembung dengan manusia. Gajah hanya akan menyerang jika dihampiri, kerana berasa terancam atau terperanjat. Biasanya gajah akan menunjukkan suatu isyarat bahaya terlebih dahulu sebelum menyerang mangsa, iaitu dengan mengembangkan telinganya sambil menunjukkan rupa yang bengis dan bertempik dengan suara yang garang dan kuat. Kemudian gajah akan mara ke hadapan untuk melawan lalu menerkam mangsa dengan ganas. Ia akan menjijak dan menghenyakkan mangsanya dengan gadingnya.

Gajah tergolong ke dalam kategori haiwan yang memakan tumbuh-tumbuhan. Ia memakan rumput, daun dan pucuk kayu, buah-buahan, ranting kayu yang lembut, akar dan

kulit-kulit pokok tertentu. Pada umumnya seekor gajah memerlukan lebih kurang setengah tan metrik makanan sehari. Gajah akan menguyah makanannya lalu menghisap cecairnya kemudian meluahkan keluar hampasnya. Gajah memerlukan minuman sebanyak lebih kurang 200 liter air sehari.

Kuda, unta dan gajah mempunyai tenaga yang cukup banyak. Haiwan ini mampu melakukan kerja-kerja berat seperti mengangkat barang pada jarak yang sangat jauh.

﴿ وَتَحۡمِلُ أَثۡقَالَكُمۡ إِلَىٰ بَلَدٖ لَّمۡ تَكُونُواْ بَٰلِغِيهِ إِلَّا بِشِقِّ ٱلۡأَنفُسِ ﴾ [1]

*Haiwan-haiwan itu boleh mengangkut barang-barang berat kamu ke destinasi yang kamu tidak berupaya sampai ke sana kecuali dengan susah payah.*

Unta, lembu, kerbau dan kambing boleh membekalkan daging dan susu. Kedua- dua bahan ini merupakan sumber makanan yang penting kepada manusia. Daging membekalkan lemak, protein, vitamin dan zat galian. Sementara susu pula membekalkan protein, lemak, karbohidrat, zat galian seperti kalsium, fosforus, zat besi dan juga vitamin. Demikian antara maksud firman Allah:

﴿ وَذَلَّلۡنَٰهَا لَهُمۡ فَمِنۡهَا رَكُوبُهُمۡ وَمِنۡهَا يَأۡكُلُونَ ٧٢ ﴾ [2]

*Dan Kami menjadikannya sebagai haiwan yang jinak yang diantaranya untuk digunakan oleh mereka sebagai haiwan tunggangan dan yang lainnya pula untuk dijadikan makanan.*

Haiwan ternakan, selain dapat berfungsi sebagai kenderaan dan sumber bahan makanan, ia juga mempunyai pelbagai kegunaan. Kulit dan bulunya boleh dijadikan perhiasan

---

[1] Surah al-Nahl 16: 7

[2] Surah Yasin 36: 72

dan pakaian. Najisnya pula boleh dijadikan baja tanaman. Dipercayai bahawa baja organik yang terdiri daripada najis haiwan dan reputan organisma hidup merupakan baja asli yang terbaik.

﴿ وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنۢ بُيُوتِكُمۡ سَكَنٗا وَجَعَلَ لَكُم مِّن جُلُودِ ٱلۡأَنۡعَٰمِ بُيُوتٗا تَسۡتَخِفُّونَهَا يَوۡمَ ظَعۡنِكُمۡ وَيَوۡمَ إِقَامَتِكُمۡ وَمِنۡ أَصۡوَافِهَا وَأَوۡبَارِهَا وَأَشۡعَارِهَآ أَثَٰثٗا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٖ ٨٠ ﴾ [1]

*Dan Dia menjadikan bagi kamu rumah-rumah (khemah-khemah) dari kulit haiwan ternakan yang kamu berasa ringan (membawanya) pada waktu kamu berjalan dan pada waktu kamu bermukim dan (dijadikan-Nya pula) dari bulu-bulu domba dan bulu unta dan bulu kambing alat- alat perhiasan rumah yang boleh tahan lama.*

﴿ وَٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةٗ لَّعَلَّهُمۡ يُنصَرُونَ ٧٤ لَا يَسۡتَطِيعُونَ نَصۡرَهُمۡ وَهُمۡ لَهُمۡ جُندٞ مُّحۡضَرُونَ ٧٥ فَلَا يَحۡزُنكَ قَوۡلُهُمۡۘ إِنَّا نَعۡلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعۡلِنُونَ ٧٦ ﴾ [2]

*( Mereka tidak tahu bersyukur ) dan ( oleh sebab itulah ) mereka menjadikan benda lain selain Allah (seperti berhala) sebagai tuhan yang disembah sambil cuba pula menaruh harapan kepada berhala-berhala itu untuk menolong mereka (74). (Walaupun pada hakikatnya) berhala-berhala itu tidak mampu menolong mereka, namun mereka sanggup menjadi pembela untuk mempertahankannya (75). Maka janganlah engkau (Muhammad) khuatir di atas tuduhan-tuduhan mereka*

---

[1] Surah al-Nahl 16: 80

[2] Surah Yasin 36: 74-76

*terhadapmu. Sesungguhnya Kami mengetahui segala rancangan mereka sama ada yang dirahsiakan mahupun yang dilahirkan (76).*

**Penjelasan:**

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab yang terdahulu bahawa antara tujuan Allah menurunkan surah ini adalah untuk menyakinkan dan menenangkan perasaan Nabi Muhammad s.a.w yang telah menerima terlalu banyak kritikan, tohmahan dan tuduhan liar daripada penentang-penentangnya, terutama daripada kaum kerabatnya sendiri. Sebelum ayat ini di turunkan, Allah telah menyatakan:

﴿ وَلَتَسْمَعُنَّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَمِنَ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَذًى كَثِيرًا ۚ ﴾ [1]

*Demi sesungguhnya engkau (Muhammad) akan mendengar daripada golongan yang telah diturunkan kitab kepada mereka dan daripada orang-orang musyrikin itu, berbagai perkara yang sangat menyakitkan hatimu.*

Dalam ayat ke-76 surah ini, Allah sekali lagi memujuk Nabi Muhammmad s.a.w supaya jangan berasa kecewa dengan tuduhan dan tohmahan mereka itu kerana tuduhan dan cemuhan tersebut sedikit pun tidak akan dapat menjejaskan perjuangannya yang suci itu, walaupun mereka sentiasa mengatur pelbagai rancangan dan strategi untuk membantutkannya, namun Allah tetap akan menggagalkan semua rancangan mereka.

﴿ وَمَكَرُوا۟ وَمَكَرَ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَـٰكِرِينَ ۝٥٤ ﴾ [2]

---

[1] Surah Ali 'Imran 3: 186

[2] Surah Ali 'Imran 3: 54

*Mereka cuba merancang dan Allah juga merancang. Yang ternyata, rancangan Allah itu adalah lebih tersusun daripada rancangan mereka.*

# BAB 8

## Allah Tuhan Yang Maha Suci

### Asal Usul Kejadian Manusia

﴿ أَوَلَمْ يَرَ ٱلْإِنسَـٰنُ أَنَّا خَلَقْنَـٰهُ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُّبِينٌ ﴿٧٧﴾ ﴾ [1]

*Adakah manusia itu tidak sedar bahawa dia cuma Kami ciptakan dari nutfah sahaja? Tiba-tiba apabila dewasa dia mahu menjadi penentang yang hebat pula (77).*

### Penjelasan:

Menurut ayat ini asal-usul kejadian manusia adalah daripada nutfah, iaitu benih lelaki yang telah disenyawakan dengan benih wanita. Nutfah adalah peringkat kedua dalam proses kejadian manusia. Peringkat pertama ialah *sulalah*, iaitu sel seks. Ini berasaskan struktur jasad manusia itu sendiri yang terdiri daripada beberapa organel yang tersusun rapi dan mempunyai fungsi yang saling berkaitan antara satu dengan lain. Antara fungsinya termasuklah menjaga kekuatan dan keutuhan organel-organel itu sendiri yang akhirnya membawa kepada keutuhan

[1] Surah Yasin 36: 77

tubuh badan. Pada hakikatnya, komponen asas sel ialah protein, karbohidrat dan lemak. Ketiga-tiga komponen ini adalah daripada makanan yang dimakan oleh manusia. Makanan tersebut, sama ada tumbuh-tumbuhan ataupun haiwan, adalah berpunca daripada tanah. Makanan yang dimakan dicernakan oleh sistem pencernaan dan hasilnya diserap ke dalam sistem peredaran darah lalu di bawa ke seluruh tubuh bagi membentuk komponen-komponen sel yang berperanan dalam pembiakan. Sel-sel yang terdapat di dalam badan terdiri daripada sel isomatik dan sel seks atau *sulalah.* Sel seks lelaki ialah *sperma* dan sel seks wanita pula ialah *ovum .* Allah menjelaskan:

﴿ وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَٰهُ نُطْفَةً فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ ﴾ [1]

*Sesungguhnya Kami menciptakan manusia daripada sulalah yang berasal daripada tanah. Kemudian kami menjadikannya (manusia itu) sebagai nutfah yang tersimpan di dalam suatu tempat yang kukuh (rahim).*

﴿ أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِىٍّ يُمْنَىٰ ﴿٣٧﴾ ﴾ [2]

*Bukankah manusia itu (pada mulanya hanya berasal daripada) nutfah yang ia adalah sebahagian daripana mani yang dipancarkan sahaja?*

Proses pembentukan nutfah amat kompleks. Namun Allah tetap memerintahkan manusia membuat kajian dengan mendalam berhubung dengan perkara ini agar mereka sedar dan insaf tentang hakikat dirinya. Dalam beberapa ayat yang lain Allah berfirman:

---

[1] Surah al-Mu'minun 23: 12-13

[2] Surah al-Qiamah 75: 37

﴿ فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَـٰنُ مِمَّ خُلِقَ ۝٥ خُلِقَ مِن مَّآءٍ دَافِقٍ ۝٦ ﴾ [1]

*Maka perlulah manusia menyelidik (supaya dia dapat mengetahui ) daripada unsur apakah dia dijadikan. Sebenarnya dia dijadikan daripada air lendir sahaja.*

### Allah Berkuasa Menghidupkan Semula Manusia

﴿ وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْيِ ٱلْعِظَـٰمَ وَهِىَ رَمِيمٌ ۝٧٨
قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ۝٧٩ ﴾

*Seorang lelaki yang mencabar engkau, Kami sebutkan sebagai contoh. Dia bertanya kepada engkau, "Siapakah yang sanggup menghidupkan kembali tulang yang reput ini? (78). Jawablah!" Yang akan menghidupkannya kelak ialah Tuhan yang menciptakannya sejak peringkat awal dahulu kerana Dia Maha Mengetahui tentang keadaan makhluk yang diciptakan-Nya itu" (79).*

### Penjelasan:

Ibnu Abi Hatim meriwayatkan dari Mujahid, Ikrimah, 'Urwah ibnu Zubair dan al-suddi berkata bahawa pada suatu ketika Ubai ibnu Khalaf datang kepada Nabi Muhammad s.a.w sambil membawa bersamanya beberapa ketul tulang orang mati dari sebuah kubur lama. Dia bertanya kepada nabi:

أَتَزْعَمُ يَا مُحَمَّدُ أَنَّ اللهَ يُحْيِنَا بَعْدَ أَنْ نُصْبِحَ رَفَاةً مِثْلَ هَذَا؟

---

[1] Surah al-Tariq 86: 5-6

[2] Surah Yasin 36: 78-79

*Maksudnya: " Wahai Muhammad! Adakah engkau menyangka bahawa Allah boleh menghidupkan kami setelah kami semua menjadi tulang yang reput seperti ini?"*

Sambil itu dia mematah-matahkan tulang-tulang tersebut untuk tujuan menghina dan memperolokkan baginda. Melihat telatahnya yang tidak bersopan itu baginda menjawab:

نَعَمْ، يَبْعَثُكَ اللهُ وَيُدْخِلُكَ النَّارَ

*Maksudnya: "Ya, Allah akan tetap membangkitkan kamu semula dan selepas itu Dia akan mencampakkan kamu ke dalam neraka"*

Walaupun Allah sentiasa berpesan kepada Nabi Muhammad s.a.w supaya tidak bercakap kasar dengan orang yang berdialog dengannya, namun dalam keadaan tertentu, baginda dibenarkan bercakap kasar dengan mereka. Firman Allah:

﴿ ۞ وَلَا تُجَٰدِلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ إِلَّا بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡهُمۡۖ ﴾ [1]

*Dan janganlah kamu berdebat dengan ahli kitab dengan kata-kata yang kasar. Sebaliknya berdebatlah dengan kata-kata yang lemah lembut, kecuali jika mereka itu biadab.*

[1] Surah al-'Ankabut 29: 46

﴿ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَآ أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ ۝٨٠ أَوَلَيْسَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم ۚ بَلَىٰ وَهُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ۝٨١ ﴾ [1]

*Dialah Tuhan yang menjadikan untuk kamu akan api yang dapat kamu nyalakan segera itu daripada pohon yang hijau (80). Adakah tidak boleh diakui bahawa Tuhan yang mencipta langit dan bumi itu mampu menghidupkan orang mati seperti yang dipersoalkan itu? Adalah tidak syak lagi bahawa Dia mampu kerana Dia adalah Pencipta Yang Maha Mengetahui (81).*

**Penjelasan:**

Antara peranan penting yang dimainkan oleh para rasul yang diutus oleh Allah ialah menanamkan ke dalam hati manusia akan kepercayaan terhadap perkara ghaib seperti kebangkitan semula selepas mati. Hakikat ini tidak mudah dipercayai kerana tidak dapat ditanggap oleh pancaindera. Justeru, usaha menanamkan kepercayaan tersebut kepada manusia merupakan salah satu cabaran besar bagi para rasul. Pada peringkat awal perjuangannya, Nabi Muhammad s.a.w telah menghadapi cabaran yang amat getir. Setiap kali baginda mengemukakan persoalan ini baginda dicabar dengan cara yang tidak bersopan. Apa pun alasan yang diberi, orang kafir tetap menolaknya dengan kasar. Namun Allah terus memerintahkan rasul-Nya itu supaya terus menyampaikan berita yang benar ini kepada mereka.

---

[1] Surah Yasin 36: 80-81

﴿ زَعَمَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن لَّن يُبۡعَثُواْۚ قُلۡ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبۡعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلۡتُمۡۚ وَذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٞ ٧ ﴾ [1]

*Orang-orang kafir itu tetap menyangka bahawa mereka tidak mungkin dibangkitkan semula. Katakanlah juga kepada mereka," Demi Tuhanku kamu tetap akan dibangkitkan semula selepas itu kamu akan diberi tahu tentang apa sahaja amalan yang kamu telah lakukan. Perkara ini sangat mudah bagi Allah melaksanakannya*"

Dalam ayat ke-80 dan ayat ke-81 surah Yasin ini, Allah memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w. supaya mengajak manusia menggunakan kemahiran berfikir mereka bagi menyemaikan keyakinan terhadap kekuasaan Allah membangkitkan semula manusia selepas mati. Manusia seharusnya berusaha memerhati dan mengkaji dengan teliti segala kejadian di alam nyata ini dan kemudian menganalisanya dengan mendalam. Selain boleh membuka rahsia disebalik segala kejadian, usaha ini juga boleh mencelikkan akal seseorang. Dengan itu mereka dapat berfikir dengan lebih matang dan akhirnya dapat menerima dengan yakin terhadap kekuasaan Allah.

Dalam ayat ke-80, Allah menyatakan dengan jelasnya bahawa pohon-pohon hijau yang terdapat disekeliling kita boleh mengeluarkan api, iaitu bahan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Api dalam konteks umumnya boleh dikaitkan dengan tenaga. Manusia seharusnya mengambil inisiatif untuk mencari kaedah bagaimana pohon-pohon hijau itu boleh menghasilkan tenaga bagi membantu mereka memesatkan lagi pembangunan. Ini bermakna bahawa manusia mestilah sentiasa membuat penyelidikan terhadap tumbuh-tumbuhan hijau yang terdapat di sekeliling mereka secara

---

1 Surah al-Taghabun 64: 7

meluas dan mendalam. Usaha seumpama itu, bukan sahaja dapat menambah ilmu pengetahuan tentang kepelbagaian tumbuhan dan faedahnya kepada alam, tetapi yang lebih penting dapat menyedarkan mereka tentang betapa kompleksnya sistem tumbuh-tumbuhan dan betapa besarnya peranan tumbuh-tumbuhan dalam menstabilkan keseimbangan alam ini.

Kesedaran ini akan menimbulkan banyak persoalan lain dalam hati seseorang, seperti "Bolehkah alam yang kompleks ini wujud tanpa pencipta?" Bagi mendapatkan jawapan, sudah tentu seseorang itu sudah berfikir dan megaktifkan akalnya melalui pembelajaran dan akhirnya beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.

Kebelakangan ini banyak sekali kajian yang dibuat terhadap alam syahadah dan hasilnya amat menakjubkan. Contohnya kajian terhadap alam tumbuhan. Hasil kajian setakat ini telah menunjukan bahawa di atas muka bumi ini terdapat kira-kira 54% kawasan hutan hijau tropika, 25.4% hutan boreal, 21.2% hutan temperat serta 650 juta hektar hutan belukar dan tumbuhan-tumbuhan renek. Semuanya merupakan kolam untuk menyerap karbon bagi mengawal iklim dunia, menjadi kawasan tadahan air, sumber perubatan, makanan, kayu kayan dan lain-lain yang merupakan khazanah yang tidak ternilai kepada manusia. Seluas 0.4 hektar kawasan paya bakau mampu melaksanakan kerja-kerja pembersihan air dan perkhidmatan ekologi bernilai berjuta-juta dolar Amerika setahun. Malangnya manusia tidak berfikir panjang. Sesetengah mereka bukan sahaja tidak beriman, malah sumbangan tumbuh-tumbuhan itu terhadap kehidupan manusia tidak dihargai. Kebanyakan kawasan hutan dan kawasan kayu bakau dimusnahkan dengan begitu rakus semata-mata untuk mengejar pembangunan.

Menurut ayat ini kegunaan tumbuh-tumbuhan hijau bukan hanya setakat mengawal sistem ekologi, tetapi juga boleh mengeluarkan api atau tenaga yang boleh membantu manusia melaksanakan pembangunan dengan lebih pesat lagi. Jika kajian itu dikaitkan dengan saranan wahyu Allah sudah pasti dapat

mencuit hati seseorang insan untuk mempercayainya dengan yakin akan hakikat kekuasaan Allah menciptakan alam ghaib dan membangkitkan semula orang yang sudah mati.

Selain gesaan supaya manusia mengkaji alam tumbuh-tumbuhan yang terdapat di atas muka bumi ini, Allah juga menggesa manusia supaya mengkaji dan menyelidik alam kosmos yang luas itu. Ayat ke-81 surah ini berkait rapat dengan beberapa ayat lain yang menjelaskan tentang kejadian langit dan bumi. Antaranya ialah:

﴿ ٱلَّذِى خَلَقَ سَبۡعَ سَمَٰوَٰتٖ طِبَاقٗاۖ مَّا تَرَىٰ فِى خَلۡقِ ٱلرَّحۡمَٰنِ مِن تَفَٰوُتٖۖ فَٱرۡجِعِ ٱلۡبَصَرَ هَلۡ تَرَىٰ مِن فُطُورٖ ٣ ﴾ [1]

*Allah telah menciptakan tujuh petala langit yang berlapis-lapis (yang) kamu tidak nampak sedikit kecacatan pun pada ciptaan Allah yang Maha Pengasih itu.*

Tiada siapa yang mengetahui akan hakikat langit kecuali Dia. Langit kita ini disebut ***"samaud-dunya"*** (سماء الدنيا). Di dalamnya sahaja terdapat galaksi yang tidak terkira banyaknya. Di dalam setiap galaksi itu pula terdapat bintang yang tidak terkira banyaknya. Setiap bintang menjadi induk kepada sejumlah planet dan bintang-bintang siarah kecil serta satelit yang amat banyak.

﴿ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفۡظٗاۚ ﴾ [2]

*Kami hiasi langit dunia ini dengan bintang- bintang (yang bergemerlapan) dan Kami menjaganya dengan baik.*

---

[1] Surah al-Mulk 67: 3

[2] Surah Fussilat 41: 12

Fikirkanlah betapa luasnya ***samaud-dunya*** ini dan bagaimanakah pula keluasan enam lapis langit yang lain itu? Allah sahajalah yang mengetahui.

Berasaskan kenyataan dalam ayat-ayat ini, manusia harus berfikir adakah Tuhan yang berkuasa menciptakan tujuh petala langit yang maha luas itu tidak mampu menghidupkan semula orang mati? Manusia seharusnya menggunakan kemahiran berfikir untuk memantapkan kepercayaan terhadap perkara ghaib khususnya yang berkaitan dengan kebangkitan semula seperti yang dinyatakan dalam wahyu itu.

﴿ لَخَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾ ﴾ [1]

*Sesungguhnya penciptaan segala langit dan bumi ini adalah lebih kompleks daripada penciptaan manusia. Tetapi ramai manusia yang tidak mengetahui.*

﴿ إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾ فَسُبْحَٰنَ ٱلَّذِى بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾ ﴾ [2]

*Sesungguhnya kuasa Allah adalah mutlak. Apabila Dia hendak menjadikan sesuatu, memadailah dengan hanya berkata "Jadilah" nescaya benda itu boleh terus terjadi (82). Maha Suci Allah , Tuhan yang memiliki dan menguasai segala-galanya dan kepada-Nya semua itu akan kembali (83)*

---

[1] Surah Gafir 40: 57

[2] Surah Yasin 36: 82-83

Penjelasan:

Allah s.w.t Tuhan yang Maha Esa, Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui. Menurut ta'alluq qudrah–Nya, Dia boleh mencipta sesuatu dalam sekelip mata sahaja. Namun menurut ta'alluq iradah-Nya Dia boleh mencipta sesuatu secara evolusi. Dia menciptakan langit dan bumi selama enam hari, menjadikan manusia secara berperingkat-peringkat bermula daripada sel sulalah yang berasal daripada tanah kemudian dalam bentuk nutfah setelah ia dimasukkan ke dalam rahim dan selepas itu dibentuk menjadi 'alaqah mudhghah, i'zham, lembaga dan janin yang sempurna. Begitulah kejadian yang lain, semuanya dijadikan menurut proses evolusi kerana konsep itu menjadi fitrah, sunnah serta qada' dan qadar–Nya.

Allah s.w.t Tuhan Yang Maha Esa, Maha Kuasa dan Maha Suci daripada sifat-sifat kekurangan dan penyengutuan yang dibuat oleh manusia. Di tangan-Nyalah kuasa memerintah dan kepada-Nyalah juga tempat kembali segala sesuatu.

# PENUTUP

**Surah Yasin diturunkan selepas** surah Jin, iaitu selepas kembalinya Rasulullah s.a.w dari Taif. Peristiwa di Taif sungguh menyayatkan hati baginda kerana baginda telah dihina dan diperlekehkan oleh masyarakat di sana tanpa perikemanusiaan. Dalam suasana yang gawat itu baginda tidak dapat berbuat apa-apa kecuali menghadapkann mukanya kepada Allah s.w.t untuk berdoa dan merayu agar diberi pertolongan. Sambil berdoa dan merayu, Baginda membuat pengakuan untuk terus berjuang dengan gigih dan penuh kesabaran sehingga mendapat penentuan daripada Allah. Hasil daripada doa dan rayuannya itu, baginda telah dihiburkan oleh Allah dengan kedatangan sekumpulan makhluk jin untuk menerima seruan-Nya ketika baginda singgah di Nakhlah semasa dalam perjalanan balik ke Mekah. Seterusnya baginda menerima wahyu yang terkandung dalam surah ini.

Wahyu yang terkandung dalam surah Yasin ini sebanyak 83 ayat ini mengandungi banyak pengajaran. Sekiranya dihayati sudah pasti banyak kemajuan yang dapat dicapai dalam hidup ini kerana mesejnya sangat jelas. Antaranya ialah supaya kita dapat memantapkan iman terhadap ajaran agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ajaran ini adalah ajaran

agama Allah yang terakhir diturunkan untuk seluruh umat manusia. Bimbingannya dapat menjamin kebahagiaan hidup kita. Pada amnya kehidupan menurut ajaran agama ini terbahagi kepada dua, iaitu kehidupan di dunia dan kehidupan di akhirat. Kehidupan di dunia ini merupakan kehidupan sementara. Dalam melayari hidup di dunia ini, kita diibaratkan seperti sebuah kapal yang sedang melayari perjalanan yang jauh. Dunia ini pula diibaratkan seperti sebuah pelabuhan yang menjadi tempat persinggahan sementara bagi kapal untuk mengambil bekalan minyak dan makanan yang perlu dibawa bersama untuk meneruskan perjalanan menuju ke suatu destinasi yang masih jauh. Oleh yang demikian, kita di gesa oleh Allah supaya menyediakan bekalan yang secukupnya untuk di bawa ke alam akhirat. Perjalanan menuju akhirat merupakan perjalanan yang sangat jauh dan di luar jangkaan kita. Sebelum dilahirkan ke dunia kita berada di alam arwah.

﴿ وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَـٰذَا غَـٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾ ﴾ [1]

*"Dan ingatlah bahawa pada suatu masa, iaitu pada ketika zuriat bani Adam masih berada di alam arwah, Tuhanmu telah mengambil pengakuan mereka (tentang konsep ketuhanan yang sebenar ). Dia bertanya kepada mereka, "Adakah Aku Tuhan Kamu? Mereka menjawab, "Ya, kami bersaksi bahawa Engkaulah Tuhan kami (yang sebenarnya). Allah berbuat demikian supaya pada hari kiamat kelak mereka tidak akan berdalih dengan mengatakan bahawa Kami cuai untuk mengambil pengakuan tersebut."*

Berapa lamakah zuriat bani Adam berada di alam arwah? Allah sahajalah yang maha mengetahui akan

---

[1] Surah al-A'raf 7: 172

hakikatnya. Dari alam arwah, roh manusia ditiupkan pula ke dalam jasadnya ketika berada di dalam rahim ibu. Pemindahan itu dibuat oleh Allah mengikut giliran masing-masing. Selepas itu mereka dilahirkan ke dunia ini untuk menjalani hidup. Masa hidup di dunia ini sangat pendek jika dibandingkan dengan masa sebelum dan selepasnya. Sebab itulah kehidupan di dunia disebut sebagai hidup sementara. Selepas menjalani hidup sementara di dunia ini manusia akan dipindahkan pula ke alam barzakh setelah melalui kematian.

﴿ كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ﴾ [1]

*Setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati.*

﴿ وَمِن وَرَآئِهِم بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ١٠٠ ﴾ [2]

*Dan selepas kematian, mereka akan berada di alam barzakh sehinggalah sampai hari mereka dibangkitkan semula.*

Usia dunia ini sudah terlalu lama. Menurut kajian ahli sains, usia dunia sudah menjangkau hampir 5000 juta tahun. Namun belum ada tanda-tanda yang nyata yang menunjukkan dunia akan hancur atau berlakunya kiamat. Sebelum kiamat, manusia yang dipindahkan ke alam barzakh itu terpaksa menunggu di sana sehingga sampai ketentuan daripada Allah untuk dibangkitkan semula. Selepas dibangkitkan semula, mereka terpaksa menunggu lagi di tempat mereka dibangkitkan itu beberapa lama pula bagi menanti arahan untuk berpindah ke Mahsyar, tempat yang hanya diketahui oleh Allah. Perjalanan dari tempat mereka dibangkitkan ke Mahsyar juga mengambil masa yang terlalu lama. Setelah sampai di Mahsyar mereka terpaksa menunggu beberapa lama lagi bagi menanti giliran untuk dibicarakan di mahkamah Ilahi. Setelah selesai

[1] Surah Ali 'Imran 3: 185

[2] Surah al-Mu'minun 23: 100

pengadilan dibuat, mereka akan diarah supaya meniti di Titian Sirat. Keadaan mereka ketika itu bergantung kepada nasib masing-masing. Mereka yang berjaya akan terselamat dan sebaliknya mereka yang gagal akan celakalah hidup mereka buat selama-lamanya.

Bagi menyelamatkan diri daripada bencana pada hari-hari mendatang yang sangat panjang itu, Allah sentiasa mengingatkan manusia agar jangan leka untuk mencari bekalan semasa hidup di dunia ini. Bekalan yang paling baik untuk dicari ketika hidup ini adalah **taqwa.**

﴿ وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿١٩٧﴾ ﴾ [1]

*Oleh yang demikian hendaklah kamu menyediakan bekalan. Maka bekalan yang paling baik untuk kamu sediakan ialah taqwa. Justeru, bertaqwalah kamu kepada-Ku wahai orang yang berakal.*

[1] Surah al-Baqarah 2: 197

# RUJUKAN

Abdul Basit Badr, 1414H. التاريخ الشامل al-Madinah al-Munawarah.

Abdul Hamid bin Badis, 1964 تفسير بن باديس Beirut: Darul Fikr.

Abdul Muta'al al-Muhammad al-Jabari, 1407 H
الناسخ والمنسوخ بين الإثبات والنفى Kaherah: Maktabah Wahbah.

Abdullah Basmieh Sheikh, 1980. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Abi Daud Sulaiman ibn al-Ash'ath al-Sajistani al-Azdi. سنن أبى داود

Abu Bakar al-Jazairie, 1384 H منهاج المسلم
al-Madinah al-Munawarah: Darul Fikr

Al-'Allamah 'Ali bin Burhanuddin al-Halabi al-Syafie,1349 H
السيرة الحلبية

Al-'Allamah al-Sheikh Ahmad al-Sawi al-Maliki 1995.
حاشية العلامة الصاوي على تفسير الجلالين
Makkah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Tijarah

Al-Faqih al-Mufassir al-Jamie' al-Husain bin Muhammad al-damighani, 1995 قاموس القرآن Beirut: Darul I'lm lil-Malayien.

Al- Sheikh al-Imamul Mujtahid al-'Alamah al-Rabbani Muhammad bin Ali,1973 نيل الأوطار Beirut:Darul Jamiel

Jamaluddin al-Sayuti. لباب النقول في أسباب النزول
Kaherah: Maktabah Wahbah

Sa'ied Hauwa, 1985 الأساس في التفسير
Kaherah: Darul Salam lil tiba'ah wal Nasyr wal–Tauzie'

The Bilingual Encyclopedia,1975.
Petaling Jaya: Preston Corporation Sdn. Bhd.

William K. Purves dan Gorden H. Orarians,1983.
*Life : The Science Of Biology*. New York: Senior Associates Inc

World Book International,1991.Chicago. World Book Inc.

Yusuf al-Qardhawi,1411 مدخل الدراسة الشريعة الإسلامية
Kaherah: Maktabah Wahbah